

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 2**

**Isnin**

**17 April 2017**

---

**K A N D U N G A N**

<b>MENGANGKAT SUMPAH OLEH SEORANG AHLI</b>	(Halaman 1)
<b>PEMSYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:</b>	
-Mengalu-alukan Pelantikan Semua Seorang Ahli	(Halaman 1)
-Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong	(Halaman 2)
-Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 2)
-Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 2)
-Kebenaran Bercuti	(Halaman 4)
<b>URUSAN MESYUARAT</b>	(Halaman 3)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 4)
<b>USUL-USUL:</b>	
-Jalan-jalan Masuk ke Parlimen	(Halaman 21)
-Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>YB Senator Dato' Khairudin Samad</i>	(Halaman 22)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Isnin, 17 April 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**MENGANGKAT SUMPAH OLEH SEORANG AHLI**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEMULA SEORANG AHLI**

**Tuan Yang di-Pertua:** Salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan semula Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad sebagai Ahli Dewan Negara... *[Tepuk]*

Pelantikan Yang Berhormat untuk penggal kedua merupakan satu pengiktirafan oleh kerajaan terhadap khidmat bakti serta sumbangan Yang Berhormat sepanjang penggal yang lalu. Saya berharap prestasi ini dapat diteruskan lagi dan diterjemahkan melalui penglibatan Yang Berhormat dalam perbahasan-perbahasan ke atas rang undang-undang dalam Dewan yang mulia ini.

Saya juga percaya seperti mana sumpah yang telah dilafazkan tadi, kepatuhan terhadap prinsip-prinsip asas, dengan izin, '*Rule of Law*', '*Separation of Power*', '*Check and Balance*' dan turut menyedari bahawa peraturan dan *decorum* adalah pra syarat untuk menzahirkan perbahasan yang *coherent*. Akhir sekali saya mendoakan agar Yang Berhormat akan terus berjaya mendukung tugas ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat kini selesaikan Majlis Mengangkat Sumpah pada pagi ini.

## TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 6 Mac 2017, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Diraja dalam Majlis Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu, dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah itu dibentangkan di atas meja mesyuarat, dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Teks Titah Diraja dalam Penyata Rasmi Dewan Negara, Bil.1 - DN-06032017]*

## MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Bank Pelaburan Infrastruktur Asia 2016;
2. Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2016;
3. Akta Perbekalan 2017;
4. Akta Kewangan 2016;
5. Akta Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2017;
6. Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar)(Pindaan) 2017;
7. Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan (Pindaan) 2016;
8. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2017

### ■1010

9. Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2017;
10. Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 2017;
11. Akta Ordinan Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2016; dan
12. Akta Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2017.

## PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“6 April 2017

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. D.R. 5/2017 – Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2016) 2017;
2. D.R. 21/2016 – Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2016;
3. D.R. 13/2016 – Rang Undang-undang Mahkamah (Kaedah-kaedah Permulaan Tindakan Sivil) 2016;
4. D.R. 4/2017 – Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2017;
5. D.R. 1/2017 – Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2017;
6. D.R. 6/2017 – Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017;
7. D.R. 3/2017 – Rang Undang-undang Perdagangan Strategik (Pindaan) 2017;
8. D.R. 2/2017 – Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2017;
9. D.R. 14/2017 – Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017;
10. D.R. 8/2017 – Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2017;
11. D.R. 11/2017 – Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2017;
12. D.R. 9/2017 – Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2017; dan
13. D.R. 12/2017 – Rang Undang-undang Cukai Pelancongan 2017.

Yang Ikhlas,

t.t

TUAN DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

**URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya memohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**KEBENARAN BERCUTI**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Chai Kim Sen daripada 17 April 2017 hingga 27 April 2017.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Sri Khairudin Samad** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan secara jelas hala tuju negara dalam sektor perdagangan antarabangsa selepas Amerika Syarikat mengambil keputusan untuk menarik diri daripada Perjanjian Trans Pasifik (TPPA).

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan daripada Dato' Sri Khairudin Samad izinkan saya bagi pihak Dewan yang mulia ini dan juga bagi pihak Barisan Nasional Negeri Kelantan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad atas lantikan semula sebagai Ahli Dewan Negara. Tahniah diucapkan... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, hari ini selain daripada menjawab soalan daripada Dato' Sri Khairudin Samad saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab lima soalan lain sekali kerana soalan berkaitan dengan TPPA ini yang diajukan oleh lima Yang Berhormat lain adalah hampir sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua soalan-soalan ini adalah daripada Yang Berhormat Senator Dato' Chai Kim Sen pada 18 April; Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty bertarikh 20 April; soalan yang ketiga Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin bertarikh 20 April; yang keempat soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas bertarikh 24 April; dan yang kelima, soalan daripada Yang Berhormat Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai bertarikh 24 April. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum pada 28 Januari 2016 saya telah bantangkan usul untuk membolehkan saya tanda tangan TPP pada hari tersebut 28 Januari 2016 dan diluluskan sebulat suara oleh Dewan yang mulia ini. Sebelum itu, pada 26 dan 27 Januari Dewan Rakyat telah meluluskan usul tersebut berasaskan kelulusan Dewan Negara pada 28 Januari 2016 maka pada 4 Februari tahun lalu saya telah tanda tangan bagi pihak Kerajaan Malaysia TPP di Auckland, New Zealand. Akan tetapi pada 23 Januari tahun ini apabila Presiden Trump menjadi Presiden Amerika Syarikat beliau telah buat keputusan telah mengemukakan notifikasi pada 30 Januari tahun ini bahawa Amerika Syarikat akan menarik diri daripada TPP.

Jadi persoalan Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad ialah, apakah hala tuju negara setelah TPP dibatalkan, ataupun Presiden Trump mengisytiharkan bahawa Amerika Syarikat tidak

akan menyertai TPP. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad dalam Dewan yang mulia ini, seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum di bawah Artikel 30.5, Perjanjian TPPA, perjanjian ini hanya akan terlaksana jika sekurang-kurangnya enam buah negara yang mewakili 85 peratus jumlah keluaran dalam negara kasar negara-negara TPP bersetuju untuk menyertai TPP. Sebanyak 85 peratus daripada KDNK ataupun enam buah negara. Oleh kerana Amerika ini menyumbang 60 peratus daripada KDNK negara TPP dan mereka telah mengisytiharkan untuk keluar. Maka sudah pasti jelas kepada kita bahawa TPP tidak akan terlaksana kerana itu syaratnya.

Tuan Yang di-Pertua, ada tiga kumpulan negara yang telah menyatakan pendirian berkaitan dengan *the way forward* ataupun hala tuju. Pertama Jepun, Australia, New Zealand secara umumnya mengharapkan TPP dapat diteruskan oleh sebelas buah negara tanpa Amerika Syarikat. Apa yang dipanggil TPP *minus one* ataupun sebelas buah negara tanpa Amerika Syarikat. Itu kumpulan negara pertama, malah negara Jepun dan New Zealand sudah pun selesai proses domestik untuk membolehkan negara-negara tersebut tanda tangan TPP. Walaupun Amerika Syarikat kata hendak keluar tetapi Jepun dan New Zealand telah menyempurnakan proses ratifikasi perjanjian tersebut.

Kedua negara-negara seperti Mexico dan Kanada, pada pandangan kami keutamaan mereka hari ini bukan kepada TPP tetapi kepada NAFTA atau Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara yang melibatkan Amerika Syarikat, Mexico dan Kanada. Ini kerana Trump telah menyatakan bahawa beliau hendak runding semula NAFTA. Oleh kerana NAFTA ini penting bagi Mexico dan Kanada maka negara-negara ini juga menyertai TPP bagi mereka *priority* atau keutamaannya bukan TPP tetapi sebaliknya adalah NAFTA, itu kumpulan kedua. Kumpulan ketiga negara seperti Malaysia dan Vietnam di mana antara dorongan utama kenapa kita ingin menyertai TPP ialah Malaysia dan Vietnam antaranya hendak memasuki pasaran Amerika Syarikat. Itu tiga kumpulan negara Tuan Yang di-Pertua.

Jadi memandangkan hal itu, hala tuju Malaysia mengenai TPP ini apabila Trump menaik balik daripada Perjanjian Trans Pasifik kita mempunyai pendirian terbuka dalam hal ini. Pada hujung bulan Mei akan datang akan diadakan pertemuan Menteri-menteri TPP di Vietnam sekitar 20 hari bulan. Selain itu, Malaysia juga telah mengadakan beberapa perbincangan dengan rakan-rakan yang lain, pada hari Selasa yang lalu saya berjumpa dengan Menteri Ekonomi dan Perdagangan Jepun Encik Hiroshige Seko di Tokyo di mana antara lain kami membincangkan bukan sahaja hala tuju TPP tetapi juga *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) antara 10 negara ASEAN dan enam buah negara lain.

Esok Menteri Perdagangan New Zealand akan datang ke Kuala Lumpur berkunjung di pejabat saya dan antara perkara yang akan dibincangkan ialah hala tuju TPP.

#### ■1020

Jadi, walaupun Trump telah menyatakan bahawa Amerika Syarikat tidak berminat untuk tandatangan TPP, negara-negara TPP, 11 negara lain mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa. Esok saya akan ada perbincangan dengan Menteri Perdagangan New Zealand, Todd McClay pagi esok. Akhir sekali, saya hendak melaporkan bahawa MITI bercadang untuk

mengadakan pertemuan dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara mungkin sebelum Ramadhan bagi menyampaikan taklimat penuh tentang TPP dan beberapa perjanjian perdagangan yang lain yang sedang dirundingkan oleh Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Tok Pa di atas jawapannya tadi. Cuma kalau kita faham tujuan kita yang sebenarnya ialah untuk berdagang dengan Amerika Syarikat, fasal itu kita tandatangan dalam TPPA ini. Akan tetapi oleh kerana Amerika Syarikat telah keluar, saya tidak nampak lagi kenapa kita harus berunding dengan negara-negara lain. Saya ingin tahu apakah kita mempunyai dasar-dasar lain yang harus kita lihat semula? Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin. Memang benar antara sebab utama kenapa kita terdorong untuk terlibat dalam Perjanjian TPP adalah jangkaan bahawa akses untuk memasuki pasaran Amerika Syarikat akan lebih terbuka. Kita belum ada perjanjian perdagangan bebas dengan Amerika Syarikat, bermakna beberapa keluaran kita memasuki pasaran tersebut pada kadar duti cukai yang tinggi. Apabila kita ada perjanjian seperti TPP, maka cukai-cukai akan dikurangkan dan dengan itu akan menggalakkan eksport daripada negara kita. Itu antara sebab kenapa kita terdorong untuk menyertai perjanjian TPP.

Kenapa kita terus berbincang secara terbuka walaupun Trump menyatakan negara tersebut tidak berminat lagi? Ini adalah kerana Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan, antara negara perdagangan yang terbesar di dunia. Kita sudah tandatangan 13 FTA, dasar kita dasar terbuka, bermakna kita terbuka kepada perjanjian-perjanjian FTA di seluruh dunia. Terkini kita sedang runding dengan Iran dan juga Sri Lanka, perjanjian perdagangan dua hala. Kita telah selesai dan sudah pun terlaksana perjanjian dengan Turki, berjalan dengan baik.

Maka, berdasarkan dasar perdagangan kita terbuka, itu sebabnya kita mengambil sikap terbuka dalam hal ini. Itu sebabnya minggu lepas saya berjumpa dengan Menteri Jepun, esok dengan Menteri New Zealand, kita masih melihat kepada pelbagai kemungkinan. Dalam pada itu *priority* kita Tuan Yang di-Pertua, ASEAN yang kita akan terus rancakkan usaha-usaha untuk integrasi ekonomi ASEAN. Di ASEAN ini sudah ada perjanjian perdagangan bebas dan sekarang ini kita terlibat dalam usaha-usaha untuk merundingkan *Regional Comprehensive Economic Partnership* antara sepuluh negara ASEAN dan enam negara lain iaitu Jepun, Korea Selatan, China, India, Australia dan New Zealand, itu *priority* kita.

Jadi, kalau tanya saya *priority* kita dalam konteks TPP yang sekarang ini yang tidak menentu hala tujunya? Maka, *priority* kita adalah untuk meningkatkan integrasi ekonomi ASEAN, yang pertama. Kedua ialah untuk memuktamadkan perjanjian antara ASEAN dengan enam buah negara lain. Baru-baru ini Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib melawat India, Tuan Yang di-Pertua pun menyertai rombongan tersebut.

Antara persetujuan antara Perdana Menteri Narendra Modi dan Perdana Menteri kita ialah untuk kedua-dua buah negara dengan 14 buah negara RCEP yang lain, meneruskan usaha-usaha bagi memuktamadkan perjanjian RCEP yang kita jangka akan dimuktamadkan pada hujung tahun ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kita kesuntukan masa Yang Berhormat Datuk. So, soalan tambahan ini akan ditujukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan soalan tersebut. Kalau ada masa, kita akan bagi soalan tambahan.

**2. Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif** minta Menteri Pendidikan menyatakan, senarai bilangan sekolah berpusat di kawasan pedalaman khusus di kawasan Sabah dan Sarawak bagi menangani isu keciciran pelajar di kawasan luar bandar.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan sekolah berpusat pada tahun 2000 yang berkonsepkan pemusatan murid dari beberapa buah sekolah dalam kawasan yang berhampiran untuk memberi kemudahan kepada murid-murid yang menghadapi kesukaran pengangkutan ke sekolah.

Dua sekolah yang melaksanakan konsep sekolah pusat ialah Sekolah Kebangsaan Pulau Bum Bum, Sabah dan Sekolah Kebangsaan Mata Parang, Sarawak. Namun, *enrollment* murid sekolah tersebut menurun dengan ketara kerana ibu bapa terbeban dengan kos pengangkutan dan sara hidup untuk berulang alik ke asrama. Murid-murid juga tidak dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran kerana rindu kepada keluarga yang jauh yang secara tidak langsung mengganggu pencapaian akademik mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia komited dalam memastikan kemudahan dan akses pendidikan di kawasan pedalaman diberi keutamaan. Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah melaksanakan Sekolah Modul Khas Komprehensif 9 ataupun Sekolah K9. Sekolah K9 bertujuan menangani isu keciciran murid sewaktu transisi dari Tahun 6 ke Tingkatan 1, terutama dari kawasan pedalaman. Pada masa ini terdapat tiga buah Sekolah K9 di Sabah dan Sarawak iaitu Sekolah Kebangsaan Pekan Pensiangan di Nabawit, Sekolah Kebangsaan Bawang di Beluran, Sabah dan Sekolah Kebangsaan Long Bedian, Marudi, Sarawak. Kementerian Pendidikan Malaysia sedang meneliti cadangan peluasan Sekolah K9 di negeri Sabah dan Sarawak, tertakluk kepada kelulusan agensi Pusat dan kemampuan kewangan negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga konsisten menangani isu keciciran murid, termasuk di luar bandar. Antaranya dengan menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, melaksanakan program-program bantuan seperti menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan, Skim Baucar Tuisyen, Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin.

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Kementerian Pendidikan Malaysia juga melaksanakan inisiatif peningkatan akses daripada peringkat prasekolah hingga menengah atas yang bertujuan menangani masalah keciciran di sekolah. Di samping itu, Program Transformasi Hala Tuju Murid Bumiputera Sabah dan Sarawak dilaksanakan dengan tumpuan kepada murid di sekolah menengah di luar bandar dan pedalaman, terutama di pedalaman satu, pedalaman dua dan pedalaman tiga di Sabah dan Sarawak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Saya hendak tahu bahawa jumlah keciciran pelajar yang tidak lagi ke sekolah berpusat. Jumlahnya selama lima tahun. Kedua, saya hendak bertanya sejauh mana Rumah Arau yang dahulu dibina kawasan pedalaman tiga seperti di SK Nanga Cermin, seperti SK Nanga Ju di Maluan, kerana konsep sekolah Rumah Arau ini dibina kerana hendak bagi peluang kepada anak-anak yang boleh jadikan rumah transit dan ibunya menjaga sepanjang tempoh persekolahan. Jadi, saya melihat bahawa perkara ini tidak lagi diperkasakan dan apakah langkah kementerian bagi mengurangkan keciciran pelajar prasekolah di pedalaman tiga? Terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim. Saya ambil maklum dan juga saya sedar bahawa program sekolah berpusat ini merupakan inisiatif apabila Yang Berhormat sendiri dalam Kementerian Pendidikan Malaysia dan saya merakamkan ucapan terima kasih kerana saya rasa memang perancangan ini cukup baik, ikhlas dan perjuangan untuk melihat bahawa semua anak-anak di Malaysia ini dapat sistem pendidikan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato'. Yang Berhormat, jumlah penurunan pelajar ini walaupun tidak ketara ataupun mendadak tetapi masih ada penurunan.

■1030

Contoh Yang Berhormat ya, di Sekolah Kebangsaan Pulau Bum-Bum, Sabah. Tahun 2016, jumlah pelajarinya 297 orang pelajar. Tahun ini pelajarinya 266 orang, ada penurunan. Modul ini modul yang boleh berjaya. Akan tetapi pada masa yang sama, kita juga telah memperkenalkan modul yang kita katakan Sekolah K9. Sekolah K9 ini pula telah memperlihatkan peningkatan murid. Kita rasa sekolah K9 ini memainkan peranan yang lebih penting dan lebih baik daripada sekolah berpusat.

Walau bagaimanapun, kita percaya bahawa sekolah berpusat ini telah memainkan peranan penting dan masih akan memainkan peranan penting khususnya di sekolah-sekolah pedalaman kita. Kita tidak akan memberhentikan sekolah berpusat ini kerana kita nampak ada unsur-unsur yang dapat membawa pelajar-pelajar ke sekolah ini. Hasrat kerajaan ialah memastikan *education for all* atau pendidikan untuk semua dan ini berteraskan dengan keperluan dasar pendidikan negara.

Untuk kita menambah baik cadangan-cadangan Yang Berhormat beri sebentar tadi, kita terima. Seperti mana yang saya beri jawapan saya dalam soalan Yang Berhormat dari soalan pokok tadi ialah semua ini tertakluk kepada peruntukan kewangan yang sedia ada. Sekiranya peruntukan kewangan mengizinkan, kita bukan sahaja akan meluaskan tetapi kita juga akan menambah baik modul-modul ini.

Malah seperti mana yang saya maklumkan sebentar tadi Yang Berhormat, kita juga dalam proses untuk mengenal pasti bagi menubuhkan beberapa lagi sekolah untuk anak-anak kita di kawasan luar bandar dan juga kawasan pedalaman. Seperti mana yang saya maklumkan kepada Yang Berhormat sebentar tadi, contoh kita ada perancangan untuk menambah baik beberapa lagi Sekolah K9 di kawasan Sabah, Sarawak, di Semenanjung Malaysia dan sebagainya kerana kita nampak jumlah pelajar. Saya bagi contoh di negeri Perak, Sekolah Kebangsaan Banun. Kita nampak ada pelajar, *continuity* ada.

Kita juga nampak Sekolah K9 di Sabah, SK Bawang di Beluran, Sabah. Tahun lalu seramai 76 pelajar, tahun ini 107 pelajar. Di Pensiangan, Sabah pula, tahun lalu 223 pelajar, tahun ini 239 pelajar. Di SK Long Bedian, Sarawak terdapat 463 pelajar tahun lalu, tahun ini 481 pelajar. Ada peningkatan dan kita akan terus menambah baik sekolah-sekolah ini supaya lebih ramai lagi. Hasrat kita ialah kita hendak memastikan semua anak di Malaysia ini dapat melaksanakan dan mengambil sistem pendidikan negara kita sendiri. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**3. Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai** minta Perdana Menteri menyatakan, berkenaan perancangan TN50 yang telah diumumkan baru-baru ini dan apakah rancangan untuk memastikan peningkatan ekonomi sosial kaum India dapat dilaksanakan ke arah yang lebih baik selaras dengan Pelan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Nallakaruppan kerana mengajukan soalan ini. Saya memohon keizinan untuk turut menjawab soalan-soalan lain yang telah dikemukakan yang mempunyai tajuk yang sama daripada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah yang soalannya adalah soalan nombor 83 pada hari ini dan juga soalan daripada Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty juga soalan nombor 29 pada 18 hari bulan April, esok, yang mempunyai tajuk dan bunyi yang sama mengenai TN50.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agenda pembangunan Transformasi Nasional 2050 perlu berpaksikan kepada asas-asas yang memastikan pertumbuhan yang mampan dan *inclusive* serta memberi penekanan kepada aspek kesejahteraan rakyat dalam persekitaran negara yang berbilang kaum, agama dan budaya.

Oleh yang demikian, pendekatan secara *bottom up*, dengan izin, dan *stakeholders engagement* telah diambil bagi memastikan suara rakyat didengar serta menyemai di kalangan rakyat perasaan bahawa TN50 adalah milik bersama, dengan izin, *collective ownership*. Pelan Transformasi Nasional atau TN50 merupakan inisiatif untuk mengetengahkan aspirasi dan pandangan pelbagai lapisan masyarakat termasuk masyarakat India.

Buat masa ini, pelbagai sesi libat urus atau *engagement* dan program jelajah TN50 yang sedang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan satu sesi khas yang melibatkan belia daripada masyarakat India akan diadakan dalam program dialog Transformasi Nasional (TN50) belia India bersama Yang Berhormat Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan Malaysia dan Yang Berhormat Brig. Jen. Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan Malaysia yang bakal akan diadakan pada 19 April 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Saya menjemputlah Ahli-ahli Yang Berhormat untuk turut sama melibatkan diri dalam sesi ini.

Sebenarnya konsep ini telah dimulakan pada tahun 2016 dan disasarkan *blueprint* itu ataupun hala tujunya akan disiapkan pada September 2018 dan penerajunya ataupun dia punya tonggakunya adalah Kementerian Belia dan Sukan kerana tahun 2050 melibatkan golongan belia. Akan tetapi baru-baru ini satu unit khas telah ditubuhkan di bawah JPM kerana konsep TN50 ini bukan sahaja melibatkan belia tetapi dia merentasi segala kementerian kerana pembangunan holistik. Maka kanak-kanak, usahawan, minoriti dan kepentingan lain akan turut terlibat kerana

melibatkan Rancangan Malaysia Ke-12, Rancangan Malaysia Ke-13, Rancangan Malaysia Ke-14, Rancangan Malaysia Ke-15, Rancangan Malaysia Ke-16, dan Rancangan Malaysia Ke-17. So, banyak Rancangan Malaysia terlibat. Oleh kerana EPU dan Jabatan Perdana Menteri merupakan peneraju kepada rancangan menyeluruh, maka ianya akan dibaurkan sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana konsep ini konsep baru Yang Berhormat, sasarannya adalah tiga tonggak utama. Pertama adalah pertumbuhan ekonomi atau *economy growth*.

Kedua adalah *creativity* dan inovatif- *innovation*, kerana masa depan adalah *knowledge economy*. Kalau kita tak bersaing di persada begini, kita akan ketinggalan ke belakang. Maka kita terpaksa menghijrahkan diri kita, negara kita ke arah *competitive knowledge economy*. Untuk itu, masyarakat perlu ada *mindset* dan *paradigm* sebegitu.

Seterusnya yang ketiga utamanya, *happiness index*. Pembangunan tidak dilandaskan kepada kebendaan lagi. Pembangunan dan kesejahteraan negara banyak bergantung pada kebahagiaan diri. Itu akan jadi fokus utama. Bahkan alam sekitar dan segala-galanya terlibat, *we must be happy*, dengan izin. Maka itulah hala tuju, maka sesi-sesi libat urus ini akan dibuat bukan sahaja melalui secara fizikal tetapi melalui digital. Kaedah digital iaitu kita boleh melayari laman [www.mytn50.com](http://www.mytn50.com). Saya memohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat menguar-uarkan perkara ini supaya melibatkan ramai orang untuk memberi pandangan.

Berdasarkan langkah-langkah yang telah disebut, maka kerajaan komited terhadap usaha merangka TN50 yang *inclusive* melibatkan pelbagai pihak termasuklah pakar industri, ahli ekonomi, usahawan, para akademik serta wakil NGO serta masyarakat sivil yang boleh memberi sumbangan kepada kerangka TN50.

Seterusnya untuk makluman Yang Berhormat, untuk fokus kepada masyarakat India pula, seiring dengan dasar ini, kerajaan juga telah membentuk satu pelan tindakan *blueprint* masyarakat India Malaysia yang merangkumi pelbagai aspek seperti kebajikan, pendidikan, belia berisiko tinggi, keusahawanan, latihan kemahiran, dokumentasi, guna tenaga atau *employment*, dan sebagainya. Kesemua inisiatif ini menunjukkan bahawa kebajikan dan kepentingan masyarakat India sentiasa dipelihara dan dijaga oleh kerajaan untuk memastikan masa depan masyarakat India terjamin dan selaras dengan TN50 yang telah dikatakan tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat, Perdana Menteri ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ke-11 pada 21 Mei 2015, *blueprint* ini telah diumumkan dan akan merangkumkan empat perkara untuk masyarakat India iaitu;

- (i) memenuhi keperluan asas,
- (ii) potensi setiap kanak-kanak akan diperkasa,
- (iii) menambah baik kehidupan dan kekayaan melalui pelbagai kaedah; dan
- (iv) untuk meningkatkan penyertaan sosial yang merangkumi aspek kewarganegaraan, agama dan identiti komuniti.

Maka pada 23 hari bulan ini di PWTC pada pukul 4 petang hingga pukul 6 petang, Perdana Menteri akan membuat pengumuman terhadap pelancaran *blueprint 2017* hingga 2025 untuk

khusus masyarakat India. Yang Berhormat pun boleh pergi ke sana. So *blueprint* ini dirangka akan menjadi input penting dalam proses merekayasa atau *field engineering* masyarakat India.

■1040

Maka saya dengan berbesar hatilah menjemput semua ya dan selepas *blueprint* ini telah dilancarkan, satu badan unit khas akan ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri untuk mengawasi dan memerhati pelaksanaan program-program yang telah dirangka. Maka saya dengan itu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, silakan.

**Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Soalan tambahan, apa saya mahu tanya dia sudah jawab.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai:** Akan tetapi saya tanya sikit. Bagaimana kerajaan memastikan agar program tersebut benar-benar sampai dan dapat dinikmati oleh masyarakat kaum India. Itu saja soalan.

**Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy:** Baik, saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, yang masalah masyarakat India adalah kesampaian pelaksanaan. Maka ada banyak agensi yang kita ada untuk membantu memperkasakan warga Malaysia tanpa mengira kaum tetapi kesampaian itu ada masalah. Itu sebabnya unit pelaksana ini akan diwujudkan untuk melihat di mana selain daripada program-program khas yang diwujudkan. Contohnya saya bagi melalui SEED. SEED ini adalah satu badan yang telah ditubuhkan beberapa tahun setelah Perdana Menteri menjadi PM pada tahun 2009. Selepas itu diwujudkan satu unit khas untuk memastikan bahawa penyertaan masyarakat India dalam keusahawanan dapat diperkasa.

So, peruntukan diberi, pegawai-pegawai kerajaan telah diwujudkan di bawah SEED untuk memastikan penyertaan itu berlaku. Setakat ini untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak RM1.28 bilion telah diberi sebagai pinjaman melalui Amanah Ikhtiar Malaysia, melalui TEKUN, SME Corp dan SME Bank. Empat agensi yang terlibat. Seramai 32 ribu orang telah mendapat manfaat daripada sini tetapi penyertaan masyarakat India dalam *business* dalam keusahawanan masih jauh ketinggalan kerana keaktifan *company* atau syarikat-syarikat ini perlu diperkasa.

Kita cari jalan-jalan forensik. Ini sebagai satu contoh. Macam itu ada banyak lagi. Selain daripada BR1M, macam-macam kita tawarkan, rumah mampu milik dan sebagainya. Akan tetapi khusus untuk pastikan bahawa keupayaan mereka dapat ditingkatkan supaya *Gini coefficient*, *income gap* itu dapat dikurangkan, supaya kekayaan negara dapat disajikan bersama mengikut denyutan Dasar Ekonomi Baru daripada tahun 1970 sampai sekarang. Dasarnya sama.

Sebagai contoh kerana Dewan ini kalau saya hendak cerita satu jam susah. Lain kali boleh duduk sembang sama, kita boleh cerita sama. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, masa untuk soalan adalah satu jam, hanya satu jam. So, tolong ringkaskan jawapan supaya kita dapat membenarkan banyak lagi soalan. Yang Berhormat Datuk Kadzim M. Yahya.

5. **Datuk Kadzim M. Yahya** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, sejauh manakah kebenaran terhadap rumusan *'few winners but many losers'* berkaitan cadangan supaya kerajaan mengambil alih semua lebuhraya di negara ini.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk mengambil alih semua lebuhraya kerana anggaran kos pengambilalihan atau usaha untuk menasionalisasikan ke semua lebuhraya yang sedang beroperasi berdasarkan hasil Makmal PEMANDU pada tahun 2010 adalah dianggarkan sebanyak RM383.3 bilion. Jumlah tersebut dijangka meningkat lagi kepada anggaran RM400 bilion setelah mengambil kira beberapa lebuhraya baru lain yang telah siap dan beroperasi selepas 2010 seperti Jambatan Kedua Pulau Pinang dan Lebuhraya Pantai Timur 2 atau LPT2.

Cadangan pengambilalihan tersebut akan membebankan kewangan kerajaan di mana peruntukan tersebut sepatutnya boleh digunakan bagi kemudahan sosial lain yang lebih penting dan memberi kesan berganda atau *multiplier effect*, dengan izin, kepada orang ramai seperti untuk sektor kesihatan dan juga pendidikan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, soalan tambahan.

**Datuk Kadzim M. Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya adalah berdasarkan jawapan yang diberikan tadi, apakah perincian kos pengambilalihan semua lebuhraya yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan dan apakah implikasi-implikasi yang lain yang menghalang usaha-usaha pengambilalihan ini. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kos ataupun berdasarkan seperti yang saya katakan tadi, Makmal PEMANDU yang diadakan pada 22 Mac 2010, kos nasionalisasi lebuhraya adalah dianggarkan sebanyak RM383.3 bilion seperti yang dalam jawapan asal di mana pecahan ini Yang Berhormat termasuklah kos pengambilalihan syarikat konsesi lebuhraya iaitu sebanyak RM45.2 bilion dan kos pemansuhan kutipan tol pula memakan belanja sebanyak RM338.1 bilion dan ini Yang Berhormat jumlah ini tidak termasuk kepada jumlah lebuhraya yang baru yang dilaksanakan selepas 2010, yang beroperasi selepas tahun 2010.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kesan ataupun implikasi sekiranya tindakan ini ataupun nasionalisasi ini diambil oleh kerajaan akan melibatkan banyak perkara Yang Berhormat. Pertamanya adalah mengenai kos pengambilalihan yang sangat tinggi Yang Berhormat ya, RM45.2 bilion. Satu jumlah yang cukup besar untuk mengambil alih ke semua 31 konsesi lebuhraya di negara kita.

Kedua Yang Berhormat, kerajaan juga terdedah kepada tindakan mahkamah oleh syarikat konsesi yang mungkin tidak berpuas hati dengan dasar ini, dan yang ketiga Yang Berhormat kita juga perlu melihat kepada dalam soal ini kerajaan terpaksa menanggung kos operasi dan kos penyelenggaraan yang sangat tinggi, yang melibatkan lebuhraya Yang Berhormat ya.

Izinkan saya untuk berkongsi. Kos operasi dan penyelenggaraan rutin dan berkala untuk 31 lebuhraya di seluruh negara Yang Berhormat adalah sebanyak RM2.5 bilion untuk tahun 2015

sahaja. Ini dan sudah tentu seperti yang saya katakan tadi, jumlah ini akan bertambah sekiranya terdapat pelaksanaan lebuhraya-lebuhraya yang baru lagi. Jumlah ini akan meningkat Yang Berhormat, RM2.5 bilion sekiranya kita guna untuk pembangunan termasuklah negeri Sabah, negeri Sarawak. Sudah banyak pelaksanaan pembangunan yang boleh dilaksanakan dengan jumlah yang begitu besar.

Sudah tentu polisi ini pasti akan menghilangkan kepercayaan pelabur kepada kerajaan dan pelabur asing juga akan menganggap sekiranya usaha ini dilaksanakan ianya adalah antara usaha untuk memiliknegerakan ke semua perusahaan utama negara dan pelabur bagi sesetengah syarikat konsesi termasuklah KWSP dan PNB Yang Berhormat ya adalah yang mewakili tabungan orang ramai. Sebarang kerugian ke atas KWSP dan PNB akan turut juga menjejaskan penabung ataupun pelabur.

Yang terakhir Yang Berhormat konsep Dasar Penswastan Negara untuk sebenarnya adalah untuk mengalihkan beban kewangan kerajaan khususnya dalam menyediakan infrastruktur awam yang tidak dapat diteruskan dan kerajaan akan terus terbeban dengan penyediaan perbelanjaan yang tinggi. Itu saja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**6. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan senarai 'bir halal' yang telah diluluskan dan berada di pasaran, serta apakah dasar dan syarat-syarat penjualan 'bir halal'.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam Sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada juga kepada Yang Berhormat Senator yang telah menanyakan soalan.

■1050

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang berhormat berkaitan dengan minuman bir halal, JAKIM ataupun Jabatan Kemajuan Islam Malaysia tidak pernah memberikan pengesahan halal kepada mana-mana produk yang didakwa sebagai bir halal. Sesetengah minuman tersebut mendapat Sijil Halal daripada syarikat swasta ataupun badan persijilan halal luar negara dan terdapat juga yang tidak menggunakan sebarang logo halal pada produk mereka.

Perlu ditekankan di sini bahawa JAKIM atau Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan juga Jabatan Agama Islam Negeri, JAKIM dan juga JAIN adalah merupakan pihak berkuasa wibawa dalam pensijilan halal Malaysia. Setiap permohonan pensijilan halal Malaysia perlu mematuhi Manual Prosedur Persijilan Halal Malaysia (MPPHM) serta standard-standard keputusan fatwa dan peraturan berkaitan yang diguna pakai dalam pengurusan pensijilan halal Malaysia. Oleh itu, JAKIM sentiasa membuat pemantauan untuk memastikan minuman ini tidak menyalahgunakan logo halal Malaysia pada produk mereka.

Sehubungan itu, JAKIM ataupun JAIN tidak mengeluarkan Sijil Halal kepada mana-mana produk yang menggunakan nama yang menyerupai atau dikaitkan dengan perkara yang haram. Ini termasuklah penggunaan nama bir halal atau *non-alcoholic beer*. Demikian juga sekiranya sesuatu produk yang mempunyai produk melalui proses pembuatan yang sama dengan produk haram seperti arak sebagaimana yang tidak dibenarkan oleh fatwa kebangsaan.

Penggunaan nama bir halal ini sememangnya bertentangan dengan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) dan Standard Malaysia MS 1500:2009 yang dijadikan asas kepada JAKIM dan JAIN dalam pengurusan pensijilan halal. Dalam MPPHM, perkara 4.8(x) dengan jelas menyatakan bahawa produk yang menggunakan nama atau nama yang sinonim dengan produk tidak halal atau istilah yang mengelirukan seperti ham, bak kut teh, bakon, bir dan seumpama dengannya adalah tidak layak memohon persijilan halal Malaysia, manakala dalam klausa 3.7.4 MS 1500:2009, menyatakan makanan halal dan bahan perisa tiruan halal hendaklah tidak menggunakan nama atau nama yang sinonim dengan istilah yang mengelirukan atau merujuk kepada makanan tidak halal seperti ham, bak kut teh, bakon, bir dan sebagainya.

Sebagai langkah menjaga kepentingan pengguna, tindakan undang-undang di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang memperuntukkan hukuman sebanyak RM200,000 boleh dikenakan jika sabit kesalahan kepada syarikat pengeluar produk tersebut sekiranya produk berkaitan didapati berada di pasaran dengan menggunakan label dan tanda halal Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang berhormat.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih di atas penjelasan tadi. Persoalannya, sekarang ini 'penjualan bir halal' adalah sangat berleluasa. Contohnya *Barbican*, sangat popular di kalangan masyarakat beragama Islam. Saya tak sempat menyemak status fatwa-fatwa di JAKIM. Apakah pihak kerajaan di pihak Majlis Fatwa Kebangsaan ada mengeluarkan fatwa berkait dengan bir-bir halal yang dikatakan halal ini yang berstatus *non-alcoholic beer*. Pertama, daripada sudut fatwa.

Keduanya, apakah tindakan pro aktif kerajaan apabila benda ini seolah-olah dianggap oleh masyarakat apabila masyarakat menganggap *non-alcoholic beer* sebagai minuman yang halal walaupun tiada *certificate* halal dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Saya rasa ramai pimpinan-pimpinan tertinggi kerajaan sendiri yang terlibat dengan meminum minuman ini di khalayak ramai dan menyebabkan rakyat lebih meyakinkan bahawa minuman ini sebenarnya halal walaupun tidak ada *certificate* halal dikeluarkan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab minuman ini minuman yang memabukkan, kita hendak jawab pun pening sudah, belum lagi minum [*Ketawa*] Yang Berhormat Senator, saya sudah sebutkan sebentar tadi bahawa kita Malaysia tidak pernah pun mengeluarkan mana-mana sijil. Dalam erti kata, kalau ada dakwaan dan juga pengakuan yang menyebut bahawa minuman itu halal, ia boleh diambil tindakan. Cumanya mungkin memerlukan kerjasama dan sokongan bersamalah. Saya harap mungkin boleh di peringkat masyarakat untuk memaklumkan bagi tujuan tindakan ini diambil.

Dari sudut muzakarah tadi yang Yang Berhormat Senator tanyakan kepada saya, saya suka bacakan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali Ke-7 pada 11 hingga 12 April 1984, sudah lama dahulu memutuskan:

- (i) setiap minuman arak mengandungi alkohol. Bukan semua alkohol itu mengandungi arak;

Ini pun pening juga ini tetapi kita tak perlulah pening dalam keadaan tak minum ini. Alkohol daripada proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis, tetapi alkohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram diminum. Tidak najis tetapi haram diminum:

- (i) fatwa telah juga memutuskan minuman ringan yang dibuat sama caranya dengan membuat arak sama ada mengandungi sedikit alkohol atau alkoholnya disuling adalah haram diminum;
- (ii) minuman ringan yang dibuat bukan dijadikan arak atau bahan yang mabuk dan tidak sama caranya dengan proses arak adalah halal; dan
- (iii) alkohol yang terjadi sampingan dalam proses pembuatan makanan tidak najis dan boleh dimakan.

Terdapat dua proses penghasilan pembuatan minuman sama ada beralkohol atau tidak mengandungi alkohol:

- (i) proses pembuatan pengeluaran alkohol daripada minuman beralkohol adalah proses yang mana minuman tersebut dihasilkan sama seperti proses pembuatan arak, kemudian kandungan alkohol itu dikeluarkan di peringkat seterusnya untuk menghasilkan bir tanpa alkohol ataupun *non-alcoholic beer*, hukumnya juga adalah haram; dan
- (ii) proses fermentasi alkohol tidak lengkap, *incomplete alcohol fermentation* adalah proses di mana bahan mentah yang digunakan seperti barli, gandum dalam pembuatan minuman malta yang bukan bertujuan menghasilkan arak, proses akan dihentikan sebelum kandungan alkohol terhasil dalam minuman tersebut. Bermaksud hanya guna air rendaman *grain* sahaja, hukumnya adalah harus.

Ini yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa, Muzakarah Fatwa yang terdahulu dan cumanya balik kepada Yang Berhormat Senator tanyakan tadi ialah elok untuk kita dapat bekerjasama dengan Majlis Agama Islam dan juga JAKIM bagi tujuan untuk menyelesaikan tanggapan-tanggapan yang di luar sana yang mengatakan apabila diberikan dengan tanda 'halal' kepada minuman-minuman beralkohol ini dibenarkan tetapi mengikut sebenarnya tidak ada bir yang dinamakan dengan bir halal. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

**7. Datuk Norliza binti Abdul Rahim** minta Menteri Kesihatan menyatakan, langkah-langkah diambil bagi menangani kebanjiran pelajar-pelajar lulusan perubatan yang masih menunggu panggilan perkhidmatan '*housemanship*' sehingga ada yang terpaksa bekerja di sektor lain demi kesinambungan hidup.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Norliza. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan ini soalan isu yang panas dan ditanya oleh tiga orang, saya hendak jawab sekali gus soalan daripada tiga Yang Berhormat Senator. Jadi, jawapan saya agak panjang sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini iaitu mengenai langkah kerajaan bagi menangani kebanjiran graduan perubatan yang masih menunggu penempatan bagi menjalani

latihan siswazah dan akan dijawab bersekali bersama-sama dengan dua soalan yang lain yang juga menyentuh isu yang sama yang berkaitan dengan pelantikan kontrak pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi iaitu pertanyaan daripada 19 April oleh Yang Berhormat Tuan Wilfred Yong Chen Leong dan pada 25 April oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

■1100

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, antara langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah masa menunggu penempatan graduan perubatan, pergigian dan farmasi untuk menjalani latihan siswazah dan khidmat wajib adalah dengan melaksanakan lantikan kontrak kepada graduan perubatan, pergigian dan farmasi mulai 1 Disember 2016. Seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016.

Pelaksanaan pelantikan secara kontrak ini adalah berikutan peningkatan keluaran graduan, sama ada dalam dan luar negara dan kekangan jawatan tetap. Namun pelantikan secara kontrak ini adalah tertakluk kepada kelayakan yang dimiliki oleh *regulatory bodies*, kapasiti dan keupayaan hospital latihan siswazah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, mulai 5 Disember 2016 hingga Mac 2017, sejumlah 2,333 pegawai yang berdaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah dilantik secara kontrak merangkumi 1,295 pegawai perubatan, 526 pegawai pergigian dan 512 pegawai farmasi. Untuk makluman, graduan perubatan boleh membuat permohonan dengan SPA secara atas talian sepanjang masa dan urusan temu duga adalah dilaksanakan secara berkala oleh SPA. Calon-calon yang telah lulus temu duga akan diberikan penempatan oleh Kementerian Kesihatan mengikut sesi pengambilan yang diadakan secara berfasa setiap dua bulan sekali.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, kesemua calon yang telah ditemu duga oleh SPA pada tahun 2016 telah pun ditawarkan penempatan kecuali 32 calon yang belum ditawarkan penempatan kerana memohon penangguhan, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan bilangan hospital latihan siswazah dan klinik kesihatan terpilih untuk menempatkan lebih ramai lagi graduan perubatan. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai 44 buah hospital latihan siswazah termasuk tiga hospital pengajar iaitu HUSM, HUKM dan PPUM dan satu tambahan hospital latihan siswazah yang akan beroperasi pada masa yang terdekat iaitu Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan. Pada masa yang sama, Hospital Shah Alam sedang dalam proses akreditasi. Selain itu, pegawai perubatan siswazah juga boleh menjalani latihan siswazah di 30 buah klinik kesihatan terpilih di seluruh negara bagi *posting* kesihatan primer.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah kebanjiran graduan perubatan pula, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi sedang melaksanakan moratorium bagi program perubatan dalam negara yang di kuat kuasa untuk tempoh lima tahun mulai 1 Mei 2011 hingga 30 April 2016 dan kemudian dilanjutkan untuk lima tahun lagi iaitu mulai 1 Mei 2016 sehingga 30 April 2021. Moratorium ini meliputi dua perkara iaitu tiada program perubatan yang baru di peringkat ijazah sarjana muda dan tiada penambahan kuota pengambilan pelajar

program perubatan. Bagi keluaran graduan luar negara pula, ia adalah di luar bidang kuasa Kementerian Kesihatan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, bagi graduan pergigian, antara langkah-langkah tambahan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan ialah lantikan secara kontrak bagi mengatasi masalah penempatan adalah seperti berikut.

Pelaksanaan moratorium program pergigian yang di kuat kuasa untuk tempoh lima tahun sehingga 2018 dengan had pengambilan pelajar pergigian dalam negara kepada 800 setahun sahaja. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil inisiatif seperti berikut:

- (i) mengadakan *outreach program* seperti membuat lawatan ke sekolah-sekolah rendah dan menengah dan klinik ibu mengandung;
- (ii) penempatan pegawai pergigian secara tetap di klinik-klinik yang sebelum ini memberikan perkhidmatan pergigian hanya melalui lawatan secara berkala oleh pegawai pergigian; dan
- (iii) penambahan fasiliti kesihatan pergigian selaras dengan pendekatan *National Blue Ocean Strategy* iaitu di RTC dan UTC.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil langkah berikut. Pengurangan tempoh khidmat wajib pada tahun 2012 adalah tiga tahun kepada dua tahun dan pada 2015 dan sekarang dikurangkan kepada satu tahun sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak berkepentingan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Bagi membolehkan penempatan khidmat wajib ataupun vokasional *attachment* graduan pergigian di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), hospital dan klinik swasta yang diiktiraf bagi tempoh tertentu. Justeru, tidak perlu pelantikan ke dalam perkhidmatan awam bagi tujuan khidmat wajib. Manakala bagi graduan farmasi pula Tuan Yang di-Pertua, dasar liberalisasi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Saya ingat sudah jawab soalan ini.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukup sudah. Sudah jawab soalan ini.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi dia soalan tambahan. Silakan, Yang Berhormat.

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan tadi. Saya cuma ingin menambah sedikit sahaja. Saya ingin bertanya, sebab ada kenyataan daripada KSU yang mengatakan doktor merupakan kakitangan awam yang paling ramai dikesan ponteng kerja dan ada yang hilang selama 200 hari tidak dapat dikesan.

Jadi persoalan saya, adakah kerajaan bersedia untuk menimbangkan sekiranya ada doktor muda ini yang sudah tidak minat dalam bidang kedokteran dan ingin bertukar kepada bidang kesihatan yang lain. Apakah kerajaan bersedia untuk menimbangkan kejadian yang seumpama itu?

Saya hendak tanya, berapakah tempoh masa doktor ini *on call* sebab saya difahamkan mereka *on call* pada tempoh masa yang sangat-sangat panjang. Ada kalanya menyebabkan mereka keletihan dan menghadapi masalah lain. Seterusnya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab mengenai calon-calon yang dilantik secara kontrak. Soalan saya adakah dengan secara kontrak ini ianya akan menyebabkan mereka kurang komitmen dan mereka boring dan tidak minat untuk bidang kedokteran ini disebabkan lantikan secara kontrak. Jadi bagaimanakah kerajaan menyelesaikan masalah itu? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiga soalan tambahan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, soalannya banyak ini. Orang Penang ini banyak soalan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut laporan yang ada, rekod yang kita ada memang lebih kurang 25 peratus hingga 30 peratus *houseman* kita yang gagal, bermakna dia tidak termasa lagi Tuan Yang di-Pertua. Bermakna dia ada sangkut-sangkut. *Posting* dia sangkut, *medical* sangkut, ortopedik sangkut dan sebagainya. Ini menambahkan beban kita lagi. Mereka diberi peluang untuk sambung lagi. *Posting* pertama empat bulan. Kalau dia gagal dan tidak cemerlang, maka dia sambung lagi empat bulan. Gagal lagi, sambung lagi tiga bulan. Gagal juga, mereka akan dirujuk kepada satu jawatankuasa khas yang akan membuat keputusan, Tuan Yang di-Pertua.

Ada juga, memanglah sudah ramai. Graduan ini ramai. Kalau masa saya dulu, satu wad itu saya seorang sahaja buat operasi, buat *medical* tetapi sekarang ini sudah ramai. Jadi kita bagi tanggungjawab kepada pakar kita. Seorang, lima *houseman*. Akan tetapi dalam wad itu ramai. Dalam wad itu bermakna kalau seorang *houseman* ditetapkan tiga katil sahaja. Bermakna dia akan tengok pesakit di katil tersebut. Tiga katil sahaja berbanding dengan dulu satu wad. Jadi ramai sangat. Selepas itu kadang-kadang mereka yang tidak berminat ini, graduan yang tidak berminat, dia hilang. Dia hilang dan oleh kerana ramai sangat, jadi pakar itu tidak sedar yang dia hilang. Ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itu dalam hal ini kalau mereka gagal, kita bagi tempoh sehingga tiga tahun. Bermakna setiap *posting* empat bulan. Tambah lagi empat bulan, tambah lagi tiga bulan. Bermakna semua sekali lebih kurang tiga tahun. Kalau masih lagi gagal, maka sama ada mereka *determinate* ataupun mereka sendiri akan tarik diri, letak jawatan dan sebagainya.

Tentang peluang, untuk mereka ubah profesion daripada jadi doktor sudah jadi lain.

#### ■1110

Jadi sekarang kita sudah ada Tuan Yang di-Pertua dalam bidang perubatan, kita juga menggalakkan mereka buat bidang kesihatan bermakna kesihatan primer. Mereka terus buat latihan di klinik-klinik yang bukan wad, di klinik. Jadi satu peluang untuk mereka meneruskan dia punya *vocation* mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Tentang *on call* itu sekarang kita ada *flexi hours*. Dulu, sebelum ini mereka buat sehingga 90 jam seminggu, sekarang ini sudah kita kurangkan menggunakan *flexi hours*, mereka tidak lagi *on call* macam dulu sampai 36 jam sekali gus. Tidak ada. Sekarang cuma mereka kerja dalam 65 hingga 30 jam seminggu, Tuan Yang di-Pertua.

Kontrak kurang komitmen, yang ini satu perkara yang terpulang kepada masing-masinglah, Tuan Yang di-Pertua ya. Mereka sebagai doktor perubatan, pergigian ataupun farmasi, mereka hendaklah komited dalam kerja-kerja mereka dan mereka yang tidak berminat selepas *end of the contract* Tuan Yang di-Pertua atau hujung kontrak itu dia boleh pilih sama ada hendak duduk dalam kerajaan ataupun hendak keluar kemudian bekerja di pihak swasta ataupun bekerja sendiri. Bermakna mereka yang kurang berminat dalam kerajaan boleh keluar, ada sekatan, mereka boleh keluar dan bekerja di swasta ataupun buka klinik sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Itu tujuannya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili.

**8. Dr. Zaiedi Haji Suhaili** minta Menteri Komunikasi Dan Multimedia menyatakan, sejauh manakah langkah-langkah yang diambil untuk merealisasikan ekonomi digital di negara ini dan berapakah jumlah pelaburan yang telah dibuat pada masa ini.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan Harun pada 18 April 2017 dan Yang Berhormat Senator Dato' Chai Kim Sen 20 April 2017 kerana menyentuh isu yang sama iaitu ekonomi digital negara.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, ekonomi digital adalah antara pemangkin pertumbuhan ekonomi negara. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, ekonomi digital telah menyumbang sebanyak 17.8 peratus kepada KDNK negara pada tahun 2015 dan peratusan ini disasarkan meningkat kepada 18.2 peratus pada tahun 2020. Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui *Malaysian Digital Economy Corporation* (MDEC) telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memacu pertumbuhan ekonomi digital.

Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan MDEC termasuk pertama, menarik pelaburan dalam dan luar negara dalam sektor digital ekonomi. Sejak 1996 sehingga Disember 2016, jumlah pelaburan asing dan domestik yang dicatatkan adalah sebanyak RM304 bilion. Sebanyak 44 peratus daripada pelaburan ini merupakan pelaburan asing. Hasil daripada pelaburan ini sehingga tahun 2016, sebanyak 167,000 peluang pekerjaan telah diwujudkan. Berdasarkan kepada perkembangan sektor ekonomi digital adalah diramalkan sebanyak sejuta pekerjaan seperti *coders*, pembangun aplikasi, jurutera perisian dan pekerja digital yang lain akan diperlukan pada tahun 2025.

Kedua, merakyatkan ekonomi digital kepada golongan sasaran seperti golongan belia, usahawan kecil yang juga termasuk di bawah kumpulan B40 dan M40. Di bawah agenda merakyatkan ekonomi digital ini, dua buah program yang dilaksanakan oleh MDEC iaitu Program eRezeki dan eUsahawan yang bertujuan untuk membantu menjana pendapatan tambahan secara digital.

Bagi Program eUsahawan, pada tahun 2016 daripada seramai 51,203 orang usahawan muda dan desa telah mengikuti kursus eUsahawan. Lebih 30 peratus telah berjaya menjana jualan tambahan keseluruhan yang dilaporkan berjumlah RM48 juta. Sasaran bagi tahun 2017 adalah

sebanyak 75,000 usahawan yang akan dilatih juga melalui TVET dan universiti dengan RM50 juta hasil jualan.

Bagi Program eRezeki, pada tahun 2016 seramai 50,618 individu telah dilatih melalui pusat dan wakil eRezeki di seluruh negara. Pendapatan keseluruhan yang telah dilaporkan melalui individu-individu ini adalah sebanyak RM17 juta. Sasaran bagi tahun 2017 adalah sebanyak 50,000, B40 yang akan dilatih dengan RM70 juta hasil pendapatan.

Ketiga, inisiatif *Digital Free Trade Zone* (DFTZ) yang merupakan pertama sepertinya di dunia selepas China bagi pihak kerajaan untuk membantu PKS tempatan untuk menggunakan platform ini menembusi pasaran dunia serta bagi menarik jenama global dan *market places* untuk menjadikan Malaysia sebagai gerbang untuk pasaran ASEAN dan serantau. Inisiatif ini akan mewujudkan peluang pekerjaan yang dianggarkan sebanyak lebih 60,000 menjelang tahun 2025 dari aspek ekonomi.

Keempat, menawarkan ekosistem persekitaran yang kondusif bagi pembangunan syarikat teknologi. MDEC turut melaksanakan inisiatif pembangunan digital hab yang merupakan lokasi fizikal diurus oleh pihak industri. Inisiatif ini menawarkan ekosistem dan ruang kerja bagi syarikat awalan dan di dokong oleh syarikat teknologi global, syarikat *accelerator* dan agensi bakat untuk beroperasi. Di samping menawarkan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi dan persekitaran kemudahan terkini, lokasi ini juga menawarkan akses kepada program *mentorship* dan *coaching* serta pasaran model kepada syarikat awalan.

Sehingga kini sebanyak dua lokasi digital hab yang telah diberi kelulusan iaitu satu APW yang terletak di Jalan Riong, Bangsar, dan kedua The Co. yang terletak di Jalan Lengkok Abdullah, Bangsar, Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita sebenarnya bersyukur kerana kerajaan telah mengambil keputusan untuk memperhebatkan pembangunan ekonomi digital. Akan tetapi selalunya bila kita melihat tentang pembangunan yang kita katakan bernilai berbilion ringgit seperti ini sering kali golongan bawahan, rakyat jelata kita khususnya dalam golongan B40, M40 selalunya ketinggalan di dalam ekonomi ini. Antaranya sebabnya adalah mereka tinggal di luar bandar. Jadi apakah sebenarnya tindakan kerajaan untuk meluaskan infrastruktur ekonomi digital ini ke kawasan-kawasan di luar bandar? Sejauh manakah kita akan memperluaskan ekonomi digital ini bukan hanya ke hab ekonomi digital yang berada di Lembah Klang tetapi juga di seluruh wilayah di negara kita ini? Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat memanglah hasrat kita untuk menentukan agar ekonomi digital ini bukan sahaja memberi manfaat kepada mereka yang tinggal di bandar ataupun *suburban*. Kita juga memastikan agar mereka yang tinggal di luar bandar juga menikmati hasil daripada ekonomi digital ini. Sebenarnya Program eUsahawan dan eRezeki ini tertumpu pada kawasan-kawasan di luar bandar jua. Apa yang penting pada ketika ini ialah kita menentukan agar prasarana internet dapat diperluaskan di seluruh negara. Memang itu hasrat kerajaan di mana kita telah tetapkan menjelang tahun 2020 lebih 90 peratus kita ada *coverage*, liputan termasuk di luar bandar, Sabah dan Sarawak.

Kita juga ingin tentukan bukan sahaja sekadar liputannya, kita harus tentukan juga ada kelajuannya. Itulah sebabnya baru-baru ini kerajaan telah mengutarakan satu Pelan Fiber Nasional, di mana kita tentukan agar kemudahan kelajuan internet ini akan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia. *Target* kita ialah enam juta *households* dan dua juta *households* itu adalah mereka yang tinggal di luar bandar.

Kita di Malaysia ini, *alhamdulillah* memang kita agak fokus dalam usaha kita berbuat sedemikian. Kita juga akan bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri kerana walaupun ini adalah satu program Kerajaan Pusat tetapi kita memerlukan kerjasama kerajaan negeri kerana tanah itu adalah di bawah kerajaan negeri, begitu juga kuasa-kuasa tempatan. Jadi *insya-Allah* dalam perancangan ini kita harus pastikan ekonomi digital ini akan dinikmati oleh semua tidak kira di mana mereka tinggal di negara kita, Malaysia.

■1120

**Tuan Yang d-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]*

## USUL

### JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

11.21 pg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu usul seperti berikut:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik daripada Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.”

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang d-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah suatu usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA  
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad mencadangkan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Silakan.

**11.22 pg.**

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa]*

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya Khairuddin bin E.S Abdul Samad memohon untuk mencadangkan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana sudi berangkat menyampaikan Titah di Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas pada hari Isnin, 6 Mac 2017. Usul saya adalah seperti berikut:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Tuanku semasa membuka Penggal Kelima Majlis Parlimen Yang Ketiga Belas”.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan kesyukuran dan kebanggaan saya kerana diberi peluang untuk menjadi pencadangan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan amat menghargai kesempatan ini untuk berucap di depan Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan Negara dan para hadirin yang turut hadir di dalam Dewan yang mulia ini. Semoga saranan Titah Diraja Baginda diterima baik, difahami oleh semua pihak dan berusaha secara bersama untuk membawa perkembangan dan kemajuan yang diharapkan oleh rakyat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Bahas?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahas, bahas.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, pada hari yang berbahagia ini, di Dewan yang mulia ini, saya- kemungkinan ini di pertengahan tahun, saya melihat buku-buku dah berkurangan di atas meja, jadi kita senang untuk membuat kerja sedikit kalau

dibandingkan dengan Dewan sementara yang dulu, penuh dengan buku-buku yang kita minta supaya dikurangkan di dalam Dewan ini.

Kemudian, komputer yang disediakan di dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, cukup canggih. Akan tetapi saya masuk sebelum pukul 10 pagi, direkodkan, dicatatkan 10.17 pagi. Nasib baik tidak ada elaun tambahan... *[Disampuk]* Ataupun potong elaun. Ini saya minta bahagian IT tolonglah lihat. Bila kita masuk, dia biometrik, dia *capture*, dengan izin, terus keluarlah, tidak payah tunggu sampai 17 minit. Padahal soalan saya tadi soalan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua. Takkan soalan yang pertama dah 10.17? Jadi yang ini kena buat pembetulan sedikit.

Kemudian...

**Tuan Yang d-Pertua:** Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat itu yang pertama tapi saya ingat pukul 10.17 itu pasal kita ada...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ya, betul tapi saya hadir dalam Majlis.

**Tuan Yang d-Pertua:** Oh, *you* hadir?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya hadir sebelum pukul 10 pagi. Bersalam dengan kawan-kawan yang mengucapkan *belated birthday*, dengan izin, kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian soal *lounge* tempat Ahli-ahli Dewan berehat. Saya sewaktu lawatan sebelum ini bersama-sama dengan Tuan Yang di-Pertua, saya telah meminta kepada pihak Parlimen supaya menyediakan meja yang tinggi supaya kita boleh duduk letak tangan untuk makan. Kata mereka pada ketika itu, "*Lounge is lounge*". Bererti duduk macam dalam *lounge*. Kerusi di bawah, meja pun di bawah. Jadi kita hendak makan kena bongkok. Saya bagi alasan itu. Sebagai Presiden Majlis Senator, saya minta pohon supaya dapat meja tinggi, jadi kita boleh makan dengan selesa.

Terima kasih banyak, meja disediakan. Tetapi pegawai juga penuh seperti dulu. Bila kita masuk, tidak ada tempat hendak duduk. Jadi saya minta kerjasama Menteri-menteri yang mana yang datang hendak berurusan dengan pegawai-pegawai, berurusanlah di pejabat Menteri, di atas atau di pejabat Menteri di kementerian. Tidak payahlah bawa dalam *lounge*. Dahlah *lounge* untuk Ahli Dewan Negara ini bukan besar mana pun. Kecil sahaja. Jadi dah kita dapat meja, janganlah pula kita ditinggalkan di belakang pula, kena duduk dalam kantin pula. Itu permohonan saya dalam Dewan yang mulia ini.

Kemudian saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada RTM. Saya difahamkan sebelum ini, Dewan Rakyat siarannya ialah pukul 8 malam. Siaran dalam berita dikeluarkan jam 8 malam dan selepas itu ada segmen untuk Ahli Parlimen. Jadi saya rasa cemburu. Sebagai Presiden Majlis Senator Malaysia, saya telah pun memohon supaya Ahli-ahli Dewan Negara juga diberi kesempatan yang sama seperti Ahli-ahli Dewan Rakyat kerana memperkasakan Dewan Negara yang lebih tinggi, *the Upper House*... *[Tepuk]* Maka RTM telah pun meluluskan. Terima kasih banyak. So, mulai daripada hari ini, kita... *[Disampuk]* Kawan-kawan bagi tanggungjawab. Jadi itu serba sedikit, Tuan Yang di-Pertua, yang ingin saya sampaikan.

Kemudian saya melihat Titah Seri Paduka Tuanku berkenaan dengan anggota keselamatan. *Alhamdulillah*, begitu prihatinnya Seri Paduka Baginda terhadap anggota keselamatan. Akan tetapi dalam masa yang sama, saya melihat ada satu *viral* di dalam *social media*

ini di mana anggota-anggota polis meminta supaya uniform mereka, sekurang-kurangnya pakaian seragam mereka itu dibekalkan seperti biasa setiap tahun. Tidak ada yang dah luntur warnanya. Kadang-kadang mereka terpaksa beli sendiri, saya difahamkan. Ini di dalam *social media*. Kalau itu benar, saya minta pihak kementerian tolong lihat.

Akan tetapi yang keduanya yang saya hendak nyatakan di sini ialah kuarters-kuarters polis. Tentera ini saya nampak sudah bagus. Kuarters-kuarters polis ini yang saya pernah datang ke tempat kawan-kawan, memang terlalu usang dan terlalu menyedihkan kuarters-kuarters ini.

■1130

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Kadang-kadang ada yang betullah dia kata yang paip bocor, air melimpah dan sebagainya yang ini saya ingat kita harus beri perhatian sepenuhnya kepada mereka, kerana mereka menjaga keselamatan kita apatah lagi pada waktu malam waktu kita tidur. Ini kerana pihak polis ini, PDRM mereka banyak memberi perlindungan kepada kita setiap hari. Walaupun kita tahu jenayah meningkat dan mereka cuba tangani jenayah-jenayah ini.

Kemudian dalam pada itu saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam kesempatan saya melihat baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun melawat negeri Sarawak atas undangan kerajaan negeri maka kita datang, rombongan daripada Majlis Senator. Di antara perkara yang saya telah pun berjanji dengan Yang Amat Berhormat 'Ketua Menteri Melaka', ialah- ya di Sarawak, *sorry!* Ketua Menteri Melaka pula, Ketua Menteri Sarawak ialah bahawa kita memberi perhatian kepada permohonan Kerajaan Negeri Sarawak kepada rumah-rumah nelayan, yang ini yang satu perkara kadang-kadang kita tidak boleh nak fikir. Kenapa pegawai tidak boleh memikir macam mana orang politik fikir.

Ini pegawai daripada SPNB, SPNB ini saya pernah berkhidmat di sana. Kita Kerajaan Negeri Sarawak meminta supaya SPNB membekalkan rumah kepada nelayan-nelayan ini, rumah-rumah yang bertiang. Rumah yang bertiang ini untuk kegunaan nelayan bawa bot letak di bawah rumah dan menjahit pukat di bawah rumah. Kegiatan merekalah Tuan Yang di-Pertua, untuk mereka itu menjalankan kerja-kerja selepas pulang daripada laut. Tapi SPNB kata tidak boleh sebab harga lebih. Perbezaan harga ini kadang-kadang kita janganlah menyusahkan ataupun menyedihkan nelayan-nelayan ini, kerana keperluan itu ada.

Kalau kita buat rumah di bawah, mereka tidak ada tempat untuk nak menjalankan kegiatan mereka meletakkan bot pun menjadi masalah. Saya masih ingat lagilah waktu kita bangunkan rumah nelayan di Batu Ferringhi, waktu tsunami melanda Pulau Pinang. Saya terlibat bersama di dalam pembangunan itu. Di situ kita bagi *flat*, kita bagi *flat* kerana kekangan tanah, jadi kita bagi *flat*. Bila kita bagi *flat* kita buat jeti, jeti yang ada tempat untuk letak bot-bot nelayan ini. Dia macam ada *parking* macam *Marina's Bay* dia ada *parking*.

Akan tetapi di dalam cerita Sarawak ini, tanah begitu besar sama besar dengan Semenanjung, satu negeri tidak akan ada masalah tanah sudah tentu tidak ada masalah tanah. Apa salahnya kalau kita berikan rumah-rumah yang bertiang ini, tambahlah duit sikit bagi rumah bertiang supaya mereka hidup selesa dan boleh menjalankan aktiviti mereka setiap hari. Itu permohonan

kita kepada Syarikat Perumahan Negara melalui Kementerian Kewangan kerana Syarikat Perumahan Negara ini adalah hak milik Menteri Kewangan.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara yang saya hendak nyatakan di sini ialah berkenaan dengan mahasiswa dan mahasiswi yang pada beberapa minggu yang lepas saya berkesempatan untuk berdialog dengan mereka daripada 10 buah universiti. Di antara perkara-perkara yang mereka bangkitkan, antara perkara yang dibangkitkan oleh mahasiswa dan mahasiswi ini ialah salah satunya, apabila kita tukar Menteri, tukar dasar, apabila tukar menteri, tukar dasar. Jadi saya berharap sangat-sangat supaya kerajaan memberi perhatian dalam penukaran dasar-dasar ini. Dalam dialog itu saya juga berkesempatan bercakap dengan mereka kerana kita melihat, kita bercakap soal anak-anak kita bawa beg sekolah seperti komando nak masuk hutan, daripada Darjah 1 sampai Tingkatan 5, daripada dulu sampai sekarang tidak ada perubahan.

Tidak ada perubahan bermakna anak-anak kita masih lagi, ataupun cucu saya sekarang ini masih lagi bawa beg seperti komando, bawa bekalan nak masuk hutan tiga bulan. Betapa beratnya yang dibawa oleh anak-anak ini, yang *effectnya*, dengan izin, *effectnya* pada hari tua nanti. Dia nak bongkok kah, dia nak sakit belakang kah, dia nak patah tulang kah ialah apabila hari tua nanti. Tolonglah beri perhatian sama ada kita kurangkan subjek, buku ataupun kita sediakan *locker*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sediakan *locker* di dalam sekolah-sekolah supaya mereka boleh tinggalkan buku di sekolah. Itu lebih baik daripada mengusung buku, beg sekolah yang berat setiap hari pergi ke sekolah.

Kemudian, pelajar-pelajar ini ada juga menyatakan bahawa mereka mempunyai masalah apabila mereka menaiki *public transport*. Ini kerana di negara kita ini tidak ada seperti di negara-negara luar di Barat ataupun di Australia, di mana *student pass* itu laku boleh digunakan untuk naik *public transport* ini dengan menggunakan *student pass* untuk dapat *special discount*, dengan izin. Termasuklah apabila mereka menaiki kapal terbang, terutama sekali kepada mereka yang tinggal di Sabah dan Sarawak dan bersekolah di Semenanjung. Mereka ini mempunyai masalah kerana tiket kalau nak naik yang *everyone can fly*, dengan izin, mereka harus *booked* lebih awal. Enam bulan, setahun lebih awal untuk beli yang murah.

Jadi kalau boleh kita berilah peluang kepada anak-anak sekolah ini, pelajar-pelajar ini untuk mereka dapat menaiki pengangkutan awam ini dengan harga yang murah, dengan harga yang berpatutan termasuklah mereka-mereka yang sudah pun warga emas, yang enam siri inilah. Jadi kita beri peluang kepada kedua-duanya. Dalam perjumpaan itu juga Tuan Yang di-Pertua, mereka menyuarakan tentang ketakutan mereka untuk keluar daripada universiti nanti, apakah pekerjaan yang akan mereka buat. Ini kerana peluang pekerjaan sekarang sudah pun kurang dan mereka meminta supaya kerajaan memberi perhatian untuk mencari jalan bagaimanakah untuk kita dapat menyediakan pekerjaan kepada penuntut-penuntut yang lepasan universiti.

Bukan sahaja lepasan universiti, tapi ini yang SPM ini pun cukup, nak jadi jurutol, jurutol tidak akan kena tunggu keluar universiti. Jadi yang lepasan-lepasan SPM ini, bolehlah menjadi jurutol. Akan tetapi dukacita dimaklumkan bahawa jurutol sekarang ini pun pelanduk kurang, sebab sekarang ini tol sudah mula memakai elektronik. Bila elektronik jadi kita kurang pakai kakitangan. Kebanyakan jenis-jenis pekerjaan di dalam negara kita ini atau pun di seluruh dunia memang

sekarang ini menjadi masalah sebab semuanya sedang mengurangkan kakitangan, sehinggakan bank yang ada, bank yang ada di dalam negara kita ini sekarang ini banyak yang sudah tutup, cawangan-cawangan kerana bila kita datang ke bank, dia suruh kita pergi ke mesin, semua ATM boleh buat.

■1140

Jadi bila kita memikirkan anak-anak ini yang keluar daripada universiti nanti, di mana mereka hendak bekerja dan apa yang mereka hendak kerja dan apa kerajaan telah membuat persediaan untuk mereka. Saya tahu ada TN50, satu perancangan yang cukup baik tetapi dalam masa yang sama, yang kluatir hendak keluar ini, yang hendak keluar daripada universiti nanti, apa yang mereka akan buat. Menteri ada menyatakan kepada saya sewaktu beliau hadir satu forum di Davos. Di antara perkara yang dibincangkan di situ ialah persediaan pekerjaan untuk masa depan anak-anak kita, di situ mereka bincang.

Sekarang ini, tadi pun kita dengar Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia bercerita tentang global ekonomi. Bila *you* bercakap soal internet, orang sekarang hendak jual tudung, jilbab Naelofar itu, Yang Berhormat Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff dia boleh duduk di rumah sahaja, tidak payah pakai pekerja pun. Gunakan internet untuk 'jual Naelofar', boleh...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tudung Naelofar, suruh beli Naelofar ramai hendak beli ya. Jadi kita bayangkan dalam proses ini, dalam proses ini banyak pekerjaan akan berkurangan kerana katalah kalau saya ada satu meja di rumah, saya menjual secara *online*, saya tidak perlu pekerja-pekerja. Bila saya tidak perlu pekerja, kalau semua orang pula hendak tumpu kepada *online*, kerja lain pula tidak jadi. Jadi kita kena ada satu hala tuju, kita kena buat satu perancangan apa yang patut kita sediakan untuk masa depan mereka ini supaya satu hari nanti anak-anak kita, cucu-cucu kita keluar daripada sekolah, dapat pekerjaan. Itu satu.

Saya juga ditanya, ini CUEPACS. CUEPACS ini 60 hendak minta 65. Saya kata tidak, dah berhenti dah *kot*. Daripada 55 ke 56, 56 ke 58, 58 ke 60, 60 hendak minta 65, bererti lebih ramai lagi anak-anak kita akan menganggur kerana kalau kita isi umur ini lebih tinggi termasuklah kerajaan yang sekarang ini pencen saja KSU tambah lagi dua tahun. Pencen saja ketua pengarah, tambah lagi dua tahun. Dah tambah, tambah lagi dua tahun.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tengah *hot* Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Hendak kasi *hot* sikit lagilah. Tuan Yang di-Pertua, cuma hendak tanya sama ada setuju atau tidak kita tengok masalah kekurangan pekerjaan itu pada saya bukan kerana umur persaraan dilanjutkan dari 60 ke 65 tetapi faktor yang sebenar ialah kekurangan dari segi *job creation*. Kalau kita tengok masa ETP dilancarkan pada 2010, *target* ialah 3.3 juta pekerjaan dan kalau kita tengok setakat ini 1.8 *million* yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi kebanyakan atau sebahagian besar diisi oleh pekerja asing. Pada saya, bersetuju atau tidak penyelesaian atau salah satu penyelesaian ialah untuk meningkatkan lagi *job creation*. Terima kasih.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Saya bersetuju Yang Berhormat, meningkatkan lagi pekerja asing, saya bersetuju. Akan tetapi apa yang saya hendak nyatakan di sini, meningkatkan umur itu juga mengurangkan yang baru keluar ini untuk ini sebab dia hendak masuk, dah ada. Saya kata kepada penuntut itu, saya kata *you* kena tunggu bapa *you* sama. Beritahu bapa *you* cukup 60, berhentilah. Saya kata pada dia macam itu.

Masalahnya sekarang, masalahnya ialah kalau dia dah sampai 60, dia hendak berterusan, saya pun kurang arif tetapi saya pernah dengar daripada ustaz-ustaz mengatakan bahawa Rasulullah SAW pernah berkata, kalau kita sampai umur 60 atau lebih, itu bonus tetapi waktu itu Rasulullah tidak katalah bonus, tetapi itu bonus. Bonus kepada kita bukan bonus untuk kita sambung kerja, bonus untuk kita mulai membuat persediaan menuju ke akhirat sebab bila Tuhan bagi pada kita umur lanjut sedikit, banyaklah beribadat, bukan untuk sambung kerja, sambung kerja, sambung kerja, *pi* cuti, *pi* melancong.

Ada sesetengah orang dia fikir macam itu melainkan yang dibenarkan orang politik saja, enam siri pun boleh lagi. Orang politik boleh Tuan Yang di-Pertua, enam siri, tujuh siri pun boleh. Dia dibenarkan kerana kita memperjuangkan nasib rakyat. Jadi yang saya maksudkan di sini, kalau ada pertambahan, bererti kita kurang. Contohnya, kalau KSU katakanlah, KSU tambah kontrak dua tahun, TKSU tidak boleh naik nak jadi KSU, jadi tunggu lama hendak jadi KSU tetapi dia tidak boleh naik. Kalau dia tidak boleh naik, di bawah, bawah, bawah sampai ke *driver* pun tidak boleh naik, itu contohnya. Kalau *driver* tu pun naik pangkat, ada orang lain boleh isi tempat *driver*, itu contohnya.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Ahli Dewan Negara jangan had 60 Yang Berhormat, boleh *ya*? [*Ketawa*]

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tidak, tidak, saya dah kata orang politik. Saya dah sebut orang politik tidak terlibat sebab orang politik memperjuangkan nasib rakyat. Jadi Ahli Dewan Negara juga orang politik, jadi kita tidak terlibat. Kalau mereka minat hendak kerja lebih daripada 60, suruh berkecimpung dalam politik. Berkecimpung dalam politik, kemudian dapat peluang jadi wakil rakyat ataupun Ahli Dewan Negara. Itu boleh lanjut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lebih umur, lebih berilmulah.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Kalau setakat pencen, lepas itu tidak dapat naik pangkat atau tidak dapat sambung kontrak, lepas itu *pi* duduk di masjid, duduk di surau, duduk di situ kemudian *pi* *join* jadi tak ketahuan. Jadi tak ketahuan ini macam mana? Mula bocor rahsia kerajaan, mula bercakap merepek, orang tanya nyanyuk, nyanyuk apa, dia *dok* bocor habis semua. Yang dia kerja dulu, dia bocor di situlah sebab merajuk sebab kawan dia sambung kontrak. Misalnya KSU sambung dua tahun, dia tidak dapat jadi KSU, dia terus kena pencen, TKSU ini pencen.

Bila dia pencen, dia tidak ada kerja, marah pun marah sebab KSU sambung dia tidak boleh naik jadi KSU, sambung secara kontrak. Dia pun pergilah duduk di masjid, merajuk. Habis sembahyang duduk lepak, bersembang, bercerita, lepas itu mulalah cerita yang pelik-pelik dan ini berlaku. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, ini berlaku. Jadi untuk tidak meretakkan hati dia, yang ini pun jangan bagi sambung kontrak, tidak payah. Atau kadang-kadang pencen, ambil *pi* duduk

dalam GLC pula. GLC itu untuk kita semua, tidak ada seorang pun dalam Dewan Negara ini tidak dapat merasa jadi *Chairman* GLC, Pengarah GLC, tidak ada seorang pun di dalam Dewan ini.

Ada ahli majlis tertinggi, keluar duit lebih daripada masuk duit ya. Itu Tan Sri, Tan Sri Jeneral lainlah sebab beliau memang mewakili tentera di sini, jadi dia duduk dalam GLC dulu. *You* tidak termasuk dalam apa yang saya sebut tadi. Maksud saya yang kita ini daripada GLC tidak ada, tidak ada rasa pun, orang politik yang tidak merasa. Jadi ini kita harus beri perhatian, bukan kita bagi kepada, pencen KSU ini ada yang pencen turus, *full pension* Tuan Yang di-Pertua, pencen penuh tetapi kenapa harus ada pula sambung, sambung sampai akhirnya kawan-kawan kita yang lain yang patut naik, yang patut diberi tempat tidak dapat. Macam saya kata tadilah, kalau betullah, saya pun tidak tahu, saya hendak tanya Yang Berhormat Dato' Johari dah tidak ada di dalam. Saya hendak tanya betulkah Rasulullah SAW pernah kata macam itu. Buatlah persediaan untuk *wassalam*.

#### ■1150

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, apabila bercerita mengenai hendak membantu rakyat ini, saya tertarik dengan satu pengumuman yang dibuat oleh pengerusi RISDA, Yang Berhormat Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin daripada Padang Besar. Kampung *you* kah? Kampung Yang Berhormat Abdul Shukor. Benda ini ialah satu benda yang baru, guarana, yang diumumkan oleh Datuk Zahidi. Guarana, guarana ini adalah sejenis buah tanaman, lebih baik daripada kelapa sawit, lebih baik daripada getah. Getah ini datangnya daripada Brazil. Guarana ini pun datang daripada Brazil. Yang ini bukan ketum dan yang ini juga bukan ganja. Pohon dia kecil-kecil, enam bulan hidup dan berbuah. Enam bulan. Penjualannya, kalau satu hektar saya difahamkan boleh mencecah sejuta dalam masa enam bulan.

Apa yang mereka buat ialah mereka bawa bijian ini dan RISDA ini, *insya-Allah* saya dengar kata akan diberi *rights* untuk tanam di sini. Selepas ini, apa yang berlaku dan dia tidak peduli, dia tanah apa, tanah apa yang dia panggil? Tanah sawit ini. Saya hendak kata gambus tadi. Teringat gendang, jadi senyaplah kan. Tanah gambut. Di tanah gambut pun boleh. Tanah tidak gambut pun boleh. Tanah kering di Kuala Pilah pun boleh. Mana-mana boleh. Dan dia memang akan hidup. Saya pun mencari kesempatan mahu tengok betul kah ni? Di Brazil lah tetapi.

Saya difahamkan, ini satu proses di mana mereka akan cari peneroka-peneroka, tanam. Kita boleh tanam atas tanah kita sendiri, akan tetapi *by back guarantee*. Bermakna mereka akan beli biji-bijian ini. Rupa-rupanya yang *make-up* itu, Dato Shahanim, usul daripada dia. Mereka minum *CocaCola* pun daripada dia. Semua ada campuran-campuran. Itu yang ia cukup berharga. Dan ia boleh dijual daripada daun, pucuk, buah, bunga dan sebagainya. Macam buluh lah, daripada pucuk sampai ke akar. Ada sahaja yang boleh digunakan. Ini RISDA buat dan kita menyokong. Kita minta kerajaan memberikan sokongan penuh kepada RISDA dalam soal ini kerana saya diberi taklimat baru-baru ini, saya dengar saya jadi seronok kerana ini boleh membantu rakyat kita untuk menambah pendapatan dan pendapatan yang lebih lumayan daripada tanam sawit.

Getah sudah memang *carca marba* sekarang. Sawit pun masih lagi boleh diteruskan tetapi lebih baik mereka boleh tanam ini sebab ia tidak perlu satu kawasan yang luas seperti tanam sawit. Jadi boleh lah. Cuma Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif baru masuk, tidak tahulah dia dengar atau

tidak cerita guarana ini. Dengar? Ini satu perkara yang seharusnya kita beri perhatian, dan saya bersyukur sangat-sangatlah kerana RISDA telah pun memulakan satu langkah yang baik.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyambung sedikit sahaja di dalam perbincangan ini saya minta kalau boleh apa jadi pula? Kadang-kadang kita orang lama ini pegang iPad tidak mahu menyala, pegang *handphone* pun...

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-pertua, boleh saya mencelah?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Sila.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak mencelah sedikit tentang *guarana* ini. Yang saya difahamkan buah *guarana* itu sendiri, jualan dia sekilo dalam RM100 ke RM300. Akan tetapi saya difahamkan, modal hendak tanam itu agak tinggi sehinggakan pekebun-pekebun kecil ini digalakkan untuk buat pinjaman dengan bank. Jadi saya hendak tanya pendapat Dato' Sri Khairudin Samad, apakah pendapat Dato' Sri kalau pekebun-pekebun kecil kita hendak buat *loan* dengan bank sebab modal dia agak besar tetapi keuntungan dia hebat. Sekilo dalam lingkungan RM100 ke RM300.

Saya bimbang apabila buat *loan* dengan bank, pekebun-pekebun kecil ini dia takut dia tidak bayar balik dan dia punya *payment* itu agak kurang memberangsangkan. Jadi apa pendapat Dato' Sri tentang bagaimana RISDA itu sendiri dia ada satu *anchor bank* dia dan dia bersama-sama kalau hendak bantu, bantu dengan bersungguh-sungguh sebab modal *guarana* ini yang saya difahamkan amat tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang saya tahu, tidak tinggilah. Yang saya tahu, mereka sekarang ini, saya tidak tahu, saya dengar kata ada di Sungai Petani dia punya tempat dia tanam di Sungai Petani. Apa yang mereka buat dalam poli-beg ini saya tengok sendiri, di dalam poli-beg ini dia sudah tanam, dia akan bekalkan kepada orang yang hendak tanam ini. Dia bekalkan. Jadi tidak ada duit apa-apa pun, siram sahajalah. Enam bulan, dia *buy back*, so, maknanya tidak perlu pergi ke bank.

RISDA itu lain. RISDA kita kena sembang dengan Datuk Zahidi apa cara Yang Berhormat Datuk Zahidi hendak buat, boleh bantu RISDA, sebab dalam RISDA ini dia hendak hentikan tanaman itu, tanaman ini, untuk tanaman guarana. Akan tetapi kalau dari segi ini kita hendak tanam, kita tidak ada modal, kita cuma ada tanah setengah ekar kah, satu ekar kah, kita boleh tanam, dia datang, orang yang ada *rights* ini dia mahu sebab kita tidak ada kilang, mereka ada kilang. So, dia *buy back*, dia yang proses, dia yang eksport ke Jepun untuk *make-up*, kolagen-kolagen ini dia yang eksport ke Taiwan, daun-daunnya, itu dia yang punya kerja bukan kita. Kita ini hanya kita boleh bantu untuk bercucuk tanam kerana kita dapat duit balik. Itu sahaja. Yang saya di fahamkan selain daripada itu RISDA lah.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja daripada saya. Saya pernah pergi dapat taklimat daripada syarikat itu sendiri dan syarikat itu maklumkan benih pokok itu pun memang agak mahal dan juga baja itu sendiri kena ambil daripada syarikat itu. Sebab itu saya mohon kepada Dato' Sri untuk dapat *detailkan* tentang guarana ini sebab selepas dimasukkan di dalam RTM dan sebagainya mempromosikan guarana saya kebanyakan pekebun-pekebun kecil kita memang sangat-sangat berminat. Cuma kos awal hendak tanam itu saya mohon

Dato' Sri untuk dapatkan secara *detail* daripada RISDA yang saya dengar daripada taklimat memang perlukan modal yang tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Boleh, boleh, *insya-Allah* saya boleh tanya dekat Datuk Zahidi nanti. Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang syarat-syarat orang Islam ini apabila meninggal kemalangan. Syarat-syarat yang ditentukan oleh hospital dan juga polis. Kerana baru-baru ini ada satu kes apabila dia hendak bawa balik pekerja Indonesia, orang Islam, dia jatuh daripada 20 kaki, bukan 20 meter pun, 20 kaki, jatuh 20 kaki, patah tengkuk kemudian koma masuk hospital. Selepas sembilan hari, selepas dibedah sana, bedah sini, *check* itu *check* ini, hatilah, jantunglah, semualah *check* baru dapat tahu meninggal. Meninggal, lepas tu hendak bedah siasat. Keluarga ini datang daripada Surabaya minta tolong supaya jangan bedah siasat sebab sebelum ini sudah pun bedah. Cuma tidak disiasat. Bedah sana bedah sini hendak bagi dia hidup tetapi dia meninggal.

Apabila hendak bawa mayat ini balik, dia tidak bagi. Polis kata hospital, saya bercakap dengan hospital kata polis. Saya jumpa polis, polis kata hospital. *Tolak pi, tolak mai*, sampai tiga hari baru bedah. Bedah juga akhirnya. Tiga hari. Hendak hantar balik ke Surabaya mengambil masa dua hari mengikut kedutaan. Sebab daripada Kuala Lumpur ke Jakarta dahulu baru ke Surabaya. Sebab dia pakai *airlines* dia, Garuda.

Jadi kita kena buat satu keputusan, kerajaan kena buat satu keputusan. Orang Islam meninggal, memang dia mahu kalau boleh dia tidak mahu dibedah siasat. Akan tetapi ada kes-kes tertentu yang hendak tuntutan insurans, yang itu terpaksa. Kalau keluarga itu ada insurans. Akan tetapi kebanyakan pengalaman saya di Putrajaya, sekejap-sekejap tengah malam kena pergi sains minta tolong lepaskan tanpa bedah siasat kerana tidak ada tuntutan daripada orang Islam lah. Tuntut itu, tuntutan ini. Tiada.

Dan tiada pula yang janji derma organ, jadi tidak payah la bedah siasat. Kerajaan kena buat keputusan, kementerian kena buat keputusan, siapa yang boleh melepaskan mayat ini balik-hospital atau polis? Dan kalau polis buat keputusan boleh, kenapa tidak boleh. Kes yang macam mana? Kalau kes tembak mati lainlah. Hendak cek kenapa dia mati, dia tembak di mana. Kena di dahi atau kena di jantung, itu lain ini

#### ■1200

Ini tidak betul. Kalau kita- ini sebab kita tidak boleh kalau dalam Islam ni tidak boleh *dok* simpan mayat lama-lama, jadi kita pun jadi malu kalau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat lagi dalam satu perbahasan daripada sidang yang lepas, saya ada sebut tentang kenderaan-kenderaan berat yang memasuki Bandaraya Kuala Lumpur pada waktu pagi dan balik pada waktu petang sampai sesak jalan raya ini. Menteri jawab, katanya memang ada tindakan tetapi saya tengok dia kata ada tindakan, saya lihat sampai hari ini kenderaan-kenderaan ini masih yang sama, zaman saya dengan bandar raya dulu tidak ada ini.

Sekarang ini papan tanda pun tidak ada macam mana dia cerita dengan saya, kata ada? Ada tindakan papan tanda mengatakan lori, kenderaan berat tidak boleh masuk pada waktu ini. Papan tanda pun tidak ada, macam mana ada tindakan kalau papan tanda pun tiada? Takkan kita terus pergi bertindak ambil tindakan kepada orang tanpa kita bagi amaran. AES umpamanya ada

amaran ada papan tanda mengatakan ada AES dekat depan, jadi kalau kita ditahan kita tidak boleh *argue* dah, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Sebab ada papan tanda yang mengatakan ada AES. Ini papan tanda tidak ada mengatakan tidak boleh masuk sekian waktu kenderaan berat tetapi kita masuk lepas itu kita hendak tahan orang macam mana? Jadi Menteri kena jawab yang betul saya bersetuju ada tindakan tetapi tindakan yang macam mana sebab saya tengok sampai sekarang jem juga. Pagi ini keluar dari rumah 8.30 pagi sampai sini lagi lima minit pukul 10 pagi, jadi tidak betul. Jadi kita kena tengok jem ini sebab kesesakan ini sebab sudah dekat pukul 10 masih sesak, bererti banyak kenderaan berat.

Di Jakarta, Indonesia umpamanya, lori boleh masuk tetapi mesti empat tayar, lori yang enam tayar tidak boleh masuk, empat tayar dia anggap macam kereta biasa jadi Tuan Yang di-Pertua sekianlah sedikit sebanyak yang dapat saya bahaskan dalam titah ucapan Tuanku ini. Sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya perbahasan ini. Sekian. *Wabilahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad yang menyampaikan ucapan tadi kemudian saya akan meminta pula Yang Berhormat Datuk Ng Chiang Chin menyokong dan berucap.

#### 12.04 tgh.

**Datuk Ng Chiang Chin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia, jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya di hari ini untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah disempurnakan pada 6 Mac yang lalu yang baru sebentar tadi dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-15, Sultan Muhammad V kerana sudi berangkat menyempurnakan Titah dalam Istiadat Pembukaan, Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas yang baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam titah Sri Paduka yang di-Pertuan Agong tersebut, banyak perkara yang sangat positif tentang pengurusan dan pembangunan negara telah disentuh oleh Baginda Tuanku termasuklah bab kesinambungan pentadbiran negara perlu dikekalkan demi merealisasikan matlamat negara maju berpendapatan tinggi yang meningkatkan pembangunan ekonomi dan memberi penekanan utama pada kesejahteraan rakyat jelata.

Pertamanya, saya ingin menyentuh mengenai perumahan untuk rakyat. Dari tahun 2013 sehingga kini kerajaan telah berjaya dalam pelbagai peringkat pelaksanaannya. Tahniah kita ucapkan ke atas kesungguhan kerajaan melaksanakan janji bagi memberikan kesejahteraan kepada rakyat jelata. Rata-rata hari ini mendengar keluhan rakyat mengenai rumah dan ianya menjadi satu isu utama negara.

Isunya ialah harga rumah yang terlalu mahal sehingga di luar kemampuan jangkaan untuk membina satu dan kita selalu mendengar ungkapan rakyat yang berbunyi bukan rumah mampu milik

tetapi hanya mampu tengok, kata mampu kelik sahaja tidak boleh beli kerana mahal. Kita bersyukur kerana dalam pelaksanaan bajet 2016 kerajaan mengambil kira keluhan rakyat ini pelarasan bajet 2016 juga telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini untuk membantu lebih ramai rakyat Malaysia memiliki rumah yang pertama.

Selain itu, semua projek perumahan baru yang berharga RM300 ribu ke bawah hendaklah diperuntukkan untuk rumah pertama sahaja berkuat kuasa serta-merta. Dengan cara ini akan mengengkang tekanan harga rumah yang disebabkan oleh *speculator* yang mengambil keuntungan ke atas penjualan rumah menjadikan rumah sebagai barang jualan untuk mendapatkan keuntungan yang cepat dan banyak sedangkan ianya adalah asas keperluan utama untuk kehidupan rakyat yang patut dilindungi oleh kerajaan. Ini bergantung kepada *supply and demand* yang tidak sekata yang dicipta secara *artificial* oleh *speculator* mencari keuntungan dalam pasaran. Dengan cara ini kegiatan *speculator* rumah untuk rakyat secara automatik akan terhapus.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, kerajaan telah melaksanakan jelajah *explore* pemilikan rumah bersepadu yang akan menyediakan 1 ribu buah rumah di bawah Program bersama jabatan dan GLC iaitu JPN, PR1MA, SPNB, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia. Ini sudah tentu akan memberikan peluang kepada rakyat yang memerlukan rumah mendapat maklumat yang tepat dan tempat untuk mendapatkan rumah yang mudah, adalah diharapkan kerajaan terus mengadakan program ini dan semoga ianya memberikan peluang lebih besar kepada rakyat untuk memiliki rumah yang lebih baik.

Untuk rumah RM35 ribu ke bawah, Skim Projek Perumahan Rakyat (PPR) kerajaan akan menawarkan pakej kewangan empat peratus *interest* melalui BSN dan Bank Rakyat. Ini akan memberi faedah kepada lebih 10 ribu pemilik rumah dan kita sangat menyokong tindakan ini. Ini adalah tindakan yang tepat dan sangat proaktif oleh kerajaan dan di dalam menentukan ekonomi terus mantap dan dalam keadaan kegawatan ekonomi dunia ketika ini.

Pakej kewangan empat peratus yang ditawarkan adalah sesungguhnya berita gembira kepada rakyat di mana pinjaman perumahan sangat sukar diperoleh sekarang. Saya berharap kerajaan juga akan melebarkan insentif empat peratus ini bukan hanya kepada B40 tetapi sepatutnya dilebarkan kepada N40 supaya lebih ramai lagi rakyat Malaysia mampu memiliki rumah dengan bayaran bulanan yang mudah kerana faedah berpatutan. Ini amatlah penting kerana didapati kini bertambah banyak permohonan oleh pembeli rumah dalam kategori ini ditolak oleh bank.

Kenaikan kos sara hidup dan harga barang. Kos sara hidup di mana-mana negara di dunia ini akan meningkat setiap tahun selaras dengan sistem ekonomi yang diguna pakai seluruh dunia dan kemerosotan nilai wang setiap tahun yang dipanggil *distort of money*.

#### ■1210

Ia akan mengikut trend dan kejatuhan nilai mata wang boleh dianggarkan menggunakan formula *the future value of money*. Cuma yang menjadi masalahnya ialah kelajuan kenaikan kos sara hidup tidak pula setara dengan kelajuan pendapatan rakyat yang agak terkebelakang. Jauh berbanding dengan negara lain dari segi pendapatan per kapita rakyat dan sudah tentu akan melambatkan untuk negara ini mencapai matlamat menjadi negara maju. Di mana negara maju telah disasarkan oleh kerajaan untuk pendapatan per kapita USD15,000 pada tahun 2020. Maka, agenda

kerajaan pada hari ini dengan menyasarkan agar pendapatan rakyat bertambah tinggi setiap tahun adalah amat wajar dan sesuai dan patut diberikan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua hendaklah berusaha meningkatkan per kapita negara. Kerajaan wajib tidak lupa agar cara penyebaran kekayaan negara disamaratakan di seluruh negara dengan hanya tertumpu di ibu negara Kuala Lumpur sahaja. Kenaikan kos sara hidup dan kos barang adalah fenomena biasa bagi semua negara di dunia tetapi sepatutnya diimbangi dengan kadar kenaikan yang setara dari segi pendapatan. Namun begitu, kalau diambil kenaikan harga dan kos sara hidup lebih 30 tahun yang lalu, ia lebih besar daripada kenaikan pendapatan bagi rakyat negara ini. Oleh itu, kita sangat menyokong penuh usaha kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat dan menambahkan pendapatan boleh guna rakyat setiap bulan.

Kenaikan harga barang adalah disebabkan oleh banyak faktor seperti keadaan cuaca. Kalau ribut taufan, harga ikan akan naik. Perayaan. Apabila datang perayaan, harga naik dan ketamakan pihak peniaga yang mahu untuk untung cepat, hendak untung besar dalam masa yang singkat. Ada sesetengah barangan terdapat kartel persatuan yang mendapatkan harga sedangkan rakyat sebagai pembeli tiada pilihan untuk mendapatkan barangan dengan harga yang murah. Sepatutnya harga barangan ditentukan oleh *supply and demand*, *willing buyer and willing seller* mengikut *market force*. Ternyata apabila wujud rangkaian kartel persatuan peniaga. Hukum ekonomi, *market forces* biasa telah dicemari dengan ayat *forcing the market to buy at whatever price they want to sell*. Harga bukan lagi ditentukan oleh *market forces* dan *environment* perniagaan yang ideal tetapi harga ditetapkan pihak peniaga. Sudah sampai masanya kerajaan menggunakan semua jentera undang-undang yang ada untuk memecah tembok kartel ini dan memberikan manfaat kepada pengguna dapat membeli barangan keperluan dengan harga yang berpatutan dan murah.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa cara yang boleh kerajaan lakukan. Pertama, dengan mewujudkan rangkaian khas menghapuskan orang tengah yang banyak *level*. Lagi banyak *level* orang tengah, lagi mahal jadinya barangan itu. Lagi panjang rangkaian perniagaan, bermula dari kilang kepada pelanggan, maka lebih mahal jadinya barangan dan perkhidmatan. Contoh *level* satu, kilang dan *importer*. *Level* dua- *wholeseller*; *level* tiga- *distributor*; *level* empat- *retailer*, *level* lima- barulah sampai kepada pelanggan. *Level* lima barulah sampai ke pelanggan, setiap *level* akan menyebabkan kos dan harga barang dan perkhidmatan meningkat kerana *handling cost* yang berlapis-lapis, maka mengambil untung di setiap *level* lalu meningkatkan kos kewangan barangan atau perkhidmatan secara tidak patut.

Oleh itu, dengan tertubuhnya jawatankuasa khas mengenai kos sara hidup, saya berharap kerajaan dapat melihat tentang bagaimana menghapuskan kegiatan orang tengah semaksimum mungkin. Langkah pertama, mungkin memansuhkan beberapa *level* rangkaian dari lima kepada tiga. Contohnya, *level* satu- kilang atau pengimport. *Level* dua- terus kepada *retailer*; dan *level* tiga- terus kepada pembeli. Dengan cara ini, lima *level* dapat dikurangkan menjadi tiga untuk sampai ke pelanggan dari kilang dan sudah tentu harga menjadi lebih murah kerana menghapuskan banyak kos pengangkutan, pengurusan dan pengambilan untung pada setiap *level*. Tindakan kerajaan mewujudkan Kedai Rakyat 1Malaysia adalah menuju ke arah hasrat ini iaitu mengurangkan kebergantungan orang tengah.

KR1M wujud di kebanyakan dan diperluaskan ke seluruh negara dengan cepat dan segera. Mungkin bukan hanya dibuka kepada Mydin sahaja tetapi ia harus diberi peluang kepada syarikat-syarikat lain agar berlaku persaingan sihat untuk kebaikan rakyat dan pengguna. Pada zaman dunia internet, semua masyarakat didedahkan dengan penggunaan *mobile apps* menggunakan telefon bimbit masing-masing. Bagi membantu rakyat membelanjakan barang keperluan dengan harga murah adalah dicadangkan supaya diperbanyakkan syarikat pembelian melalui talian menggunakan *mobile apps*. Ini sudah tentu akan mengurangkan kos perkhidmatan dan barangan dan dapat mengurangkan lagi kebergantungan kepada orang tengah. Di mana hanya memerlukan dua *level* sahaja dalam rancangan jualan iaitu *level* pertama- barang dari kilang atau pun import dan *level* kedua- terus kepada pelanggan melalui *mobile apps*.

Saya dapati kini terdapat banyak syarikat yang berinovasi untuk jualan atas talian yang menguntungkan pengguna. Apabila ia dapat membeli dengan harga yang jauh lebih murah dan dapat mengurangkan kos apabila membeli di pasar raya maya berbanding dengan membeli di pasar raya sebenar. Contoh syarikat yang ada seperti *Zalora*, *Lazada*, *Buysell*, *Lelong.com*, *Agrobazaar* dan lain-lain lagi. Kerajaan wajib menggalakkan pewujudan lebih banyak syarikat atas talian yang besar dan berwibawa dengan memberi insentif galakan lalu boleh bertindak sebagai serampang dua mata. Pertama, mengurangkan kos barangan dan perkhidmatan. Kedua, membantu golongan B40 dan M40 mempunyai lebih pendapatan bulanan di samping meningkatkan jumlah usahawan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pelancongan dan teknologi hijau. Saya yakin bahawa teknologi hijau sudah tentu akan merencanakan lagi pembangunan pelancongan di negara ini. Sebagai contoh, insentif kerajaan memajukan Langkawi yang belum ini berpaksi kepada alam semula jadi dan *geopark*. Kini, pertambahan teknologi hijau dalam alam sekitar Langkawi telah memberi nilai tambahan pelancongan dan dua asas yang utama boleh dijadikan paksi pembangunan pelancongan iaitu pertama, *geotourism* melalui *geopark*. Kedua, *eco-tourism* melalui agenda teknologi hijau. Kedua, *eco-tourism* melalui agenda teknologi hijau, saya mengharapkan tindakan dan inisiatif yang sama dapat dilaksanakan juga di daerah-daerah pelancongan yang lain termasuklah di negeri Kelantan, negeri tanah tumpahnya darahku.

Usaha-usaha seperti pengurusan sampah lebih sistematik. Meningkatkan kebersihan dan pada masa yang sama akan meningkatkan kualiti alam sekitar. Usaha juga perlu dipertingkatkan untuk membina bangunan dan rumah-rumah mengikut garis panduan teknologi hijau. Seterusnya, program-program kesedaran atau *awareness* kepada masyarakat hendaklah dipergiatkan. Tiga perkara yang ditentukan oleh kerajaan dalam pembangunan hijau iaitu yang pertama, gaya hidup hijau. *Reduce*, *reuse*, *recycle* dan *green learning* atau pembelajaran hijau. Usaha-usaha ini sudah tentu akan meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, detik berlalu tanpa kita sedari dan setiap yang berlalu sudah menjadi sejarah. Sejarah perang masih bermain-main di minda kita. Perang Dunia Kedua tercatat satu titik hitam terperi peritnya penderitaan. Saya terbayang akan adakah perang dunia ketiga? Saban hari dentuman bom atom dan macam-macam kemusnahan melalui serangan, di Turki, Syria contohnya. Tuan Yang di-Pertua, yang lebih dahsyat peperangan tanpa senjata, *a war without weapon* yang

sedang berlaku pasti terjadi. Sekiranya kita leka, kuasa besar dengan vetonya menjahanamkan ekonomi negara-negara membangun seperti Malaysia. Kuasa-kuasa besar mampu mencairkan negara-negara membangun di dunia.

#### ■1220

Justeru, kita harus “*Sediakan payung sebelum hujan*”. Terlebih dahulu “*Menikam, sebelum ditikam*”, dan “*Dilenturkanlah buluh sebelum menjadi rebung*” dalam erti kata lain kukuhkan ekonomi negara dalam menghadapi situasi ekonomi global.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan politik adalah senjata penting ke arah keteguhan ekonomi. Kestabilan politik satu jaminan pelaburan. Siapa ingin melabur kalau sebuah negara itu terumbang-ambing bak biduk kecil dilanda ombak. Kestabilan politik berkait rapat dengan perpaduan, sukar dipisahkan lebih-lebih lagi negara majmuk seperti Malaysia. Perpaduan kaum asas pembentukan politik yang kental dan stabil.

Tuan Yang di-Pertua, pepatah orang-orang tua masih hijau dalam ingatan saya, “*Sebatang lidi mudah dipatahkan, seberkas lidi mengerat kesepakatan*”, “*Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat*”, “*Usah hidup bagai enau dalam belukar tetapi mestilah umpan air dalam tebing*” antara masyarakat majmuk. Barulah wujud perpaduan dan kestabilan, kebebasan politik dan untuk lalu menjamin ekonomi yang mantap.

Tuan Yang di-Pertua, namun perpaduan pula tidak akan wujud tanpa pendidikan yang seimbang. Setiap warga wajib diberi pendidikan sama rata. Kalau yang berhak itu perlu diberi haknya, jangan ada pula sekatan. Ikut kemampuan minda sistem kuota patut dipinggirkan yang boleh melahirkan kebencian. Warganegara berpendidikan merupakan kapitalis ke arah kewujudan warga pusat bersepadu dalam memantapkan politik dan ekonomi negara.

Ke eratkan masyarakat majmuk merupakan tunjang harmoni antara kaum. Kecintaan antara insan majmuk membentuk amalan harmoni perpaduan adalah kunci dalam masyarakat majmuk yang membolehkan “*Bukit sama didaki dan lurah sama-sama dituruni*”, “*Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi*” dan berkongsi- negara ini. Nanti cahaya sinar pembangunan di Pantai Timur dapat dinikmati apabila siapnya kereta api laju, peluang pekerjaan dan perubahan taraf ekonomi pasti terasa. Ini pun kalau perpaduan antara kaum itu terus dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang demikian, sekianlah sahaja saya mohon menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin, terima kasih banyak. Sekarang saya panggil pula Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, dipersilakan.

#### 12.23 tgh.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam 1Negeraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang dan ruang diberikan kepada saya untuk ikut serta mempersembahkan satu ucapan yang kelas dan banyak bersyukur kerana menjunjung kasih di atas

Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V. Semasa membuka Penggal Kelima Parlimen yang Ketiga Belas pada 6 Mac 2017 yang lalu, sesungguhnya Titah Ucapan Tuanku tetap terpahat dalam tinta minda dan hati nurani rakyat jelata sekalian. Adalah menjadi kewajipan dan pertanggungjawaban kerajaan untuk menjunjungnya dan menjadi aspirasi rakyat untuk mentaatinya.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah lambang kedaulatan dan keutuhan negara. Patik yakin Tuanku akan sudi selaku Raja di negara kita Malaysia ini, akan sudi mencemari duli berkunjung ke seluruh negara di bawah jajahannya, bertemu mesra dengan rakyat jelata yang tuanku kasih. Ke Bawah Duli Tuanku adalah seorang Raja yang memiliki keperibadian yang tinggi dan kerendahan diri, seorang Raja yang berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sedikit menyentuh tentang senario politik di negeri Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, pada 11 Januari 2017 yang lalu negara kita telah dikejutkan dengan satu berita sedih yang amat sukar diterima oleh rakyat negeri Sarawak khususnya iaitu kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Haji Satem, Ketua Menteri Sarawak yang kelima. Allahyarham Datuk Patinggi Tan Sri Adenan telah menjadi Ketua Menteri Sarawak yang kelima selama dua tahun lapan bulan merupakan seorang tokoh negarawan yang telah banyak menabur khidmat bakti kepada negeri Sarawak, khususnya dengan berjuang mengembalikan hak-hak negeri Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia tetapi di atas perjuangan *within the prime walk of the Malaysian Constitution*.

Selama dua tahun lapan bulan menjadi Ketua Menteri, Allahyarham telah menggubal banyak dasar yang telah diterima keseluruhannya oleh rakyat Sarawak. Buktinya semasa Pilihanraya Umum Negeri Sarawak Kesebelas yang lalu, rakyat Sarawak telah memberi mandat besar kepada beliau untuk terus memimpin dan menerajui tampuk kepimpinan kerajaan negeri untuk tempoh lima tahun lagi. Barisan Nasional Sarawak atau lebih dikenali sebagai Tim Tok Nan telah memenangi 72 buah Kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak daripada 82 buah Kerusi yang dipertandingkan. Allahyarham minta diberi mandat yang baru untuk tempoh lima tahun sahaja. Namun Allah SWT lebih mengasihinya beliau dan menjemput beliau ke hadrat Ilahi lebih awal daripada itu iaitu kira-kira lapan bulan selepas mengangkat sumpah menjadi Ketua Menteri Sarawak selepas Pilihanraya Umum Kesebelas yang lalu.

Allahyarham Tan Sri Adenan adalah seorang pemimpin yang sangat dihormati dan disanjung oleh semua lapisan masyarakat Sarawak yang terdiri dari berbilang kaum dan budaya. Pemergian beliau diratapi dan dirasai oleh seluruh rakyat Sarawak. Allahyarham adalah anak Sarawak yang terulung dan teragung, Allahyarham ialah contoh pemimpin yang mengatasi dan melangkaui *benchmark* pemimpin 1Malaysia. Sesungguhnya kita telah kehilangan sebutir permata yang bernilai untuk negeri Sarawak dan juga negara kita Malaysia. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan para solihin. Kepada keluarga Allahyarham terutama isteri beliau Yang Berhormat Datuk Amar Puan Sri Jamilah Haji Anu, kita merakamkan ucapan setinggi-tinggi takziah atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Tan Sri Adenan Haji Satem.

Terima kasih kita ucapkan kepada Allahyarham Tan Sri Adenan kerana telah banyak berbudi. Budinya, perjuangannya terlalu tinggi dan tidak terbalas oleh kami khususnya kami rakyat

Sarawak. Kata-kata semangat beliau, "Oha" dan "Yuyu", adalah aspirasi warisan yang Tan Sri Adenan tinggalkan untuk kami untuk meneruskan perjuangan bagi mempertahankan dan memperjuangkan hak-hak negeri Sarawak dalam Persekutuan Malaysia tetapi dalam rangka kerja Perlembagaan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, laksana kata pepatah Melayu, "*Patah tumbuh hilang berganti*" pada 13 Januari 2017 yang lalu, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud telah melantik Yang Berhormat Datuk Amar Abang Haji Johari Tun Abang Haji Openg sebagai Ketua Menteri Sarawak yang keenam. Negeri Sarawak amat bertuah kerana sekali lagi mendapat seorang Ketua Menteri yang berpengalaman luas dalam politik dan telah berada dalam Kabinet Negeri Sarawak lebih 30 tahun dengan menyandang pelbagai portfolio. *Alhamdulillah*, belum pun 100 hari Yang Berhormat Datuk Amar Abang Haji Johari menjadi Ketua Menteri Sarawak, beliau telah memberi keyakinan penuh kepada rakyat Sarawak bahawa hala tuju Sarawak untuk menjadi negeri yang maju dalam Malaysia semakin cerah dan menyerlah.

#### ■1230

Setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Amar Abang Johari di atas pelantikan beliau sebagai Ketua Menteri Sarawak yang keenam. Kita mempunyai keyakinan bahawa kemajuan dan kemakmuran Sarawak adalah sebahagian daripada kemajuan dan kemakmuran negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, inti pati kepada kejayaan sesebuah negara adalah kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Kedua-dua elemen ini sentiasa dipelihara dan diperjuangkan kerajaan kita. *Alhamdulillah*, Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak akan terus memastikan dua inti pati ini segar hidup dan dipelihara di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang berkait rapat dengan kesejahteraan rakyat adalah perpaduan nasional. Banyak pandangan dan pendapat telah diberi oleh pelbagai pihak mengenai perkara ini. Syukur *alhamdulillah*, walaupun banyak rintangan dan cabaran yang telah kita lalui daripada segi politik, daripada segi ekonomi, sosial serta perhubungan antarabangsa, namun perpaduan rakyat masih lagi kukuh dan utuh. Daripada segi ilmiahnya, adalah baik bagi kerajaan menyatakan apakah indeks perpaduan kita pada masa ini. Rakyat hendaklah memahami sepenuhnya bahawa negara kita dihuni oleh rakyat berbilang kaum, agama, keturunan dan budaya, saling hormat-menghormati, saling faham memahami, bekerjasama erat dan berkongsi sama memaju dan memakmurkan negara ini adalah elemen penting di dalam perpaduan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks mana-mana negara yang membangun dan berwawasan, teras utama yang perlu dititikberatkan secara menyeluruh untuk menjadi negara yang maju sudah tentu melalui kemajuan pendidikan dan juga kemajuan modal insan yang dinamik kepada generasi muda kita. Begitulah juga negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah elemen yang penting yang berkait rapat dengan kesejahteraan rakyat. Rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran adalah aset yang lebih penting untuk kemajuan negara. Oleh itu, hendaklah kita menjaga dengan sebaik-baiknya generasi muda

kita supaya mereka tidak terpengaruh dengan elemen-elemen yang boleh menjejaskan pendidikan dan merosakkan masa depan mereka.

Satu perkara yang perlu kita cegah adalah penglibatan golongan-golongan muda kita daripada terlibat daripada gejala antaranya ialah gejala penyalahgunaan dadah. Sudah terdapat beberapa tangkapan oleh pihak Polis Diraja Malaysia yang mana pelajar-pelajar kita di IPT yang terlibat dengan gejala ini. Saya meminta Kementerian Pendidikan Tinggi, Polis Diraja Malaysia, AADK dan PEMADAM memperhebat dan mempertingkatkan usaha untuk membasmi gejala ini di IPT dan juga di dalam masyarakat kita secara amnya. Kalau gejala ini tidak dibendung secara total, maka inilah musibah yang dahsyat yang akan merosakkan generasi muda kita dan akan mengancam masa depan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pengeluaran makanan dalam negara adalah satu lagi isu yang berkait rapat dengan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Mengikut perangkaan pada tahun 2015, kita mengimport RM5.2 bilion nilai bahan makanan dalam negara atau daripada mengimport nilai makanan daripada luar negara atau sama seperti kita membelanjakan lebih kurang RM92 juta dalam sehari. Ini adalah satu fakta yang boleh dijadikan sebagai penyebab mengapa harga makanan di negara kita meningkat. Faktor seperti pertukaran mata wang asing, kos pengangkutan, urusan pengimportan dan faktor-faktor lain di luar kawalan kita boleh mempengaruhi harga bahan makanan kita.

Oleh itu, saya meminta agar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memperincikan apakah langkah-langkah konkrit dan pelan tindakan masa hadapan kita untuk mengatasi masalah ini serta sejauh manakah kerjasama telah dibuat dengan kerajaan-kerajaan negeri di kalangan agensi-agensi seliaan seperti FELDA, FELCRA, FAMA dan agensi-agensi kerajaan negeri, sektor swasta dan NGO-NGO dalam masyarakat di negara kita ini untuk kita menjayakan pelan pengeluaran makanan dalam negara.

Sehubungan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar kerajaan menubuhkan Majlis Pertanian Negara. Majlis ini berfungsi untuk membuat pelan transformasi pertanian baik daripada segi aspek pengeluaran makanan, pembangunan industri pertanian, industri asas tani...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Senator Dr. Zaiedi, minta tangguh sekejap.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang kita ada tetamu. Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini, delegasi daripada *Muslim World League* iaitu MWL... [Tepuk] Yang diketuai oleh HE. Sheikh Dr. Mohamed Abdul Kareem Al Iessa. Kepada HE. Sheikh Dr. Mohamed, *Secretary General of Muslim World League*, Dewan Negara ini mengalu-alukan kehadiran delegasi ke Dewan yang mulia ini. Semoga dengan kehadiran HE. Sheikh Dr. Mohamed dan delegasinya akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan hubungan antara Parlimen Malaysia dan Parlimen Arab Saudi. Sekian. *Assalamualaikum*.

Baik, sila.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung poin yang telah saya bangkitkan tadi. Majlis Pertanian Negara ini berfungsi untuk membuat pelan transformasi pertanian, baik daripada segi aspek pengeluaran makanan, pembangunan industri pertanian dan industri asas tani, penyelidikan dan pemodenan pertanian serta melipatgandakan penglibatan rakyat dalam pertanian, baik masyarakat petani, penternak, nelayan mahupun generasi muda serta generasi yang terpelajar dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain yang bukan di bawah di bawah Kementerian Pertanian dan juga sektor-sektor swasta. Keanggotaan majlis ini boleh melibatkan Kementerian pertanian dan kementerian-kementerian lain dan agensi-agensi lain termasuk golongan penyelidik, saintis, pakar-pakar pertanian daripada IPT dan tokoh-tokoh korporat yang terlibat dalam bidang pertanian daripada sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat bersyukur kerana kerajaan telah mengambil keputusan untuk memperhebatkan pembangunan ekonomi digital. Saya tidak meragui bahawa ini akan mendatangkan banyak faedah dan manfaat bagi memacukan ekonomi negara kita. Akan tetapi sejauh manakah ekonomi digital ini akan turut sama membawa keuntungan kepada rakyat jelata khususnya mereka yang berada daripada dalam golongan B40 dan M40 dan apakah tindakan kerajaan dalam penyediaan dan latihan bagi golongan B40 dan M40 untuk menjadi pemain-pemain di dalam sektor ekonomi digital? Kita tidak mahu golongan M40 dan B40 tersisih dan ketinggalan dalam arus perdana ekonomi digital yang mula berkembang di negara kita ini juga hab ekonomi digital harus diperluaskan ke koridor-koridor ekonomi wilayah di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kepada Menteri Belia dan Sukan kita kerana telah berjaya mengadakan beberapa siri dialog dengan melibatkan pemimpin atasan negara kita untuk menggarap gagasan negara kita iaitu Transformasi Nasional 50. Daripada dialog-dialog ini sama ada di peringkat negeri dan kluster-kluster tertentu, saya mencadangkan supaya sesi-sesi penerangan yang patut diadakan terutama sekali di peringkat sekolah-sekolah dan di perkampungan-perkampungan supaya rakyat jelata mulai faham dan mengetahui akan gagasan TN50 ini.

#### ■1240

Untuk peringkat sekolah, golongan ini walaupun pada masa ini belum cukup faham tentang perkara ini tetapi mereka nanti menjelang tahun 2050, mereka merupakan sektor ataupun golongan penting dalam negara kita. Oleh yang demikian, biarlah ia menjadi satu gagasan rakyat dan tunjang kepada kejayaan TN50 nanti adalah sokongan dan dukungan rakyat yang sedang menggarap dan mencorakkan hala tuju TN50 pada masa ini. TN50 akan menjadi kenyataan dan kejayaan hanya di tangan Kerajaan Barisan Nasional yang sedang memerintah pada masa ini, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan sekalung tahniah kepada penganjuran pameran LIMA'17 di Langkawi khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kita. Terima kasih kita ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan kerana telah menjemput kita, rombongan dari Dewan Negara ini untuk menjadi tetamu istimewa beliau pada 24 Mac yang lalu. Secara peribadi, inilah kunjungan saya yang pertama ke pameran LIMA Langkawi ini. Selain daripada kejayaannya yang telah banyak mengutamakan *business deal* yang bernilai berbilion Ringgit serta mempamerkan

kejayaan, kemajuan dan keupayaan sektor pertahanan dan industri pertahanan negara kita dan juga negara-negara peserta yang lain, apa yang paling menonjol sekali ialah sambutan luar biasa dan kunjungan rakyat jelata ke pameran LIMA'17, sudah tentu ia memberi impak yang besar kepada sektor pelancongan Langkawi.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan supaya selain daripada Langkawi yang menjadi pentas utama pameran LIMA, apalah kiranya pameran Pasca LIMA boleh dipanjangkan ke wilayah-wilayah lain di negara kita. Katakan kita adakan *LIMA Aeroshow* di Kuching, yang boleh disertai oleh beberapa negara peserta LIMA dengan persetujuan mereka masing-masing. Ia dapat memberi peluang kepada rakyat di Sabah, Sarawak, Labuan dan juga Indonesia dan Brunei untuk datang ke bandar raya Kuching untuk menyaksikan pameran Pasca LIMA. Ini boleh dijadikan sebagai satu tarikan besar kepada pelancong dari dalam dan luar negara dan sudah tentu merancakkan pembangunan sektor pelancongan negeri Sarawak. Saya yakin Kerajaan Negeri Sarawak menyambut baik acara ini. Saya memohon agar dipertimbangkan untuk LIMA 2019.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kesempatan membahaskan Titah ini, saya hendak *highlight*kan beberapa isu yang melibatkan negeri Sarawak. Pertama iaitu fasal kawasan persisiran pantai negeri Sarawak adalah luas dan panjang. Oleh itu, saya meminta sekali lagi penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Pertahanan mengenai apakah perkembangan terakhir pelan pembinaan pangkalan tentera laut di Bintulu, Sarawak? Kedua, juga dalam hal berkaitan yang sama.

Saya ingin memohon Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan apakah aset-aset dan kekuatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk mengawasi persisiran pantai negeri Sarawak. Ketiga, apakah status perancangan akademi latihan bomba Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, memandangkan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mempunyai sebidang tanah khususnya untuk hal ini di Kota Samarahan, Sarawak.

Seterusnya, apakah status pembangunan bangunan letak kereta bertingkat di Sarawak General Hospital, Kuching bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang amat runcing sekarang ini di Sarawak General Hospital, Kuching. Apakah jenis pelan pembangunan projek tambatan banjir untuk Sarawak General Hospital? Ini kerana sering kali sekiranya ada hujan lebat berlaku, maka berlakulah banjir kilat di kawasan tingkat bawah hospital dan juga di kawasan padang letak kereta. Seterusnya, apakah status kemajuan pembinaan projek baru Hospital Petrajaya, Kuching? Apakah sebab-sebab kelewatan untuk menyiapkannya dan bila ia dijadualkan siap sepenuhnya? Saya mohon Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk memberi penjelasan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, projek Lebuh raya Borneo ataupun *Pan-Borneo Highway* sedang rancak dijalankan. Satu perkara tambahan yang baru harus dipertimbangkan juga supaya perjalanan dari Sematan, Sarawak terus ke Sabah tidak melalui negara Brunei Darussalam tetapi melalui daerah Marudi dan terus ke Limbang, Lawas dan sebagainya. Saya mencadangkan supaya perkara ini dapat dipertimbangkan sewajarnya dan saya yakin Yang Berhormat Menteri Kerja Raya akan memberi perhatian khusus di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berterima kasih di atas kesudian dan kemurahan hati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan Kerajaan Persekutuan kerana meluluskan peruntukan bagi membolehkan pembinaan beberapa buah jambatan bernilai berbilion ringgit bagi memastikan projek jalan persisiran Sarawak menjadi satu kenyataan dan kejayaan demi kelangsungan dan kesejahteraan rakyat terutama sekali di kawasan persisiran Sarawak.

Seterusnya, saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sarawak belum lagi mempunyai kompleks budaya negeri. Saya mencadangkan supaya Menteri yang berkenaan berunding dengan kerajaan negeri untuk tujuan pembinaan kompleks seperti ini dan juga saya mencadangkan supaya diwujudkan akademi cawangan ASWARA di Sarawak. Saya juga mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri supaya mempertimbangkan penubuhan daerah baru polis bagi bandar raya Kuching iaitu daerah polis Kuching Utara.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri kerana meluluskan pembinaan pondok polis di kawasan Matang, Kuching yang telah beroperasi sekarang ini. Bagaimanapun, sukacita sekiranya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dapat meluluskan sebuah balai polis baru di bawah seliaan daerah polis Padawan. Juga, saya memohon agar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri meluluskan banyak lagi balai polis bergerak dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) untuk bandar-bandar di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, sama-samalah kita berdoa kepada Allah SWT agar terus melindungi negara kita dan rakyatnya sama ada di bumi Malaysia ini atau di mana sahaja mereka berada di seluruh pelosok bumi ini. Limpahilah kami dengan taufik dan hidayah Mu, permudahkanlah segala urusan negara kami dan limpahilah kami dengan kesejahteraan dan kemajuan yang Engkau redhai.

Sekian, *Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya mohon menyokong Usul ini. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Zaedi bin Haji Suhaili. Terima kasih banyak.

Keempat, saya minta pula Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah. Dipersilakan.

#### **12.48 tgh.**

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda atas Titah Baginda pada 6 hari bulan Mac. Seperti yang kita sedia maklum, Baginda telah mengeluarkan pandangan mengenai pelbagai perkara dalam Titahnya. Di antaranya ialah kedaulatan dan kesejahteraan negara, kedudukan ekonomi negara, penyusutan nilai Ringgit, kebajikan rakyat dan sebagainya. Pada hari ini saya juga akan memberi tumpuan kepada isu-isu yang memberi kesan kepada kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.

Isu yang pertama ialah isu kenaikan harga barang-barang yang disentuh juga oleh Ahli Yang Berhormat tadi, terutamanya harga barangan keperluan. Sejak akhir-akhir ini, kalau kita tengok keadaan inflasi dan harga barangan keperluan sedang meningkat secara mendadak. Menurut Jabatan Perangkaan Negara pada bulan Februari, indeks harga pengguna atau CPI telah meningkat sebanyak 4.5 peratus, sebanyak 119.7 *points*. Kalau banding dengan Februari tahun 2016, setakat 114.5 *points*.

#### ■1250

Satu peningkatan yang begitu tinggi dan kalau tidak salah yang tertinggi sejak kegawatan ekonomi pada tahun 1998. *The factor* utama yang menyumbang kepada kenaikan ketara ini untuk bulan Februari ialah kenaikan pada harga sayur-sayuran dan harga minyak masak. Kalau kita tengok makanan dan minuman menyumbang lebih kurang 30% kepada *weightage* CPI dan harga sayur-sayuran menaik begitu drastik kerana sebahagian besar sayur-sayuran itu diimport. Saya akan menyentuh isu import barang makanan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok statistik-statistik tadi ialah untuk bulan Februari dan nampaknya untuk bulan Mac pun, trend dia begitu juga. Menurut MIDF, kadar inflasi untuk bulan Mac akan meningkat tetapi kali ini disebabkan oleh kenaikan harga gula mentah. Kalau kita tengok seperti sayur-sayuran, 95 peratus gula mentah diimport dari luar negara dan kalau kita tengok dari segi import, salah satu faktor yang menyumbang kepada kenaikan ini ialah penyusutan nilai Ringgit.

Dari segi kadar inflasi kalau kita tengok ramalan MIDF, trend ini diramalkan akan kekal sehingga akhir tahun ini. Pada tahun ini kadar inflasi dijangka akan meningkat kepada 3 peratus pada tahun ini berbanding dengan 2.1 peratus pada tahun 2016. Semua orang tahu kalau kadar inflasi naik bererti harga barangan dan perkhidmatan juga akan menjadi lebih mahal. Sekarang pun sudah sampai satu tahap susah hendak faham, seolah-olah macam tidak masuk akal kalau kita tengok kenaikan harga barang sekarang.

Peningkatan drastik ini telah memberi satu kesan yang buruk terutama sekali kepada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana seperti buruh, pekerja kilang dan juga penjawat awam, yang teruk sekali adalah mereka yang tinggal di kawasan bandar. Golongan ini betul-betul terhimpit kerana bukan sahaja barang-barang keperluan dapur yang meningkat tetapi juga yang lain seperti kadar sewa, kos pengangkutan, kos perubatan dan sebagainya.

Setakat ini pada saya, pendapat sayalah segala inisiatif dan usaha yang diambil oleh kerajaan setakat ini pada saya gagal untuk mengawal inflasi. Ini jelas kalau kita tengok dari kadar yang makin meningkat. Dalam aspek ini soalan saya kepada kerajaan ialah, saya ingin tahu apa telah terjadi kepada jawatankuasa sebab kerajaan pernah menubuhkan satu jawatankuasa, saya ingin tahu, apakah yang telah terjadi kepada 'Jawatankuasa Khas Peringkat Tinggi Tangani Kos Sara Hidup' yang ditubuhkan pada awal tahun 2016? Adakah Jawatankuasa ini masih wujud dan kalau masih wujud, apakah pengesyoran Jawatankuasa ini untuk mengatasi masalah ini, dan kenapa masih gagal?

Apabila hendak bercerita tentang soalan kegagalan untuk mengawal kadar inflasi, kenaikan kadar inflasi, saya ingin tahu sama ada kegagalan ini disebabkan oleh faktor-faktor *structural*. Pasal kalau kita tengok sekarang banyak, ada sebahagian pakar ekonomi berpendapat bahawa kegagalan

untuk mengawal inflasi dan kenaikan harga disebabkan oleh kelemahan-kelemahan *structural* iaitu kelemahan-kelemahan di sistem perdagangan yang sedia ada terutamanya sistem monopoli dan sistem AP.

Saya pernah baca dalam satu laporan yang mengatakan tekanan inflasi mampu dikawal sekiranya kerajaan sudi menghapuskan atau mengawal sistem monopoli dan dasar AP. Sekurang-kurangnya dengan mengawal sistem ini pasal sekarang kalau kita tengok dengan sistem AP ini, mereka yang memegang AP ini dia boleh menguasai pasaran, dia boleh membuat kartel untuk menentukan harga yang tinggi untuk menjana keuntungan yang tinggi. So, sekurang-kurangnya kalau kita kawal sistem monopoli, kalau tidak boleh hapus kalau kita kawal dan liberasi yang mengikut akan menyebabkan penurunan harga. So, cadangan saya kerajaan perlu mengimbangi secara serius. Pada saya kerajaan harus mementingkan kepentingan ramai dan bukan kepentingan sebahagian sahaja.

Seperti yang saya cakap tadi salah satu faktor ialah kerana sebahagian besar *food* diimport, sebahagian besar barangan makanan, sayur-sayuran dan sebagainya semua diimport. Hampir semua barang, beras, sayur-sayuran, daging, ikan dan semuanya. *Now*, pada tahun 2014 bil untuk import makanan ini- saya hendak tunjuk trend ya. Barangan import bukan menurun tetapi sedang meningkat. Pada tahun 2014, jumlah bil untuk import berjumlah RM42.6 bilion tetapi pada tahun 2015 ia meningkat kepada RM45.4 bilion, untuk setahun sahaja ia meningkat RM2.8 bilion.

So, ini menunjukkan bahawa kita jauh daripada mencapai tahap *self sufficiency* dan pada saya kita sudah sampai satu tahap yang kritikal di mana kerajaan harus mengambil tindakan serta-merta untuk memperbetulkan keadaan dan kalau kita baca Titah Seri Paduka Baginda begitu juga Baginda menyeru supaya lebih banyak langkah diambil untuk memastikan jaminan makanan yang mencukupi dan berkualiti dengan harga yang munasabah.

Dalam hal ini, soalan saya kepada kerajaan ialah saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk meningkatkan pengeluaran tempatan terutamanya sayur-sayuran kerana kalau kita tengok iklim kita memang sesuai untuk banyak jenis sayuran yang diimport sekarang. Saya ingin mengetahui langkah-langkah yang sedang diambil bukan sahaja sayur-sayuran tetapi juga untuk mempertingkatkan sektor penternakan dan industri perikanan.

Secara khusus soalan saya kepada kementerian berkenaan ialah saya ingin tahu mengenai penyertaan Malaysia dalam program *Integrated Sustainable Agriculture Programme* (iSAP), adakah program ini berfaedah untuk Malaysia kerana kita mengambil sebab saya ingat dalam lapan ke sembilan buah negara yang menyertai program ini, apakah faedah program ini kepada Malaysia dari segi memastikan *food security* dan *sustainability* dengan harga yang munasabah, itu satu.

Saya juga ingin mencadangkan itu semua jangka masa panjang ya sebagai sementara menunggu program-program ini, kalau program ini betul-betul berhasil dan sementara menunggu program-program ini berhasil, pada saya kerajaan perlu mengambil tindakan serta-merta untuk membantu rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Sebagai langkah permulaan dan segera, kerajaan perlu mengkaji semula tahap gaji minimum yang ditetapkan pada Julai tahun lepas. Tahap yang ditetapkan itu tidak relevan lagi kalau dibandingkan dengan kos sara hidup yang meningkat sekarang ini.

Ini cukup jelas kalau kita kaji *household income survey* dengan *household expenditure survey*, laporan perbelanjaan isi rumah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan. Setakat tahun 2014, kadar dia dekat RM3,500, so pada saya tahap gaji minimum perlu dikaji semula dan dinaikkan kepada satu tahap yang lebih realistik, itu satu cadangan. Cadangan yang kedua ialah tindakan terhadap para peniaga yang mencari keuntungan berlebihan.

Dalam hal ini cadangan saya kepada kerajaan ialah untuk mengkaji semula Akta Kawalan Harga dan Pencatutan 2011. Dari segi, saya sedar akta ini kadang-kadang ia tidak boleh mengawal harga barang yang kita import tetapi isu saya ialah dari segi isu pemantauan. Pemantauan itu dari segi kekerapan pemantauan. Sekarang ini kalau kita tengok pemantauan hanya semasa musim perayaan. Cadangan saya ialah pemantauan, kita kena *extend* pemantauan untuk setiap masa dan bukan sahaja masa perayaan.

Isu yang kedua Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita minta Yang Berhormat sambung petang ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat kita berterima kasih kepada pihak SPRM yang telah bagi kita waktu makan tadi. Sekarang Yang Berhormat saya hendak sambung kita punya perbahasan Titah Diraja. Sambung kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah. Sila.

### 2.33 ptg.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya pergi menyambung perbahasan Titah Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda. Cuma hendak komen sedikit mengenai taklimat dari SPRM tadi fasal tidak sempat hendak menimbulkan soalan semasa *lunch* tadi. Saya sebenarnya hendak ucapkan tahniah kepada SPRM kalau kita tengok kebelakangan ini, lapan bulan ini dari segi *incident arrest* betul-betul tinggi sangat dalam-selepas Datuk Dzulkifli Ahmad ambil alih, *in-charge* SPRM.

Saya hendak komen dua aspek fasal SPRM satu dari segi kalau kita tengok dua punya motto dia cakap bebas, telus, profesional dan sebagainya. Isu yang timbul *is how independant is SPRM?* Fasal kalau kita tengok setakat hari ini pun SPRM dia masih melapor kepada Jabatan Perdana Menteri dan bukan kepada Parlimen. Kalau kita tengok tadi soal bajet pun, bajet dia pun datang dari Jabatan Perdana Menteri dan bukan Parlimen. Kalau betul-betul kita hendak- fasal kalau kita tengok SPRM dia di model seperti ICAC Hong Kong dengan New Southways Australia punya model. So dari segi *reporting* kalau betul-betul kita hendak dia bebas saya rasa dia kena *report* kepada Parlimen, itu satu.

Kedua kalau kita tengok tadi dari segi bilangan kes selepas dalam lapan bulan betul-betul tinggi. Akan tetapi kalau kita tengok *transformation* dari kes ke *prosecution* dari segi *prosecution* memang rendah. Fasal kalau kita tengok SPRM ini dia boleh tangkap, dia boleh siasat, dia boleh buat apa-apa dia hendak. Akan tetapi *power of prosecution* bukan dengan SPRM masih dengan AG punya tangan. So dari segi *prosecution* memang banyak lagi kita kena *improve*, itu satu.

Balik kepada perbincangan saya. Tadi saya cerita sedikit berkenaan dengan kenaikan harga barang dan salah satu faktor yang saya cakap ialah penyusutan nilai Ringgit. Kalau kita tengok sekarang nilai ringgit telah terjunam kepada satu paras yang terendah sekali dalam tempoh 20 tahun kepada satu paras serupa macam semasa kita ada dalam ASEAN *financial crisis* pada tahun 1997 dengan tahun 1998. Kalau kita tengok isu penyusutan nilai ini banyak pendapat berbeza, kenapa berlaku penyusutan nilai Ringgit. Kalau kita tanya kerajaan banyak dia punya ini disebabkan oleh faktor-faktor luar kawalan kerajaan. Akan tetapi ada juga para ekonomi, sebahagian pakar ekonomi yang berpendapat bahawa ia disebabkan oleh faktor-faktor dalaman seperti polisi kewangan, sistem perdagangan, hutang negara yang tinggi dan sebagainya.

Petang ini saya tidak berhasrat untuk *argue* kenapa atau apa sebabnya nilai Ringgit menyusut sampai tahap itu. Isu saya ialah kerajaan perlu mengambil satu penyelesaian, perlu mencari satu penyelesaian kepada masalah ini, sudah tiba masanya. Kalau tidak, kalau kerajaan gagal mengambil tindakan yang lebih positif rakyat akan terus menderita. Itu jangka masa panjang. Akan tetapi pada saya, apa yang saya cadang ini kerajaan kena ambil tindakan-tindakan supaya nilai Ringgit dapat melonjak balik kembali kepada satu paras macam dahulu.

Untuk isu yang ketiga ialah isu pengangguran. Tadi juga disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad fasal isu pengangguran. Kalau kita tengok isu pengangguran sekarang ini, di Malaysia kalau kita tengok baru-baru ini satu kenyataan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia. Di mana dia cakap kadar pengangguran di Malaysia ialah diramalkan tidak akan melebihi 3.5 peratus. Betul saya akui kadar 3.5 peratus ini kalau kita ambil *international benchmark* dianggap sebagai *full employment*. Kalau kita tengok *the last few years*, 15 tahun, 20 tahun tahap atau kadar pengangguran tidak melebihi 3.5 peratus kecuali pada Mac 1999 di mana dia sampai ke paras 4.5 peratus.

Akan tetapi kalau kita tengok dari segi peratus dia nampak okey. Isu saya ialah bila kita terjemahkan peratus ini kepada angka kita dapat gambaran yang lain sebenarnya satu keadaan yang merisaukan. Kalau kita balik ke kadar yang 3.5 peratus ini kalau kita ambil angka bilangan rakyat Malaysia yang masih menganggur pada bulan Disember sebanyak 512,000 orang, setengah juta pada bulan Disember. Pada bulan Januari, bulan Februari, Mac *figure 1* tidak ada masih belum dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan. Akan tetapi kalau kita pergi ke Januari dia meningkat dari 512,000 ke 514,000, satu peningkatan 2,000 lebih orang. Ini *figure* Kementerian Sumber Manusia tetapi kalau kita pergi ke *figure* MEF dia lebih tinggi. Fasal perbezaan antara *figure* MEF dengan *figure* kementerian ialah majikan yang memberhentikan lebih kurang dari lima orang tidak perlu melaporkan. MEF punya *figure* mungkin dia rasa *figure* itu sudah lebih tinggi dari 514,000.

Tadi yang merisaukan tetapi kalau kita *zoom in* lagi dalam *figure* ini kita dapat lagi satu gambaran yang lebih membimbangkan. Fasal kalau kita buat analisis terperinci dia mendedahkan

bahawa sebahagian besar yang menganggur ini datangnya dari golongan belia, 3.5 peratus itu secara am tetapi secara *detail* kebanyakannya datang dari golongan belia.

#### ■1440

Mengikut laporan Bank Negara Malaysia kalau kita tengok Bank Negara Malaysia, kadar pengangguran untuk belia tidak pernah kurang dari 10 peratus sejak tahun 2001 sehingga sekarang, 16 tahun ini. Biasanya lebih dari 10 peratus. Pada tahun 2014, kadar pengangguran belia ialah 9.5 peratus dan ini pun kalau kita ambil pada tahun 2015, ia meningkat ke 10.7 peratus pada purata tiga kali ganda. Kalau kita ambil pengangguran belia, dia tiga kali lebih tinggi daripada kadar pengangguran negara.

Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin pun pagi tadi sudah cerita fasal *job creation* dan sebagainya. Macam saya cakap tadi, memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengisytiharkan bahawa kerajaan telah berjaya mewujudkan 1.8 juta pekerjaan baru-baru ini tetapi saya cakap tadi memang sasaran ETP ialah untuk mewujudkan 3.3 juta pekerjaan menjelang tahun 2020. Setakat ini kalau 1.8 *million*, pada saya itu satu angka yang munasabah dan boleh dianggap *on track* untuk kita *create 3.3 million* pekerjaan.

Akan tetapi apa yang jadi isu ialah jenis pekerjaan yang diwujudkan dan siapa yang sebenarnya berfaedah dari peningkatan *job creation* ini. Mengikut Laporan Ekonomi Tahun 2016 dan 2017, bilangan *active job seekers* kalau kita tengok bulan Oktober tahun 2016, bilangan *active job seekers* sebanyak 284,000 orang, lebih sedikit dari itu. Itu yang *active job seekers*. Dari jumlah *active job seekers* ini, lebih daripada 83 peratus ini datangnya antara mereka yang umur mereka antara 20 ke 30 tahun. *Active job seekers* banyak ini datang dari golongan belia. Kalau kita pecah lagi, kalau kita pecah *active job seekers* ini, lebih kurang 90,000 *active job seekers* datang dari kategori siswazah dan lebih kurang 57,000 datang dari pemegang diploma.

Jadi ini yang apa yang kita nampak jenis pekerjaan yang diwujudkan itu tidak sepadan dengan kelayakan mereka yang *active job seekers*. Lagipun, macam saya cakap pagi tadi, dari 1.8 *million* pekerjaan yang diwujudkan, 14 peratus ataupun 300 lebih diisi oleh pekerja asing dan bukan oleh warga Malaysia. So, pada saya, kegagalan untuk mewujudkan pekerjaan yang sesuai bererti kita kehilangan bakat banyak kalau belia tidak kerja dan sebagainya.

Pada saya, kerajaan perlu ambil tindakan yang lebih serius fasal kalau kita tengok isu pengangguran belia ini, ia ada banyak implikasinya kalau tidak diselesaikan. Satu implikasi yang betul-betul drastik. Kita pernah tengok di beberapa negara yang lain di mana pengangguran belia telah menyebabkan persengketaan sosial dan pergolakan politik. So, pada saya, kerajaan kena ambil satu tindakan yang lebih serius untuk menyelesaikan masalah ini sebelum dia *reaches* apa yang kita panggil satu *point of no return*.

Berkenaan dengan pengangguran, saya juga hendak sentuh sedikit berkenaan dengan pemberhentian kerja dan perlindungan yang diberi kepada mereka yang diberhentikan kerja. Mengikut laporan Kementerian Sumber Manusia, jumlah pekerja yang diberhentikan pada tahun 2016 adalah 37,000 orang tetapi di sini pun MEF punya statistik berlainan. MEF, macam saya cakap tadi, majikan yang bawah lima pekerja ini tidak perlu dilaporkan. MEF punya statistik adalah orang yang diberhentikan kerja pada tahun lepas adalah lebih kurang 44,000 orang.

Isu saya ialah bukan bilangan tetapi perlindungan yang diberi kepada mereka yang dibuang kerja. Dari segi perlindungan, saya ada dua isu. Satu, kelewatan untuk melaksanakan Skim Insurans Pekerjaan. Pada mulanya, skim ini diumumkan pada Oktober semasa bajet pada bulan Oktober 2014 tetapi masih belum dilaksanakan. Pengumuman terakhir ialah dia akan dilaksanakan pada 1 Januari tahun depan dan faedah-faedah akan dibayar mulai 1 Januari 2019. Pada saya, saya tidak boleh faham kenapa kerajaan tidak boleh melaksanakan skim ini pada masa sekarang sedangkan skim ini telah pun diluluskan oleh Majlis Ekonomi Negara pada bulan Januari.

Kelewatan kerajaan untuk melaksanakan skim ini akan terus membebankan golongan pekerja. Kerajaan harus menyedari bahawa bukan semua pekerja yang ditamatkan kerja itu diliputi atau dapat perlindungan dari undang-undang yang sedia ada sekarang. Kalau kita tengok perlindungan yang sedia ada, dia adalah melalui Akta Kerja dan bukan semua orang yang diberhentikan dapat perlindungan dari Akta Kerja ini. Kalau kita tidak ambil statistik untuk tahun 2016, 48 peratus pekerja yang kena buang dari 37,000 ini tidak dapat sebarang perlindungan di bawah akta atau di bawah undang-undang yang sedia ada.

Kerajaan juga kena menyedari yang layak dapat faedah penamatan pun bukan semestinya akan dapat bayaran pada *last-nya* fasal kebiasaannya, hanya syarikat-syarikat yang sudah mufliis atau sedang menghadapi masalah kewangan akan memberhentikan pekerja. Dalam keadaan demikian, aset-aset syarikat itu kena dicairkan sebelum bayaran faedah penamatan boleh dibuat kepada pekerja yang diberhentikan kerja. Kalau kita tengok peruntukan yang sedia ada, bayaran itu pun tidak tentu kita akan dapat sepenuhnya fasal peruntukan dalam Akta Syarikat ialah hutang-hutang lain akan diutamakan sebelum boleh bayar faedah penamatan.

Isu yang kedua dari segi perlindungan undang-undang ialah keengganan kerajaan untuk meratifikasi konvensyen-konvensyen ILO yang berkaitan dengan penamatan kerja dan pembayaran faedah penamatan terutamanya ILO ada dua konvensyen iaitu Konvensyen 158, dan Konvensyen 166 *on termination on employment* yang mana sehingga sekarang kita belum selesaikan atau belum diratifikasi. So, permintaan saya kepada kerajaan, saya menggesa kerajaan supaya dapat *ratify* kedua-dua konvensyen ini. Kalau kerajaan *ratify* konvensyen ini, dia kena ambil tindakan susulan dan kemudian lebih ramai pekerja akan dapat perlindungan dari segi akta.

Dua lagi isu yang saya hendak sentuh ialah secara komen, saya hendak komen dua isu terhadap apa yang saya anggap sebagai kegagalan pihak kerajaan untuk bertindak secara positif. Pertama adalah isu kematian atau kes-kes kematian dalam tahanan polis. Banyak kes kematian tetapi yang saya hendak fokus hanya kematian dalam tahanan polis. Kalau kita tengok, kejadian sedemikian masih berlaku walaupun pelbagai jaminan telah dibuat oleh kerajaan atau pihak-pihak berkenaan.

Saya sebenarnya tidak boleh faham macam mana orang boleh mati dalam tahanan polis kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau secara tidak sengaja ataupun secara sengaja oleh pihak polis. Pada saya, angka atau bilangan kes orang mati dalam tahanan polis bukan menurun tetapi meningkat fasal kalau kita tengok tahun ini sahaja setakat bulan Mac, sudah ada tiga kes kematian dalam tahanan polis. Saya cuma hendak petik dari dua keputusan mahkamah untuk *demonstrate* kepada kerajaan betapa seriusnya kes kematian dalam tahanan polis.

## ■1450

Yang pertama, saya hendak *quote* dari Justice Lee Swee Seng yang dibuat pada tahun 2010 dalam kes Mohd Anuar, dengan izin, saya *quote*, “*The safest place to be in should not by default be turned into the most dangerous place to be taken to*”. Ini berkenaan dengan keputusan Justice Lee Swee Seng pada bulan Jun 2010. Satu lagi petikan yang *more recent* ialah petikan Justice S. Nantha Balan dalam kes P. Chandran baru-baru ini dan saya *quote*, “*In a modern, matured and evolved constitutional democracy such as Malaysia, it is axiomatic and imperative that should be zero deaths of detainees in police custody*”. *There should be zero death* tapi tahun in sahaja kita sudah ada tiga kematian. Isu saya ialah kenapa kerajaan masih gagal walaupun kita telah tubuh EAIC dan sebagainya. Bukan sahaja EAIC, pada tahun 2009 kita tubuhkan EAIC dan juga jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Ketua Polis Negara.

Kenapa bila sudah ada dua badan macam ini masih berlaku kematian dalam tahanan polis. Dalam isu ini, saya menyeru kerajaan supaya kita mengkaji semula keputusan kerajaan mengenai pertubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC). IPCMC sebenarnya *recommendation* untuk IPCMC dibuat oleh 2005 *Police Commission* punya *report*. So pada saya, EAIC telah gagal. So kerajaan perlu *form* IPCMC. Kalau tak ada, *more and more life would be continue to be lost* dalam *police custody*, dengan izin.

Akhir sekali saya cuma hendak- satu lagi kekecewaan terhadap keputusan kerajaan ialah keputusan kerajaan untuk menangguhkan pembentangan pindaan-pindaan kepada Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Pada mulanya pindaan-pindaan ini dijadualkan untuk dibentangkan di persidangan kali ini tetapi kini telah ditangguhkan kepada satu tarikh yang belum ditetapkan. Mungkin ada ramai yang khuatir mungkin tidak akan dibentangkan sama sekali.

Pihak kerajaan telah menjelaskan kenapa perlunya untuk menangguhkan pembentangan itu, saya faham dan saya setuju bahawa pertindihan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil perlu ditangani dengan cara yang baik dan berkesan supaya kita hendak mengelakkan isu-isu yang tidak diingini. Itu saya faham tetapi pada saya, sudah terlalu lama dan apa jua alasan yang diberi oleh kerajaan, ada satu pihak yang rasa kecewa dengan keputusan itu dan kelewatan ini, kelewatan untuk menyelesaikan masalah ini atau meluluskan apa-apa pindaan undang-undang yang bersesuaian, kelewatan itu akan menyebabkan lagi banyak ibu dan kanak-kanak terus menderita.

So pada saya, cadangan terakhir saya pada petang ini ialah mengenai isu ini. Kerajaan harus menghormati keputusan kerajaan sendiri yang dibuat pada bulan April 2009. Pada bulan April 2009, kerajaan telah mengumumkan bahawa, ini diumumkan oleh Perdana Menteri sendiri bahawa penukaran agama secara unilateral tidak akan dibenarkan dan bahawa agama kanak-kanak itu perlu terus dikekalkan pada agama sama semasa perkahwinan kecuali dengan persetujuan kedua-dua ibu bapa. So, ini saja cadangan-cadangan saya pada petang ini dan saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris.

**2.55 ptg.**

**Puan Hajah Rahemah binti Idris:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam 1Malaysia, salam Negaraku Malaysia dan salam muafakat Johor. *“Telah bertasbih kepada Allah apa-apa yang di langit dan apa-apa yang ada di bumi dan Dia yang maha perkasa lagi maha bijaksana. Hai orang-orang mukmin, mengapakah kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu perbuat, amat besar kebencian di sisi Allah SWT kerana kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu perbuat. Sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang-orang yang berperang pada jalanNya dengan berbaris-baris seolah-olah mereka bangunan, tembok yang sangat rapat menjadi satu”.* Surah As-Syaf, Ayat 1 hingga 4.

Saya merafak syukur ke hadirat-Nya bersama firman Yang Maha Esa, maka dengan itu kita dapat bersama di Dewan yang mulia ini untuk berbincang dan mencari permuafakatan dalam urusan-urusan berkaitan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Titah Diraja yang julung kali dibahaskan oleh saya di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya mohon mempersembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah Ke Bawah Duli Tuanku kerana telah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15 bagi negara Malaysia yang aman dan makmur ini. Oleh itu, patik mohon membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-15, Sultan Muhammad V. Ampun Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, pada sidang Dewan kali ini, saya ingin menzahirkan keterujaan saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seluruh barisan Kabinetnya dalam memastikan keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat terus dipelihara. Pertamanya, ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana kejayaan menyelesaikan isu ketegangan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Korea Utara rentetan daripada tragedi pembunuhan individu misteri yang dikatakan Kim Jong-nam, abang tiri kepada pemimpin tertinggi Korea Utara, Kim Jong-un

Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berjaya membawa pulang 11 orang rakyat Malaysia yang ditahan di Pyongyang, Korea Utara dengan selamat dan jayanya. Tragedi ini merupakan antara episod-episod yang membuktikan kepimpinan negara meletakkan keselamatan negara dan warganya adalah keutamaan yang maha besar. Di sini, saya ingin menyorot kembali antara episod-episod kerajaan diplomasi kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib di dalam memelihara kemakmuran negara kita, Malaysia.

- (i) Julai 2014 - beliau berjaya berunding dengan Ketua Pihak Pemisah Ukraine, Alexander Borodai mendapatkan hak ke atas kotak hitam pesawat MH17;
- (ii) Jun 2016 - berjaya berunding dengan Kerajaan Indonesia bagi membebaskan dua orang nelayan warga Malaysia yang didakwa menceroboh perairan Indonesia;

- (iii) Julai 2016 - berjaya menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Filipina dalam usaha membebaskan tebusan warga Malaysia yang diculik oleh Kumpulan Abu Sayyaf; dan
- (iv) Mac 2017 - berjaya membawa pulang 11 orang rakyat Malaysia yang ditahan di Pyongyang, Korea Utara.

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab meletakkan keselamatan negara sebagai barang taruhan demi politik sempit.

#### ■1500

Kumpulan ini harus ditolak dan jangan dibenarkan mereka memimpin negara Malaysia tercinta ini kerana sikap mereka ini akan merobek kesejahteraan rakyat dan membuka ruang untuk kedaulatan negara kita dicabar.

Tuan Yang di-Pertua dan sidang Dewan sekalian, seterusnya melihat kepada dedikasi, kegigihan, kesungguhan serta komitmen yang tinggi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga jentera kerajaan bagi merealisasikan Malaysia sebagai negara maju menjelang 2020. Seluruh usaha digembleng bagi memastikan saiz ekonomi negara diperbesarkan dan memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya.

Untuk itu dalam tempoh enam bulan, dari November 2016 hingga April 2017, kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah berjaya membawa pelaburan mencecah melebihi RM350 bilion ke Malaysia iaitu dari China, Arab Saudi, Perancis dan India. Pertama, daripada 80 negara terbaik untuk melabur penarafan oleh firma perunding Amerika Syarikat, BAV Consulting dan Wharton School. Ketiga, ketiga daripada 80 negara terbaik untuk memulakan perniagaan penarafan oleh *BAV Consulting* dan *Young & Rubicam*. Keempat, kelapan daripada 138 negara, perbelanjaan kerajaan paling efisien penarafan oleh *World Economic Forum* dan akhirnya antara 10 ekonomi paling pesat berkembang negara, penarafan oleh *The Economist*.

Kejayaan-kejayaan ini memperlihatkan keberkesanan jentera kerajaan dalam mengatur urus ekonomi negara untuk terus kekal berdaya saing dan mampan. Walaupun begitu, kejayaan ini tidak disenangi oleh pihak-pihak tertentu dengan mengeluarkan kritikan dan fitnah tuduhan yang tidak bertanggungjawab kepada kerajaan seperti menuduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjual negara. Apakah motif tuduhan liar ini? Apakah tuduhan liar ini bertujuan untuk mengelirukan rakyat atau melemahkan ekonomi ataupun mereka yang ingin menjual negara. Mereka kena sedar, sikap inilah yang akan merencatkan ekonomi negara sekali gus menutup peluang-peluang pekerjaan untuk generasi baru Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua dan sidang Dewan sekalian, kerajaan ambil maklum kenaikan harga barangan oleh pengusaha kapitalis dalam sistem ekonomi terbuka mengancam keharmonian rakyat. Para peniaga terutama orang-orang tengah yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan terhadap pelaksanaan GST dan Dasar Rasionalisasi Subsidi untuk menaikkan harga barangan. Namun dengan daya kerajaan, dua kaedah untuk membantu rakyat dalam mendepani tekanan peningkatan kos sara hidup iaitu dengan yang pertama, mengawal kos dengan memberi subsidi dan yang kedua meningkatkan pendapatan rakyat dengan memberi latihan atau dana meningkatkan hasil pendapatan.

Dalam usaha ini kerajaan mengawal kos dengan pemberian bantuan kewangan dalam bentuk subsidi kepada rakyat. Pelbagai program dibentuk untuk meringankan beban rakyat terutama golongan B40 dan M40 seperti:

- (i) PR1MA, peluang kepada rakyat untuk mendapatkan rumah mampu milik;
- (ii) Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia, peluang kepada penjawat awam untuk mendapatkan rumah mampu milik;
- (iii) MyHome, bantuan dalam bentuk subsidi dari kerajaan, dari sebanyak RM30 ribu kepada pembeli rumah pertama terutama belia yang belum memiliki rumah;
- (iv) MyDeposit, bantu rakyat untuk mendapatkan pembiayaan untuk deposit hingga 10 peratus daripada harga rumah ataupun RM30 ribu. Kedai Rakyat 1Malaysia, jualan barang dengan harga patut; dan
- (v) Klinik 1Malaysia, rawatan kesihatan dengan bayaran yang minimum dan sebagainya.

Bagi menggalakkan dan meningkatkan pendapatan isi rumah, kerajaan terus komited dengan inisiatif yang pertama BR1M, bagi golongan berpendapatan rendah. Kedua bantuan khas kejatuhan harga getah untuk pekebun kecil getah, 1Azam, elaun-elaun sara hidup bantuan nelayan, Program Bantuan Penjaja, Skim Latihan 1Malaysia dan sebagainya. Ia ditambah dengan memastikan semua janji untuk rakyat ditepati dan sistem penyampaian kerajaan yang berkesan. Untuk itu sebanyak 82 peratus daripada keseluruhan 4,797 projek Aku Janji Kerajaan Persekutuan (AKP) bernilai RM72.26 bilion telah siap sepenuhnya. Ini bermakna Kerajaan Barisan Nasional ini kita boleh bagi dia dengan penilaian 'A+'.

Jadi janganlah kita dustakan usaha kebaikan yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional ini untuk menyejahterakan rakyat dan memakmurkan negara. Apa pun mereka kata, apa pun fitnah yang dilemparkan kepada pemimpin kerajaan dan jenteranya, kerajaan yang diterajui oleh UMNO ataupun Barisan Nasional terus komited dalam membela dan menyejahterakan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua dan sidang Dewan sekalian, di sini saya ingin memuji kerajaan sedia ada yang responsif kepada rakyat keseluruhannya. Dengan pindaan Rang Undang-undang Kebankrapan 1967 (Pindaan) 2016 memperlihatkan komitmen kerajaan dalam melindungi penjamin sosial daripada dikenakan tindakan kebangkrutan. Penjamin sosial ini yang ditakrifkan sebagai pinjaman bukan bermotifkan keuntungan seperti penjamin dalam pinjaman pendidikan sememangnya tidak wajar diseret gara-gara keingkaran peminjam yang dijamin.

Selain daripada itu, dengan menaikkan had hutang daripada RM30 ribu kepada RM50 ribu adalah disokong. Ini menepati implikasi daripada pengisytiharan bankrap dengan jumlah amaun yang di hutang kerana kesan daripada kebangkrutan ini sangat besar sehingga menyebabkan individu berkenaan boleh mengalami tekanan mental dan kehidupan seolah-olah hidup ini sudah gelap gelita. Lagipun pemberi hutang, bank ataupun institusi pinjaman berlesen mempunyai kaedah yang lain untuk mendapatkan semula wang yang dipinjamkan oleh mereka daripada peminjam yang ingkar seperti memperoleh perintah mahkamah untuk saman penghutang kehakiman iaitu JDS.

Di samping itu juga, institusi kewangan diseru untuk lebih berhemah dalam memberi kemudahan pinjaman hanya kepada peminjam yang benar-benar layak dan berkemampuan untuk membayar kembali hutang mereka. Secara keseluruhannya, apabila difahami dan diamati pindaan ini, kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional telah melaksanakan pelbagai usaha untuk kesejahteraan rakyat dari awal hinggalah sekarang. Sedikit demi sedikit pindaan dibuat kerana tuntutan semasa dan menjaga kepentingan semua pihak iaitu penghutang, pemiutang dan juga penjamin. Namun, fokus atau *refocus* dengan izin adalah untuk mendaya usahakan yang lebih ke arah keperluan, kesejahteraan, kemakmuran dan keselamatan rakyat terutamanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai konklusi episod-episod suka duka yang dilalui oleh kepimpinan negara dan seluruh jentera kerajaan adalah sebahagian daripada drama yang dicipta oleh mereka yang kurang senang dengan kejayaan kerajaan mentadbir dan menyejahterakan rakyat. Ianya adalah motivasi untuk kita untuk terus kuat membela rakyat, memakmurkan dan mempertahankan institusi kerajaan yang didukung selama ini. Demikian juga, dengan dasar-dasar baru yang disuntik dalam rang undang-undang ini yang bertujuan untuk memperkemas pentadbiran, memartabatkan perundangan, menjunjung kedaulatan serta mensejahtera *netizens*.

#### ■1510

Izinkan saya mengungkapkan peribahasa Melayu berbunyi, "*Kuat berdirinya pohon kerana akar dan kuat akarnya kerana tanah*". Untuk itu, kerajaan sedia ada di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sentiasa dan akan terus memberikan khidmat bakti kepada rakyat agar keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang dinikmati hari ini akan berpanjangan.

Sebelum mengakhiri perbahasan ini, suka saya mengingatkan diri saya dengan ungkapan Muhammad Rasyid Ridha berbunyi, "*Marilah kita tolong-menolong pada perkara yang kita sepakati dan marilah kita saling menghargai pada perkara yang kita perselisihkan*". Negara Malaysia, negara ku Malaysia, rakyat terbela, negara sejahtera. Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang terhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris. Nampaknya sampai dengan teratur dan baik. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun, dipersilakan.

### 3.11 ptg.

**Dato' Indera Hoh Khai Mun:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini. Baginda memang memandang berat terhadap pelbagai isu negara. Ini menunjukkan baginda amat prihatin kepada kehidupan dan kebajikan rakyat jelata. Dengan ini saya akan menumpukan ucapan saya kepada isu-isu mengenai alam sekitar, pelancongan, Kampung Baru Cina dan perniagaan kecil dan sederhana atau PKS.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan alam sekitar dan pelancongan di tempatan bagi semula jadi, pada pendapat saya pemuliharaan alam sekitar dan pelancongan di tempat semula jadi tidak boleh dilihat secara berasingan. Baru-baru ini Pulau Sembilan di negeri perak diarahkan tutup

kepada semua aktiviti pelancongan demi menjaga ekosistem dan biodiversiti pulau tersebut. Ini bukan kes yang pertama di mana satu tempat semula jadi telah terancam disebabkan aktiviti pelancongan.

Taman Geo Kilim di Langkawi juga diancam oleh timbunan sampah yang ditinggalkan oleh pelancong. Sungai Kilim terdedah kepada timbunan sisa pepejal yang dipungut dan belum dilupuskan. Walaupun sektor pelancongan dapat menjana pendapatan negara, namun kita harus prihatin terhadap kesan aktiviti pelancongan yang tidak dikawal.

Oleh sebab itu saya menyokong inisiatif Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk membangunkan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan untuk tahun 2016 hingga tahun 2025. Pelan ini telah ditambah baik daripada Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 1996 dan saya berpendapat pelan ini dapat melindungi alam semula jadi di Malaysia dan juga dapat memperkembangkan lagi sektor pelancongan di negara kita. Perkara yang saya ingin utarakan adalah cara implementasi pelan yang begitu besar yang merupakan satu *top down approach*, dengan izin, iaitu dari bidang kuasa atasan hingga kepada bawahan.

Untuk tempat pelancongan seperti *homestay*, sebagai contoh terdapat ramai pemilik-pemilik rumah persendirian yang menawarkan perkhidmatan *homestay* atas sukarela dan tanpa campur tangan daripada kerajaan. Jadi pengurusan *homestay* ini tidak akan mengambil kira garis panduan atau *guideline*, dengan izin, dari kementerian untuk ekopelancongan yang disebutkan tadi.

Perkara lain yang wajar diperhalusi adalah hakikat bahawa *homestay* masih tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dan ini mungkin membawa kepada masalah pelaksanaan ekopelancongan untuk *homestay* sekiranya ada penjagaan kepentingan. *Homestay* hanya merupakan salah satu daripada contoh yang saya utarakan dan sebenarnya pada pendapat saya, kerajaan masih boleh memberi lebih insentif kepada pengusaha aktiviti pelancongan lain seperti hotel yang berdekatan dengan persekitaran semula jadi ataupun agensi pelancongan yang menawarkan pakej untuk melawat kawasan-kawasan tersebut.

Insentif dari Kerajaan Persekutuan boleh merangkumi penyediaan kemudahan dan infrastruktur. Satu contoh yang saya ingin nyatakan adalah Taman Negara di Pahang yang perlu dinaiktarafkan kemudahannya. Kerajaan Persekutuan perlu meningkatkan usaha menawarkan insentif kepada kerajaan negeri untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan di kawasan tersebut. Kerja pembersihan adalah penting untuk memastikan kawasan sekitar sungai tidak tercemar seperti sungai di Negeri Selangor.

Saya juga ingin mencadangkan satu *middle down approach*, dengan izin, di mana Kerajaan Pusat memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk menawarkan latihan dan bantuan kepada pemilik dan pengurus *homestay* bagi tujuan ekopelancongan. Dengan insentif seperti ini kita boleh memperluaskan lagi program pelancongan di mana para pelancong akan didedahkan kepada pengetahuan biodiversiti dan amalan yang baik semasa melawat tempat semula jadi. Selain itu, pengawalan jumlah pelancong yang datang juga merupakan satu cara memelihara persekitaran tersebut.

Saya juga ingin menekankan bahawa perkara di atas sangat penting kerana pemusnahan alam sekitar semula jadi bukan sahaja menjejaskan kesihatan penduduk tetapi juga ekonomi

tempatan. Tempat pelancongan yang terpaksa ditutup ataupun kurang popular akibat pencemaran yang sudah berlaku dan sebagainya akan menyebabkan SME tempatan mengalami kerugian akibat kehilangan punca pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kampung Baru Cina, atas topik perbincangan ekopelancongan dan pemuliharaan alam sekitar, saya memohon kerajaan agar memberi bantuan kepada Kampung Baru Cina untuk mengusahakan ekopelancongan. Ekonomi pelbagai di Kampung Baru Cina seperti Kampung Baru Bukit Tinggi di Bentong, kampung-kampung di Cameron Highlands adalah lemah kerana kekurangan peluang pekerjaan. Demografi kampung-kampung ini kebanyakan adalah orang yang telah berusia.

Setelah saya menjalankan *engagement*, dengan izin, di kawasan di Bentong, saya dapati bahawa terdapat beberapa buah Kampung Baru Cina yang berminat menjalankan program *homestay* untuk pelawat dari luar. Kampung Baru Cina ini bukan sahaja dikelilingi oleh alam semula jadi yang indah tetapi juga terdapat produk dan hasil tempatan seperti biskut dan buah-buahan yang merupakan keistimewaan perkampungan tersebut. Ini bukan sahaja menjana pendapatan tetapi boleh mempamerkan dan mengekalkan budaya tempatan yang unik. Ini merupakan peluang keemasan bagi kerajaan menyelaras dasar kerajaan untuk melaksanakan ekopelancongan dengan keinginan dan permintaan dari tahap akar umbi atau *grassroot*, dengan izin.

#### ■1520

Seerti yang telah diumumkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, sebanyak RM400 juta telah diperuntukkan untuk membangunkan ekopelancongan negara. Kementerian menawarkan bantuan tanah pelancongan dalam bentuk pinjaman atau *soft loan* kepada pengusaha pelancongan tempatan yang layak. Saya menyeru agar kerajaan dapat mempermudah prosedur untuk kampung baru Cina dan pengusaha pelancongan tempatan yang lain bagi mendapat insentif-insentif yang disediakan. Ini akan memastikan bahawa pengusaha tempatan didedahkan kepada garis panduan kementerian untuk pelaksanaan dasar ekopelancongan yang mementingkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Perkara ini perlu diberi perhatian oleh kerajaan kerana penduduk tempatan menyatakan kebimbangan mengenai masalah *over development*, dengan izin, di mana pembangunan yang terlalu pesat dan tidak dikawal akan menyebabkan peningkatan harga tanah dan rumah yang mendadak. Selain daripada kesan negatif ke atas alam sekitar seperti hakisan tanah dan timbunan sisa pepejal, dengan campur tangan kerajaan dalam pelaksanaan dasar ekopelancongan, kita boleh mengelakkan masalah ini dan pada masa yang sama menjaga kepentingan penduduk tempatan. Pembangunan sesuatu tempat masih dalam bidang kuasa pihak berkuasa tempatan di bawah perancangan bandar. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, bagaimanakah dasar ekopelancongan boleh diselaraskan di antara kementerian-kementerian yang terlibat agar dapat mengutip cukai pendapatan dengan optimum.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir yang saya ingin bahaskan adalah berhubung dengan kekurangan penglibatan atau, dengan izin, *inclusivity* PKS iaitu perniagaan kecil dan sederhana dalam projek pembangunan besar oleh syarikat multinasional dan kerajaan. Kerajaan telah berusaha untuk mendapatkan pelaburan asing langsung (FDI) demi merangsang pertumbuhan

ekonomi kita. Walau bagaimanapun, pelbagai PKS yang kebanyakan terdiri daripada rakyat tempatan berasa kurang puas hati kerana kurang mendapat manfaat daripada FDI yang diperolehi oleh kerajaan. Kita melihat kepada laporan berita, negara kita berjaya menandatangani memorandum-memorandum besar yang bernilai berbilion-bilion Ringgit Malaysia daripada negara China, Saudi Arabia, India dan sebagainya.

Kita juga nampak banyak projek pembangunan besar di seluruh negara tetapi pada masa yang sama terdapat banyak PKS mengadu kesukaran berniaga dan kurang peluang mendapatkan tender syarikat besar atau daripada kerajaan. Buat masa sekarang, tiada garis panduan khusus bagi kontraktor-kontraktor asing untuk menggunakan kandungan tempatan. Hanya *Treasury circular*, dengan izin, oleh Menteri Kewangan untuk menggalakkan kontraktor pembinaan untuk menggunakan barangan tempatan sebagai keutamaan. Sebagai contoh, pembangunan Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) dikatakan sebagai *game changer* yang akan membawa stimulus ekonomi besar kepada jumlah penduduk seramai 4.43 juta rakyat di sekitar kawasan daerah negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Selain daripada 30 peratus jumlah projek ECRL keseluruhan yang dikatakan akan diberikan kepada kontraktor tempatan di mana kerajaan tidak menyebutkan sebarang agenda atau pelan khusus yang menyatakan bagaimana kerajaan akan merangkumi PKS untuk manfaat daripada projek ini dan bagaimana kerajaan akan melabur untuk pembangunan daerah-daerah luar bandar dan kehidupan rakyat yang boleh menjadi pelengkap dan menikmati manfaat sepenuhnya *positive spillover*, dengan izin, oleh pembangunan ECRL ini.

Berdasarkan contoh ini, saya bercadang kepada kerajaan untuk *ring fence*, dengan izin, projek-projek mega untuk kontraktor-kontraktor tempatan jika boleh, yang sebahagian besar terdiri daripada PKS. Saya sedar bahawa meskipun kebanyakan PKS tidak ada keupayaan untuk melaksanakan projek-projek yang rumit dan besar seperti membina ECRL, jambatan gantung dan bangunan pencakar langit yang bertingkat ratusan, saya mempercayai bahawa benda bekalan seperti konkrit, simen, kabel elektrik, jubin lantai dan bumbung serta sebagainya masih boleh diberi kepada PKS. Secara ideal, kita hanya membenarkan pengimportan sekiranya produk tersebut tidak boleh didapati di negara kita dan tidak boleh digantikan dengan alternatif tempatan. Saya berharap kerajaan dapat menentukan saiz projek yang sepatutnya diberikan kepada kontraktor tempatan dan tidak boleh diberi kepada kontraktor asing.

Saya juga melihat tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh mengenakan kandungan tempatan minimum kepada kontraktor asing kerana terdapat banyak daripada projek infrastruktur awam yang melibatkan kontraktor asing dan ini akan mengurangkan pergantungan kepada barangan import dan mengurangkan tekanan ke atas imbalan akaun semasa negara kita.

Dengan ini saya mengakhiri ucapan saya dan juga berharap agar huraian dan pencerahan yang saya kemukakan boleh dipertimbangkan oleh kerajaan bagi memastikan rakyat dapat memperoleh manfaat daripada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Selain daripada itu, pembangunan yang seimbang dan peluang menjana pendapatan oleh rakyat. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff. Dipersilakan.

### 3.28 ptg.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan, berbahas Titah Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merafakkan ucapan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V yang berkenan merasmikan istiadat pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ke-13 baru-baru ini. Saya juga merafakkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Seri Paduka Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-15. Pelantikan Seri Paduka Baginda adalah satu perkara yang membanggakan kerana Seri Paduka Baginda yang sememangnya dikenali sebagai seorang Raja yang sentiasa merendahkan diri dan berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Titah Seri Paduka Baginda menyentuh semua aspek sama ada politik, ekonomi, sosial mahupun pentadbiran negara serta mengandungi pandangan, nasihat dan teguran.

### ■1530

Justeru itu, sebagai Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, kita bukan sahaja perlu menghayati Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tetapi juga mengambil serius segala perkara yang telah diketengahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* tahun ini genaplah 60 tahun negara kita yang tercinta ini meraikan kemerdekaan. Dalam tempoh tersebut pelbagai cabaran, dugaan dan ujian yang kita tempuhi. Akan tetapi semuanya kita mampu lalui dan kita tempuh hasil persepakatan serta perpaduan seluruh rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama.

Namun begitu, kita perlu sentiasa diperingatkan bahawa sementara apa yang kita nikmati sekarang dipertahankan dan pada masa yang sama kita juga perlu memahami bahawa cabaran yang menanti kita dari semasa ke semasa semakin getir. Kita sedang berada dalam satu era yang dianggap dunia tanpa sempadan. Segala maklumat boleh diperolehi di hujung jari, manakala ancaman-ancaman boleh datang dalam pelbagai bentuk. Atas sebab itulah dalam usaha memperkukuhkan Malaysia sebagai negara yang aman, makmur dan sejahtera, seluruh rakyat ini perlu kekal bersatu padu.

Dalam masa yang sama, kerajaan dan seluruh parti-parti politik perlu memainkan peranan mereka bagi menangani apa juga permasalahan secara bersama dan bukannya mementingkan kuasa politik semata-mata seperti sesetengah parti politik daripada pembangkang. Dalam memperkatakan perkara ini, saya membahagikan ucapan saya kepada lima elemen iaitu keselamatan, sosial, hal ehwal agama, politik dan isu-isu setempat. Semua elemen ini memainkan

peranan penting bagi mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara yang sejahtera dan rakyatnya menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan satu perkara penting yang perlu kita tumpukan adalah berkaitan dengan dadah. Generasi muda adalah pewaris masa depan bangsa. Di tangan merekalah masa depan bangsa ditentukan. Ertinya, nasib sesuatu bangsa pada masa depan ada di bahu generasi muda. Dalam sejarah peradaban bangsa, generasi itu merupakan aset bangsa yang sangat mahal dan tidak ternilai harganya.

Ia memandangkan kemajuan atau kehancuran bangsa banyak tergantung kepada golongan tersebut. Bagaimanapun, apa yang membimbangkan kita ialah golongan itu kini sedang diancam dengan gejala penyalahgunaan dadah, khususnya pil khayal. Ini disahkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang menegaskan golongan muda yang menjadi kelompok terbesar penagihan dadah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian serius perlu diberi terhadap penggunaan dadah *amphetamine-type stimulants* (ATS) meningkat 149 peratus pada tahun lalu berbanding dengan tahun 2015. Antara ATS yang menjadi kegemaran adalah *ecstasy*, *amphetamine* dan *erimin-5* ataupun syabu. Saya bangkitkan ini kerana di Wilayah Persekutuan Tuan Yang di-Pertua, banyak juga kes-kes seperti dadah-dadah sintetik ini yang berleluasa seperti tanpa dibendung. Apa yang meresahkan kita, hasil kajian Kementerian Pendidikan pada penghujung tahun lalu menunjukkan seramai 1,728 murid di seluruh negara dikesan mula berjinak dengan gejala itu bagi tempoh sepanjang tahun 2016 sahaja.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kes-kes ataupun perkara-perkara dadah ini bermula dengan kecil-kecilan di sekolah-sekolah, ia dijual dalam bentuk-bentuk gula-gula *candy* di kantin-kantin sekolah. Apa yang merisaukan saya, bagaimana penguatkuasaan ini boleh kita bendung bersama untuk memastikan semua masalah-masalah dadah bermula di peringkat sekolah dapat kita atasi demi kebaikan generasi pada masa yang akan datang. Pada 1 April lalu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga mendedahkan, berdasarkan statistik Jabatan Penjara, kesalahan dadah meningkat 55.4 peratus pada tahun lalu, berbanding 48 peratus pada tahun sebelum ini. Tidak cukup dengan itu, kita juga dihidangkan dengan tragedi-tragedi angkara dadah seperti ibu bapa dipukul, dibunuh oleh anak, keruntuhan rumah tangga dan kemalangan yang berpunca daripada pemandu yang berada di bawah pengaruh bahan haram tersebut.

Saya ada bawa bersama saya beberapa isu pada 14 April 2017, anak bunuh bapa gara-gara gagal dapat duit untuk beli dadah, di Perlis. Pada 4 Oktober, seorang lelaki menikam ibu kandungnya sehingga maut di kediaman mereka gara-gara dadah. Pada 25 Ogos 2016, tiga beradik termasuk sepasang suami isteri warga emas maut dipercayai dikelar seorang pemuda yang merupakan keluarga angkat mangsa di sebuah rumah, hasil daripada pengaruh dadah. Pada 13 Julai 2016, seorang lelaki di bawah pengaruh dadah membunuh empat ahli keluarga di sebuah kilang memproses ayam di Pulau Pinang dan juga dua tiga isu ataupun kes-kes yang berlaku sepanjang tahun 2015 dan juga 2016.

Saya bangkitkan ini kerana saya melihat kalau perkara ini tidak dapat dibendung, apa yang perlu untuk masa depan negara, kita tidak akan dapat menghasilkan satu generasi yang benar-

benar bebas daripada dadah yang mana dadah ini hari ini ramai orang terlibat, tambah-tambah lagi dengan dadah sintetik ini, ia diminati oleh semua lapisan dan juga golongan. Sama ada peringkat yang berkerjaya ataupun di peringkat yang rendah.

Sehubungan dengan itu, di Dewan yang mulia ini saya ingin menggesa Kementerian Dalam Negeri bersama Kementerian Pendidikan serta kementerian-kementerian yang berkaitan, termasuklah badan-badan politik, NGO, ibu bapa dan seluruh masyarakat mempertingkatkan dan melaksanakan langkah proaktif bagi memberi kesedaran kepada generasi muda. Khususnya mereka yang berada di peringkat sekolah dan juga institusi pengajian tinggi mengenai ancaman dadah.

Saya ingin bertanya juga kepada kementerian yang berkaitan, Kementerian Dalam Negeri. Apakah program-program dadah di peringkat sekolah ataupun di peringkat-peringkat kementerian telah mencapai apa yang telah pun disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tentang beberapa kejayaan? Adakah ia mencapai KPI-KPI untuk kita menangani dadah pada masa-masa yang akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan di sini adalah kerapuhan sistem kekeluargaan. Kita sering diingatkan dengan kata-kata azimat, 'Rumahku Syurgaku' dan slogan 'Keluarga Bahagia, Negara Sejahtera'. Akan tetapi kita tidak harus menafikan bahawa ketika ini kerapuhan institusi keluarga semakin mengancam negara kita. Ini terbukti apabila tahun lalu sahaja hampir 50,000 pasangan Islam bercerai dan secara tepatnya daripada Januari hingga tahun tersebut, 48,077 pasangan Islam bercerai. Kadar perceraian yang tinggi telah membuktikan bahawa ada sesuatu yang tidak kena dalam kita menguruskan persoalan bagi mewujudkan sebuah keluarga sejahtera dan bahagia.

Oleh itu, saya ingin menggesa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memandang serius keruntuhan rumah tangga yang semakin ketara ini. Satu program menyeluruh perlu dilaksanakan, khususnya dalam kalangan generasi muda untuk memberi pemahaman kepada mereka kepentingan mewujudkan sebuah keluarga sejahtera.

#### ■1540

Dalam soal ini, saya juga ingin menggesa jabatan-jabatan agama mengkaji semula kurikulum dalam kursus-kursus perkahwinan yang pada pendapat saya masih belum mampu mengurangkan kadar perceraian, khususnya dalam generasi muda. Mungkin sudah sampai masanya tempoh kursus sekarang ini diadakan dua, tiga hari dipanjangkan lagi supaya ia akan membolehkan bakal-bakal pengantin benar-benar memahami tanggungjawab isteri dan bukannya melihat perkahwinan sekadar menghalalkan yang haram.

Saya membangkitkan soal kerapuhan institusi keluarga ini kerana institusi ini memainkan peranan penting dalam usaha kita membentuk generasi muda yang berjaya. Gejala sosial yang semakin meningkat di kalangan remaja juga berpunca daripada kerapuhan institusi keluarga. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya amat terkejut apabila saya melihat dalam televisyen dan juga surat khabar tentang penjualan pil-pil gugur janin yang berleluasa di peringkat anak-anak muda dan minta kepada pihak-pihak yang berkuasa untuk melihat perkara ini sebagai

satu perkara yang perlu diambil berat bermula pada masa sekarang untuk kepentingan generasi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mewujudkan satu bentuk keluarga yang bahagia, saya ingin mengutarakan satu pandangan untuk kita sebagai orang Islam boleh mendapatkan barang-barang yang halal bukan sahaja dalam bentuk seperti ayam ataupun daging yang halal tetapi sumber-sumber yang halal. Saya mencadangkan, kalaulah boleh, sama ada JAKIM ataupun pihak-pihak yang berkaitan boleh mewujudkan satu kios di dalam bandar raya Kuala Lumpur untuk kita dapatkan semua bentuk barangan halal daripada segala daripada sumbernya, segala-galanya supaya kita dapat membeli barang itu untuk kegunaan kita sebagai orang Islam. Ini kerana saya khawatir banyak juga pasar raya-pasar raya yang ada, cuma logo sahaja yang dilihat halal tetapi kita tidak pasti sama ada ia benar-benar halal atau pun tidak halal.

Jadi saya mengharapkan satu kios kedai yang diuruskan oleh 100 peratus perkara-perkara yang halal ini dapat diwujudkan untuk memberi kemudahan kepada kita, masyarakat di bandar raya terutamanya untuk dapatkan bahan-bahan yang halal kerana ia boleh memberikan satu bentuk keluarga yang bahagia dalam peringkat awalan apabila kita mendapat barangan yang sumbernya halal untuk dijadikan darah daging kita. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan satu...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusof:** Sila.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberi peluang untuk saya mencelah. Jadi tadi kita mendengar Yang Berhormat bercakap tentang keluarga bahagia. Semua kita hendak keluarga kita bahagia dan begitulah juga keluarga bahagia ini merupakan cita-cita semua masyarakat tanpa mengira agama atau latar belakang keturunan. Kita kalau sebagai orang Islam, kita pun bukan bercita-cita sahaja tetapi kita juga berdoa pada setiap waktu supaya kita diberi kebahagiaan dunia dan akhirat.

Jadi berbalik kepada apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat tadi ialah kita perlu mengadakan Kursus Rumah Tangga. Kursus Rumah Tangga ini saya lihat sebagai satu perkara yang penting dan saya sokong perlu ditingkatkan masanya. Takkanlah dalam dua hari ke tiga hari dah selesai? Dua, tiga hari selesai? Sebenarnya ada yang pergi berkursus itu sekadar ambil namanya sahaja dan ramai yang begitu.

Saya perhatikan walaupun saya tidak pergi kursus lagi Tuan Yang di-Pertua tetapi kalau kita pergi tengok suasana di dalam itu lebih kepada untuk hadir dan mendengar. Ada sedikit sebanyak perbincangan, kita tidak nafi. Akan tetapi modul itu perlu dikemas kini dan ditambah lagi harinya dan boleh juga kita fikirkan lain-lain. Begitu juga saya hendak cadangkan supaya modul itu diberi perhatian khusus bagaimana seorang menjadi suami, sebagai seorang isteri, seorang bapa, seorang ibu. Itu sangat penting sebab kadang-kadang dia jadi suami sahaja atau menjadi ibu sahaja. Akan tetapi dia juga akan menjadi seorang bapa kerana itu saya sangat setuju.

*Point* yang kedua. Maaf, saya hendak sebut dari segi makanan halal tadi. Pembinaan rumah tangga yang bahagia juga dia mempunyai kaitan rapat dengan pemakanan. Kalau sekiranya pemakanan tidak halal, ia menyebabkan darah daging kita juga menjadi masalah. Oleh sebab itulah

Rasulullah SAW memberi tekanan... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Setiap tubuh badan kita ataupun badan manusia yang lahir dari pemakanan yang tidak halal maka ia terjerumus kepada kesusahan. Rasulullah sebut neraka, jadi kesusahan.

Jadi saya rasa pihak yang berkenaan perlu buat *enforcement* yang benar-benar supaya orang tidak salah guna logo tadi. Saya rasa salah guna logo ini pun merupakan satu penipuan di dalam *business* kita. Kita yakin bahawa *business* ini bahawa termasuk di dalam ibadah. Kalau ibadah dah menipu, kalau kita tidak bercakap benar dalam ibadah maka keberkatan itu tidak ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Saya cuma hendak tambah sikit Tuan Yang di-Pertua. Apa yang disebut oleh Datuk Mustapa Kamal tadi tentang soal dadah. Dadah menjadi musuh utama negara, dengan dadah ini berlaku pembunuhan, penceraian dan sebagainya. Jadi adakah sistem yang kita gunakan sekarang ini tidak begitu efisien kerana masih lagi dadah-dadah ini masih lagi boleh dibolosi?

Tadi baru sahaja kita mendengar taklimat SPRM menyatakan bahawa dadah bukan lagi menjadi musuh nombor satu negara malah kesalahan rasuah dan sebagainya berpunca daripada segala-galanya. Adakah Yang Berhormat Datuk Mustapa bersetuju dengan cadangan ini yang mana apa pun tindakan yang kita buat kalau pintu sempadannya boleh dibolosi, sistem yang kita ada boleh dibolosi dan sebagainya ianya tidak akan selesai?

Malah isu dadah ini telah lama dibincangkan kalau dilihat peningkatan dari segi yang disebut penjara makin hari makin bertambah dulunya 48 peratus hari ini 55.4 peratus. Ini menunjukkan kegagalan dari segi kita membanteras dadah. Jadi dengan dadah ini berlakulah pelbagai. Baru-baru ini di tempat saya pun berlaku sampai hendak curi TV pun membunuh dan sebagainya. Jadi nampaknya tidak ada kesudahan. Jadi apa pandangan dan pendapat Yang Berhormat dalam isu ini?

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusof:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim. Kita dengar berita tentang dadah ini daripada saya kecil dulu sampai *la* ini, patutnya dah kira habislah fasal dadah tetapi makin lama makin bertambah. Jadi saya setuju sangat tadi bila kita dapat taklimat daripada SPRM mengatakan bahawa dadah itu musuh nombor satu jadi ditukar kepada rasuah itu kerana kenapa dia ada dadah? Mungkin dia ada sebabnya rasuah, maka dadah ini tidak boleh diselesaikan.

Jadi saya setuju sahabat saya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim. So, kalau bolehlah kita setuju berkaitan dengan yang apa SPRM beritahu tentang musuh nombor satu adalah rasuah yang menyebabkan datangnya dadah. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting yang saya hendak sampaikan dalam Dewan ini ialah berkaitan dengan satu ancaman media sosial yang saya panggil dia sebagai pelacur media sosial.

#### ■1550

Minta maaf sebutan pelacur itu, tetapi pelacur media sosial ini salah satu daripadanya melalui *apps Bigo Live*. Aplikasi berbentuk *live streaming* ini kini semakin mendapat tempat dalam kalangan pengguna laman sosial kerana fungsinya yang boleh berinteraksi secara langsung sama

ada untuk mendapatkan kenalan baru, meluaskan empayar perniagaan atau saling berhubung dengan rakan-rakan maya.

Apa yang menyedihkan rata-rata pengguna media maya ini menyalahgunakan *apps* itu tersebut untuk tujuan yang boleh menjatuhkan moral malah dikhuatiri mengundang masalah sosial lebih teruk di kemudian hari. Apa yang pasti ramai pengguna *apps* ini di kalangan golongan muda yang begitu ghairah memberikan hadiah kepada mereka yang menayangkan aset melalui aplikasi itu. Ada yang memberikan komen lucah dan mahukan lebih daripada apa yang ditayangkan yang pastinya mengundang ketagihan kepada pengguna dan akhirnya menjebakkan diri mereka kepada perkara-perkara yang tidak sihat.

*Apps Bigo Live* dibangunkan syarikat Singapura dan mempunyai pengikut di dalam negara Asia dan juga termasuk seluruh dunia. Walaupun jumlah pelayar dari Malaysia tidak diketahui, namun daripada maklumat saya peroleh setiap video akaun dari negara itu ditonton sehingga beribu orang pada setiap masa. Ini menunjukkan jumlah yang ramai kepada pemilik akaun dari negara ini sudah mencapai ribuan orang dan kadarnya mungkin bertambah.

*Apps Bigo* ini Tuan Yang di-Pertua, ia adalah berkaitan dengan *live streaming* yang dibuat secara langsung yang mana ianya ada hadiah. Saya baru-baru ini ada orang datang jumpa saya memberitahu saya tentang hampir dia kena rogol disebabkan *apps* yang boleh dilihat secara *live* di antara mereka sama ada di dalam tempat kerja, dalam kereta, dalam bilik, dalam mana-mana, kerana saya khuatir anak-anak kita pun terlibat dalam *live streaming* ini, *Bigo* ini yang mana ianya ada *income* yang boleh dapat duit. Saya..

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Minta laluan sikit Yang Berhormat.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Boleh Yang Berhormat.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, saya mencelah sedikit [*Ketawa*] Baru nak duduk, dengan izin. Saya dengar *live live live* ini, saya nak tanya Yang Berhormat. Baru-baru ini *Malindo Air*, *Malindo Air* nak *interview* pramugari dia suruh calon-calon pramugari ini londeh, londeh dia nak tengok dalam baru dia nak ambil terima. Bila kita *viralkan* benda ini, kita bising dia boleh jawab dia kata dia nak tengok dalam sebab dia nak pastikan tidak ada tatu, tidak ada parut, yang ini katalah kebetulan anak kita kah, adik kita kah, saudara kita pergi ke situ, yang saya fahamlah yang saya faham, adik dengan kakak nak londeh pun segan, malu ini adik dengan kakak.

Ini satu orang yang kononnya *Malindo* jawab profesional, suruh londeh- bukan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bila ini berlaku?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Ini berlaku baru-baru ini dalam satu- saya tidak terlibat dalam panel *interview*. Kalau saya terlibat saya sudah hantar dekat Datuk Mustapa, saya sudah hantar gambar dekat Datuk Mustapa, sebab Datuk Mustapa dapat gambar-gambar itu saya tidak dapat. Akan tetapi saya dapat cerita ini di dalam satu berita mengatakan bahawa semua calon-calon beribu, ada anak seorang ini yang tidak puas hati dia keluar dia bercerita. Akan tetapi yang lain yang pergi *interview* ini, dia masuk temu duga dan dia kena tanggal bukan sahaja *top*, *top bottom* yang kita tahu dulu-dulu Rose Chan lah. Ini *top bottom* kena tanggal sebab dia nak tengok ada tatu, tak ada tatu.

Bila kita tanya dengan *Malaysia Airlines* dan juga *AirAsia* mereka tidak ada temu duga yang melalui proses seperti itu, tidak perlu. Kalau nak tengok tatu ini setakat lengan sahaja. Jadi tidak perlu buka dan buka ini bukan buka itu saja termasuk colinya ini. Jadi kecil besarnya semua dia tahu, tapi dia jawab dia profesional. Profesional yang macam mana sekalipun kalau dia pergi ke Singapura, dia sebab saya sebut Singapura ini bukan apa tempat lain pun ada, Thailand pun ada sebab di sana boleh suntik-suntik bagi. Akan tetapi sebenarnya yang duduk di situ panel ini lelaki tetapi merupa perempuan. Huh, seronok dia tengok. Itu pun boleh berlaku.

Bermakna *panel interview* ini lelaki tetapi berpakaian wanita untuk nak *interview* dia jadi profesional dia nak tengok. Jadi berlaku di negara kita yang kita kata negara Islam. Boleh berlaku perkara seperti itu, itu soal itu. Akan tetapi kita ini Ahli-ahli Dewan dalam Dewan yang mulia ini, kita pejuang kepada hak asasi manusia. Kalau dari segi hak asasi manusia itu salah. Saya minta kalau Yang Berhormat bersetuju masuk dalam *Hansard* Yang Berhormat kita kena dengan tegasnya, suruh kerajaan ambil tindakan yang tegas kepada *Malindo Air* sebab saya difahamkan Kementerian Pembangunan Wanita, apa ini semua pegawainya cuba menghubungi *Malindo Air* tetapi dia tidak layan, dia tidak layan.

Jadi kita kena bertindak daripada Dewan ini, Dewan yang mulia ini kita menentang sekeras-kerasnya dan kita minta supaya kerajaan mengambil tindakan terhadap *Malindo Air*. Kalau perlu tutup, kita tutup biar MAS lebih laku. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Marah ke? Okey. Akan tetapi saya haraplah daripada *Hansard* itu tidak payahlah saya bangkitkan, ambillah terus ayat tadi itu ya. Saya setujuah itu tentang kita kena ambil berat Tuan Yang di-Pertua, kerana walaupun moden sekalipun, dunia moden, tetapi *apps Bigo* ini kementerian kena tengok sebab dia punya *live* ini kita boleh sambil bawa kereta. Saya pernah saya tengok saya tidak ada *join*, tetapi saya tengok bagaimana nak dapat poin yang lebih. Kalau poin yang lebih ini diberi melalui ada *diamondnya* bersamaan dengan satu *bim*, *bin* bukan *bim*. *Sorry*. Untuk memberi *gift* pengguna perlu membeli *diamond* menerusi *port mode point credit card* ataupun *top up* yang boleh didapati mana-mana.

Dia ada duitnya, mana orang itu kumpul boleh tukar dan dia dapat *cash* jadi dia tidak payah kerja, dia tayang dia punya aset dia, dia dapat poin-poin yang lebih. Jadi *apps* ini perlu diberhentikan daripada disebarkan diberi kebenaran di Malaysia, kenapa itu tidak boleh buat. Sedangkan negara lain boleh *control* sebab kita takut tidak tahu, anak kita ke, cucu kita terlibat dalam hal ini. Akhirnya tidak payah kerja, duduk, buat siaran langsung antara itu dengan ini akhirnya dapat markah, dapat ini pergi tukar dapat duit. Akhirnya tidak buat kerja duduk tayang itu, tayang ini.

Jadi saya mintalah dalam Dewan yang mulia ini, Kementerian Komunikasi dan Multimedia menjalankan siasatan terperinci berhubung *apps Bigo* ini dan mengambil tindakan segera untuk mengharamkannya. Saya rasa itu boleh dibuat kerana ia tidak perlu, tidak berapa penting untuk kita mungkin *WhatsApp*, *Facebook* ini sudah ada sudahlah itu, yang lain-lain tidak payah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melahirkan satu kekecewaan saya kepada wakil rakyat DAP Seputeh, Yang Berhormat Teresa Kok yang secara biadab dan tidak sopan mengganggu kenduri kahwin di dalam kawasan dewan di Pusat Khidmat Masyarakat Seputeh beberapa minggu

yang lepas, mengganggu dan tidak meminta maaf kepada tuan rumah apabila kita beritahu, dia kata tak kanlah kenduri pukul 10.00 pagi dah orang ramai.

■1600

Saya nak beritahu, dia tidak tahu fasal kahwin sebab dia tidak pernah kahwin. Jadi dia tidak tahu pukul berapa kenduri itu perlu ramai orang hadir kerana dia tidak kahwin dan dia buat satu tindakan yang cukup biadab, tidak sopan sebagai Ahli Dewan Rakyat daripada DAP. Jadi sebab itu saya amat kecewa dan saya tidak faham kenapa beliau sanggup buat demikian. Sepatutnya sebagai Ahli Yang Berhormat, Teresa perlu menghormati majlis seumpama itu tidak kira sama ada ia dianjurkan oleh orang Melayu, Cina ataupun India. Janganlah terlalu biadab mahu mencari publisiti murah sehingga mengganggu kemeriahan majlis perkahwinan seperti beliau lakukan tempoh hari.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan politik merupakan elemen penting dalam memastikan negara terus kekal aman dan makmur. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen, penentuan pembentukan sesebuah negara adalah melalui pilihan raya yang diadakan lima tahun sekali. Parti-parti yang bertanding akan diberi ruang dan peluang untuk membentangi manifesto serta bagi membolehkan rakyat membuat pilihan. Akan tetapi malangnya, senario politik negara selepas Pilihanraya Umum 2008 yang menyaksikan Barisan Nasional yang memerintah negara ini sejak merdeka kehilangan majoriti dua pertiga. Keputusan itu turut kekal dalam Pilihanraya Umum 2013.

Lanjutan, pakatan pembangkang yang merasakan mereka semakin kuat dan kononnya mendapat sokongan rakyat mula naik tolong. Tohmahan dan fitnah kini menjadi senjata utama mereka bagi memburuk-burukkan kerajaan. Segala isu mereka politikkan bagi membangkitkan keraguan rakyat terhadap Kerajaan Barisan Nasional. Mereka cuba menutupi kelemahan mereka mentadbir di Pulau Pinang dan Selangor dengan melemparkan tuduhan bahawa Kerajaan Barisan Nasional penuh dengan penyelewengan, rasuah dan salah guna kuasa.

Paling mendukacitakan, demi mencapai matlamat merebut kuasa dalam Pilihan Raya Umum Ke-14, ada kalangan parti-parti pembangkang ini bersedia bersekongkol dengan media asing untuk menabur fitnah kepada kerajaan. Tidak cukup dengan itu, mereka juga bersedia dan telah melakukan sabotaj ekonomi seperti mana didedahkan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Projek-projek yang menjadi sasaran mereka ialah projek RAPID yang melibatkan pelaburan RM31 bilion oleh Saudi Aramco. Perjanjian syarikat pengeluar petroleum terbesar di dunia itu hampir gagal apabila pembangkang memomokkan kononnya keadaan politik Malaysia tidak stabil, kerajaan hampir bankrap dan tidak membayar gaji penjawat awam.

Turut menjadi sasaran ialah kerjasama bernilai RM144 bilion dengan Kerajaan China yang dianggap oleh pembangkang menjual negara kepada kuasa besar itu. Lain-lain perbuatan sabotaj ekonomi yang dilakukan melibatkan pelabur daripada Taiwan, 1Malaysia Development, FELDA, Tabung Haji, KWSP dan projek Lynas. Tindakan pembangkang ini sama sekali tidak

bertanggungjawab kerana yang akan menanggung sengsara adalah rakyat dan negara secara keseluruhan. Kita bersyukur di sebalik gerakan terancang mensabotaj ekonomi negara yang dilakukan oleh beberapa pemimpin pembangkang, Malaysia terus mendapat keyakinan pelabur asing.

Tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu tabah dan sabar menghadapi serangan tidak bertanggungjawab pembangkang dalam isu tersebut. Ketabahan dan kesabaran serta kebijaksanaan Perdana Menteri telah memungkinkan pelabur asing memahami apa yang didengar dan disampaikan kepada mereka hanyalah mainan politik pembangkang bagi menggagalkan usaha kerajaan meningkatkan pelaburan asing negara ini.

Bagaimanapun, kita tidak boleh membiarkan pembangkang bermaharajalela dengan perangai buruk tersebut. Kalaupun mahu berpolitik, janganlah sampai melakukan pengkhianatan kepada negara. Justeru itu, saya menggesa kerajaan supaya tidak lagi bertolak ansur dengan petualang-petualang ini. Jika terdapat bukti kukuh bahawa ada dalam kalangan pakatan pembangkang atau konco-konco mereka mahu melakukan sabotaj ekonomi, maka ambil tindakan setegas-tegasnya melalui peruntukan undang-undang yang sedia ada. Kita bimbang menjelang PRU Ke-14, lebih banyak lagi perbuatan mensabotaj ekonomi akan dilakukan oleh pembangkang sehingga akhirnya akan merugikan rakyat dan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pendekatan pembangkang menggunakan politik fitnah bukanlah perkara baru. Ketika musim pilihan raya, mereka membangkitkan soal kemasukan 40,000 warga Bangladesh untuk menjadi pengundi kepada Barisan Nasional dan baru-baru ini mereka menuduh pula ribuan warga China akan diberi kad pengenalan untuk membolehkan mereka mengundi dalam PRU-14 nanti. Dalam keadaan merasakan sokongan rakyat kepada mereka semakin menipis, pakatan pembangkang terus mewujudkan persepsi berbentuk fitnah apabila menyatakan ada jari palsu yang diimport dari China oleh pihak kerajaan untuk digunakan bagi tujuan penipuan dalam pilihan raya akan datang.

Tuduhan jahat ini dilakukan oleh seorang wakil rakyat daripada pakatan pembangkang hanya berdasarkan kepada gambar dan jari palsu serta botol dakwat yang *diviral* di internet. Walaupun Suruhanjaya Pilihan Raya mengesahkan hasil siasatan menunjukkan ia berlaku di negara jiran tetapi apa yang menjadi persoalan, kenapakah sampai ke tahap itu pembangkang sanggup melakukan fitnah kepada kerajaan. Sepatutnya mereka menjadi pembangkang yang berhemah dan berperanan sebagai golongan *checks and balance* kepada pentadbiran, tetapi malangnya pembangkang di Malaysia terlalu gilakan kuasa dan mahu memerintah negara ini melalui kemenangan dalam pilihan raya dengan apa cara sekalipun.

Namun apa yang anehnya, di negeri-negeri yang mereka perintah penuh dengan masalah termasuk dalam soal integriti seperti berlaku di Pulau Pinang dan Selangor. Bagaimanapun seperti biasa, pembangkang bagaikan ayam jantan yang berkokok kuat tetapi ekor bergelumang dengan najis. Mereka hanya tahu memfitnah Kerajaan Barisan Nasional, tetapi diri mereka sendiri bergelumang dengan pelbagai skandal, salah guna kuasa dan pelbagai kepincangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebelum mengakhiri ucapan saya, saya ingin membawa satu isu yang mana pada sidang Dewan yang lalu saya ada bertanya kepada Menteri di Jabatan

Perdana Menteri, Yang Berhormat Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dengan pertanyaan adakah projek pembinaan laluan kereta api Pantai Timur sejauh 600 kilometer akan berhadapan dengan masalah khususnya pengambilan tanah. Saya bangkitkan hal ini kerana dua negeri yang terlibat dalam laluan itu diperintah oleh pembangkang iaitu Selangor dan Kelantan.

Saya masih ingat ketika itu ada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri, “*Sama-samalah kita berdoa agar semuanya berjalan lancar*”. Akan tetapi pada 30 Mac lalu, Ahli Dewan Undangan DAP di Selangor menggesa kerajaan negeri supaya tidak memberikan kerjasama dalam soal pengambilan tanah atau memberikan kelulusan terhadap projek berkenaan. Keadaan ini membuktikan bahawa projek bernilai RM55 bilion yang dijangka bermula pada Julai ini, dijangka siap pada Jun 2024 akan berhadapan dengan masalah. Tindakan wakil rakyat tersebut membuktikan sikap pembangkang yang sanggup mempolitikkan satu projek yang akan memberi manfaat kepada penduduk di Pantai Timur yang majoritinya adalah orang-orang Melayu.

Oleh itu, saya berharap kerajaan akan menggunakan apa jua cara sekalipun dan pendekatan bagi memastikan semua kerajaan negeri bekerjasama dalam projek itu demi kepentingan rakyat pada masa yang akan datang.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana memastikan Seputeh berada dalam projek laluan kedua Transit Aliran Massa (MRT), laluan Sungai Buloh, Serdang dan Putrajaya.

#### ■1610

Bagaimanapun, berdasarkan perancangan hanya terdapat dua stesen iaitu di Jalan Kuchai Lama dan Taman Naga Emas. Walaupun niat asal saya ialah untuk meminta kerajaan mempertimbangkan untuk mewujudkan satu lagi stesen baru dalam usaha menampung pertambahan penduduk di kawasan berkenaan. Namun saya memahami segala-galanya sudah ada dalam perancangan. Sehubungan dengan itu, saya meminta kerajaan mempertimbangkan untuk mewujudkan khidmat bas *shuttle* kepada penduduk-penduduk di kawasan tertentu bagi membolehkan mereka menggunakan khidmat MRT di kawasan tersebut.

Ini memandangkan kapasiti penduduk akan bertambah di Taman Desa dan terlaksananya projek pembangunan rumah mampu milik di *Desa Waterpark* hampir 4,000 unit. Pelaksanaan *shuttle* bas ini amat penting kerana ia akan memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk untuk berulang alik ke stesen kereta api sama ada di Jalan Kucai Lama mahupun di Taman Naga Mas. Jadual *shuttle bus* mestilah efisien terutama dari segi ketepatan masa supaya ia tidak menimbulkan masalah kepada penduduk yang mahu menaiki perkhidmatan MRT agar dapat memudah dan menyenangkan urusan harian penduduk walaupun stesen tidak dapat dibuat di kawasan tersebut.

Jadi akhir sekali saya ingin menggulung perbahasan ini dengan mengharapkan apa yang dinyatakan akan mendapat perhatian serius kerajaan dalam usaha kita bersama-sama memastikan tanah air yang tercinta ini terus kekal aman, makmur dan sejahtera dan sama-samalah kita berjaya di dunia dan juga di akhirat. *Insyaa-Allah*, sekian mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How.

**Datuk Yoo Wei How:** Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong kita. Sebelum saya mulakan perbahasan saya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan juga tahniah lah kepada Yang Berhormat semua kerana kita berpeluang untuk duduk di dalam satu Dewan yang begitu selesa walaupun *aircond* atau penyaman udara yang begitu sejuk sekali tetapi di sini masih merupakan satu Dewan yang begitu cantik sekali dan tahniah lah kepada kerajaan kerana telah berjaya menaik taraf bangunan Parlimen yang lama ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya ingin sentuh ialah usaha KKLW ataupun juga dikenali sebagai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk mewujudkan satu dasar pembangunan luar bandar baru yang mengikut Pelan Transformasi Nasional 2050. Usaha ini memang merupakan satu usaha baik bagi kementerian tetapi terdapat beberapa perkara yang saya ingin utarakan di sini ataupun membangkitkan di sini supaya di rangkum dalam pertimbangan KKLW. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu, misi dan visi KKLW ialah memastikan pembangunan luar bandar seiring dengan perkembangan semasa. Supaya tidak terpinggir daripada pelan atau strategi pembangunan negara.

Namun begitu, satu kekangan yang kerap timbul dalam usaha KKLW membangunkan kawasan luar bandar ialah pertindihan portfolio KKLW dengan kementerian lain dan lebih mengelirukan kadang-kadang pertindihan sesama program KKLW sendiri. Di sini saya ingin mengambil satu contoh daripada Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mengenai pengurusan membekalkan air terawat di kawasan luar bandar dan perkampungan Orang Asli di bawah Program Pembangunan Sosial KKLW. Keadaan telah berlaku pertembungan dengan apabila satu rumah di bekalkan kepada masyarakat Orang Asli mempunyai dua tangki air kerana dilaksanakan di bawah program yang berbeza iaitu satu tangki air di bekalkan melalui program bantuan rumah dan satu lagi di bawah bekalan air terawat.

Contoh rujukan kedua yang lebih genting yang ingin saya bangkitkan ialah pertindihan di antara KKLW dengan kerajaan negeri terutamanya apabila KKLW ingin menyusun semula penempatan tetapi menghadapi cabaran kerana tersentuh portfolio tanah yang di bawah kuasa kerajaan negeri. Keadaan yang amat ketara ialah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), KKLW mempunyai tanggungjawab untuk memastikan pemilikan tanah oleh Orang Asli di martabatkan mengikut Akta Orang Asli.

Akan tetapi, kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk digazet sesuatu kawasan atau tanah perkampungan Orang Asli. Ini merupakan satu hambatan kepada usaha KKLW. Maka persoalan saya kepada kementerian KKLW ialah bagaimanakah kementerian boleh memastikan di bawah Dasar Pembangunan Luar Bandar Transformasi Nasional 2050 isu atau cabaran seperti pertindihan fungsi, pertindihan peranan, usaha di antara kerajaan yang telah di nyatakan dalam pelan induk pembangunan luar bandar tahun 2050 dapat di atasi, ditangani supaya tidak hanya dinyatakan sebagai satu dasar sahaja. Ini adalah untuk mengurangkan pembaziran masa, sumber dan peruntukan.

Kemudian, untuk memastikan tiada kecelaruan berlaku apabila golongan sasaran ingin mendapatkan bantuan serta memastikan pegawai-pegawai yang menguruskannya tidak keliru nanti.

Tuan yang di-Pertua, usaha yang lebih konkrit perlu disediakan oleh KKLW bersama kementerian yang bertindih agar pembangunan kawasan luar bandar lebih mementingkan modal insan, memperluaskan peluang ekonomi tahap kehidupan penduduk yang lebih bersesuaian serta cekap dan mampat.

Kawasan luar bandar tidak hanya untuk menarik penempatan orang muda sedia ada tetapi juga dapat menarik pendapatan kekal orang bandar. Sebagai cadangan kepada kementerian agar Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan boleh diselaraskan bersama program pembangunan ekonomi bagi memperkasakan usahawan muda desa dan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya bangkitkan ialah isu peruntukan subsidi kepada pesawah padi. Berdasarkan kepada martabat makanan kita masa depan kita, MOA ataupun Kementerian Pertanian Malaysia telah menyasarkan agar sokongan padi ataupun beras negara perlu mencapai 100 peratus menjelang tahun 2020 iaitu menekankan 85 peratus pengeluaran padi atau beras domestik dan 15 peratus beras import.

Sehingga kini, mengikut maklumat yang diberi oleh kementerian pencapaian padi negara masih dalam 71.4 peratus sahaja. Maka saya ingin mendapatkan pencerahan daripada kementerian, daripada 71.4 peratus tersebut sejauh manakah pencapaian keupayaan pengeluaran padi ataupun beras domestik dan import kini. Dengan tanggungjawab yang berat untuk mencapai sasaran, Kementerian Pertanian telah menyalurkan bantuan subsidi ataupun insentif kepada pesawah padi-pesawah padi supaya pengeluaran padi ataupun beras domestik lebih agresif dan bermutu tinggi.

Pada bajet tahun 2016, MOA telah menyalurkan sebanyak RM1.7 bilion subsidi dan insentif bagi meringankan beban pesawah padi. Baru-baru ini, saya berpeluang untuk berjumpa dengan pesawah padi-pesawah padi yang berbilang kaum di kawasan Alor Setar ataupun sekitar negeri Kedah. Mereka memang berterima kasih kepada kerajaan-kerajaan persekutuan kerana sudi memberi subsidi-subsidi, pelbagai subsidi untuk membantu mereka dalam industri pesawah padi tersebut. Akan tetapi keadaan timbul daripada peruntukan insentif tersebut dengan mengambil contoh subsidi atau insentif seperti pembelian racun. Pesawah padi tersebut telah mengadu bahawa harga pembakaran racun yang diberikan oleh MOA tidak nilai tara dengan harga racun pasaran.

Ini telah menghakiskan kuota mereka daripada dapat lebih banyak ubat racun kerana kalau dikira dengan mata wang. Kualiti racun kadang-kadang juga dipertikaikan kerana ada pesawah padi yang berpendapat kualitinya menurun ataupun tidak selaras dengan daya tahan serangga. Satu lagi keadaan ialah walaupun pihak MoA telah meningkatkan GMP iaitu *Guarantee Minimum Price* bagi penerimaan padi daripada pesawah tetapi pembubuhan kandungan kelembapan padi telah ditingkatkan berasaskan padi sebenarnya di dalam lingkungan 20 peratus sehingga 35 peratus mengikut lokasi. Justeru, saya ingin saya ingin mendapatkan apakah justifikasi kementerian ke atas dua keadaan yang telah di sebut.

Keadaan yang pertama bagaimanakah kementerian menentukan sesuatu jenama dan daya tahan racun kepada pesawah padi.

Kedua, adakah MoA mempunyai kolaborasi dengan Jabatan Meteorologi Malaysia supaya piawai tersebut dapat dijanjikan mengikut perubahan iklim, ataupun cuaca kerana mempengaruhi hasil tempatan pesawah padi.

■1620

Kemudian, peranan LPP iaitu Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) adalah untuk membantu pesawah padi untuk meningkatkan kualiti padi melalui penyelidikan, kolaborasi serta koperasi dengan agensi lain. Namun begitu, sejauh manakah urusan ataupun penarafan pesawah padi terhadap peranan mereka dalam membantu mereka dalam membanding dengan pencapaian yang dituntut oleh LPP, KADA, MADA dan IADA sendiri serta komitmen mereka agar pesawah padi menghasilkan padi yang mutunya menjangkau beras hancur lima peratus ataupun setanding dengan negara Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang saya ingin bangkitkan adalah keselarasan sistem pengangkutan awam dengan kualiti perkhidmatan. Pergerakan rakyat sehingga kini semakin mudah dan selesa apabila kerajaan telah menekankan peruntukan yang besar dan peruntukan yang tinggi bagi meningkatkan pencapaian sistem pengangkutan awam negara. Dengan itu sasaran peratus penggunaan pengangkutan negara awam di Malaysia adalah 40 peratus pada 2030 nanti. Jaringan pengangkutan yang cekap, integrasi akan meransang kemajuan ekonomi serta merupakan satu par yang perlu dicapai jika Malaysia ingin menjadi negara maju pada tahun 2020.

Saya sebagai penggubal dasar perlu memperlihatkan selain daripada meningkatkan jumlah pengangkutan awam tetapi mutu perkhidmatan juga menjadi salah satu fakta yang penting bagi mentransformasikan minda masyarakat untuk memanfaatkan sistem pengangkutan awam yang disediakan. Di sini saya ingin memetik satu kejadian sejak akhir-akhir ini mengenai gangguan kerosakan, kelumpuhan, kegendalaan perkhidmatan LRT di ibu kota selepas kejadian paling teruk pada September 2016.

Saya ingin mengambil kesempatan ini agar kementerian yang terlibat dalam pemantauan LRT, MRT, ETS, apakah langkah penambah baikkan yang telah di laksanakan agar operator yang berbekalkan perkhidmatan pengangkutan awam mengurangkan kegendalaan supaya tidak menjadi satu rutin. Penyediaan pengangkutan awam kelas pertama kita memang sudah ada tetapi perkhidmatannya tidak ada kelas. Dicadangkan agar operator di kompaun untuk memberi pengajaran sebagaimana dilaksanakan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia ke atas syarikat *telco* yang gagal dalam perkhidmatan kepada pengguna.

Selepas perbincangan terhadap pengguna pengangkutan darat saya juga ingin memberi pandangan sedikit mengenai perkhidmatan dan sistem penerbangan yang disediakan oleh syarikat penerbangan sama ada di KLIA, KLIA2 ataupun di Subang. Di samping tahap dan pemantauan serta kawalan keselamatan oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia ataupun Suruhanjaya Penerbangan Malaysia, seharusnya mempunyai peranan untuk memastikan perkhidmatan penerbangan mencapai taraf antarabangsa. Kelewatan dan penundaan jadual penerbangan telah menjadi satu kebiasaan bagi penerbangan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang semua berada di dalam bidang politik dan kita memang mempunyai peluang untuk terbang sini, terbang sana. Saya telah mendapati bahawa syarikat penerbangan kita di Malaysia seperti *Firefly*, seperti *Malindo*, seperti *Malaysia Airlines* selalu mempunyai situasi untuk tunda masa ataupun penerbangan mereka dibatalkan terutamanya saya rasa kerap berlaku di Lapangan Terbang Subang. Di mana kita selalu nampak *Firefly* mungkin mempunyai perkhidmatan sepuluh *flight* ke satu destinasi tapi setengah ataupun lima daripada penerbangannya telah dibatalkan dan tiada sebab-sebab yang diberi oleh syarikat penerbangan tersebut. Kita hanya diberitahu bahawa masalah teknikal kah, masalah cuaca kah dan semua masalah-masalah tersebut pada pendapat saya boleh di atasi.

Syarikat penerbangan memanglah cerdik, mereka tahu bahawa kalau tunda masa selama lebih daripada dua jam mereka perlulah memberi pampasan kepada *customers* mereka. Mereka selalu pilih untuk membuat tundaan dalam masa satu jam dengan 45 minit, di mana mereka tidak perlulah membayar apa-apa pampasan kepada *customers* mereka.

Masalah lebih ketara lagi apabila dalam musim perayaan di mana pada musim perayaan Hari Raya Cina yang lalu kita percaya bahawa syarikat penerbangan terutama syarikat penerbangan *Malaysia Airlines* telah melakukan satu situasi kita panggil *overbooking* atau penempahan berlebihan. Saya telah menerima beberapa kes aduan di mana anak-anak Malaysia kita yang terbang balik dari Singapura, mereka telah menempah tiket penerbangan untuk balik ke kampung misalnya ke Alor Setar. Akan tetapi apabila masa sudah dekat mereka mendapati bahawa tiket mereka tidak dapat membuat daftar masuk dan pada akhirnya anak-anak Malaysia kita yang ingin balik daripada Singapura ke Alor Setar, mereka diberi peluang untuk terbang balik ke Langkawi, untuk terbang ke Pulau Pinang.

Mereka telah menghadapi masalah untuk balik ke kawasan Alor Setar melalui Langkawi dengan menggunakan feri, sampai ke Pulau Pinang dengan menggunakan bas untuk sampai ke kampung. Ini merupakan satu situasi yang menimbulkan masalah besar kepada anak-anak kita daripada Singapura dan ini telah menimbulkan kebencian mereka kepada kerajaan lagi. Saya haraplah situasi begini tidak akan berlaku lagi pada musim perayaan yang akan datang nanti sebab Hari Raya Puasa, hari raya yang lain akan sampai lagi.

Saya mencadangkanlah agar satu sistem penarafan ataupun *rating system* dipraktikkan bagi membolehkan jabatan ataupun Suruhanjaya Penerbangan Malaysia mengenakan kompaun ke atas syarikat penerbangan yang tidak bertanggungjawab supaya Lapangan Terbang Malaysia boleh mencapai taraf antarabangsa seperti apa yang berlaku di Singapura, *Middle East*, Qatar dan Dubai.

Tuan Yang di-Pertua, perkara akhir yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai isu tanpa taraf warganegara kerap berlaku di kalangan anak-anak. Saya memahami bahawa perspektif Kementerian Dalam Negeri bahawa penganugerahan kewarganegaraan di Malaysia adalah berstandard tinggi. Saya juga memang bersetuju bahawa pengesahan kewarganegaraan seorang kanak-kanak sepatutnya menjadi tanggungjawab kedua-dua ibu bapa kita.

KDN juga perlu memastikan kanak-kanak tanpa pengenalan diri itu berkemungkinan bayi-bayi daripada jenayah pemerdagangan, namun kes mengenai tanpa taraf kewarganegaraan di kalangan kanak-kanak ataupun *stateless children* semakin nyata dan saya percaya statistik

mengenainya juga tinggi. Dengan itu, bolehkah kementerian memberikan beberapa bilangan permohonan kewarganegaraan oleh *stateless children* sejak 2010 sehingga hari ini dan mengikut negeri. Kegagalan kedua ibu bapa mengesahkan taraf kewarganegaraan telah menjalin kumpulan *stateless children* untuk mendapatkan hak mereka sebagai warganegara dalam pendidikan, kesihatan dan sebagainya.

Kes sebegini adalah begitu serius sekali, kebanyakannya di negeri yang bersempadan dengan negeri Thailand dan Indonesia. Begitu juga terdapat banyak kes juga di kawasan bandar di mana lelaki tempatan kahwin dengan perempuan-perempuan daripada China, Vietnam, Kemboja ataupun sebaliknya.

Maka saya melihat keadaan ini akan semakin berleluasa sekiranya tiada sesuatu mekanisme yang dilaksanakan oleh kementerian nanti. Sebagai contohnya, jika PDRM menahan seorang *stateless children* dan ingin mengembalikan kanak-kanak tersebut ke negara asalnya, ke manakah kementerian mengembalikannya apabila mereka tidak mengetahui negara asal serta apakah langkah dan tindakan berikutnya? Kemudiannya situasi yang lebih rumit ialah kanak-kanak tersebut ditinggalkan oleh ibu bapanya kepada saudara mara setelah kanak-kanak mencapai umur untuk persekolahan, kanak-kanak tersebut menghadapi kekangan untuk berbuat demikian kerana kegagalan mendapat kewarganegaraan.

Maka di sini saya ingin mencadangkan agar mekanisme ujian DNA dibenarkan untuk membuktikan pertalian hubungan dengan bapa ataupun saudara mara, kemudian memohon status *permanent resident* (PR) bagi sesuatu tempoh sebelum diberi taraf kewarganegaraan. Melalui cadangan sementara ini KDN tidak perlu meminda perundangan tetapi pada masa yang sama tidak menafikan hak kanak-kanak tersebut.

#### ■1630

Berikutnya ialah KDN perlu memastikan agar bahagian yang mengurus dan pentadbiran mengenai permohonan kewarganegaraan kanak-kanak lebih telus dan mengurangkan birokrasi ataupun budi bicara pegawai KDN. Dengan itu, KDN perlu memastikan kes permohonan yang pembuktiannya jelas atau *straight forward* dapat diproses dan diluluskan dengan lebih cepat dan telus.

Saya mengakhiri ucapan perbahasan saya dan berharap agar huraian dan pencerahan yang saya kemukakan dapat dipertimbangkan semula oleh kementerian-kementerian. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan. Silakan

#### 4.30 ptg.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Saya berasa bertuah kerana saya dan rakan-rakan seperjuangan sekali lagi dapat kembali ke Dewan yang mulia ini bagi sesi pembukaan Dewan Negara tahun 2017 ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang menaruh penuh kepercayaan kepada saya untuk turut sama bangun mengambil bahagian berucap

Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-15, Sultan Muhammad V.

Harapan saya dan rakan-rakan seperjuangan sekalian, dengan limpah kurnia dan izin ke hadrat Allah SWT, tahniah saya ucapkan Ke Bawah Duli Tuanku yang bakal ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 pada tanggal 24 April 2017 ini. Juga, doa saya agar Ke Bawah Duli Tuanku dikurniakan kesihatan dan kekuatan untuk terus mentadbir negara ini bagi penggal lima tahun akan datang. Dengan ketinggian peribadi, kerendahan diri serta mudah mesra dan tidak terlalu mementingkan protokol, inilah sifat mulia yang terdapat pada diri Ke Bawah Duli Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V yang saya kira cukup disenangi dan disanjung oleh seluruh rakyat jelata termasuk diri saya sendiri.

Juga, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Timbalannya yang terus dikurniakan kesihatan yang baik bagi mengizinkan Tuan Yang di-Pertua duduk di atas sana mempengerusikan sesi mesyuarat kali ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, ramai rakan saya terutamanya dari kawasan saya bertanya adakah ini sesi Parlimen terakhir sebelum dibubarkan bagi memberi laluan kepada PRU Ke-14. Jawapan saya, *wallahualam*. Semuanya terserah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bakal mendapat ilham dengan izin Allah SWT. Namun, kita sebagai Ahli Yang Berhormat perlu terus bekerja keras dan memenuhi inspirasi rakyat agar segala janji PRU Ke-13 dahulu dapat dikotakan sebelum kita melangkah ke PRU seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira, saya tidak akan mengambil masa yang lama. Hanya beberapa isu yang ingin saya sentuh berdasarkan Titah Yang di-Pertuan Agong semasa sesi pembukaan sidang Parlimen pada Mac 2017 yang lalu. Juga, bagi memberi ruang kepada rakan-rakan yang lain untuk turut sama berbahas di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ke Bawah Duli ada menyentuh isu ekonomi dan pembangunan negara kita. Dalam menyentuh bab ekonomi, jelas di sebalik kesuraman ekonomi dunia, maka terdapat beberapa harapan positif yang boleh disandarkan bagi ekonomi Malaysia untuk tahun ini iaitu tahun 2017 selepas ia melalui tempoh amat mencabar sepanjang tahun 2016. Sebagaimana kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ekonomi Malaysia mampu berkembang 4.3 peratus tahun ini, meningkat berbanding pertumbuhan 4.1 peratus yang diunjurkan untuk tahun 2016, saya penuh yakin iltizam ini mampu dicapai berdasarkan beberapa *indicator* atau petunjuk prestasi berikut.

Masih ada aktiviti perdagangan. Adalah jelas bahawa aktiviti perdagangan meningkat pada November lalu dan saya yakin momentum ini akan berterusan sehingga sekurang-kurangnya suku pertama tahun 2017.

Harga komoditi dijangka lebih tinggi berbanding tahun lalu. Secara puratanya, ini adalah berita baik bagi syarikat minyak dan gas serta kerajaan yang akhirnya akan memimpin kepada persekitaran pekerjaan yang lebih baik. Walaupun pengguna akan merasai bebanan daripada harga petrol yang lebih tinggi, perlu diingat bahawa kerajaan akan mencadangkan satu sistem subsidi bahan api bersasar untuk kumpulan pendapatan 40 peratus terendah atau B40. Justeru, saya yakin

jika kerajaan berjaya menguruskan kutipan cukai pendapatan yang lebih tinggi, ada kemungkinan subsidi api bersasaran akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, agenda transformasi ekonomi bumiputera bukan bersifat rasis, malah ia merupakan satu daripada langkah bagi memastikan semua bangsa di Malaysia dapat menikmati taraf hidup dan ekonomi sama rata. Ini bersandarkan kepada populasi kaum bumiputera merangkumi kira-kira 70 peratus daripada populasi negara dan jika kerajaan tidak mengambil langkah intervensi bagi memperkasakan ekonomi golongan berkenaan, maka akan tertinggal jauh di belakang. Salah faham mengenai agenda tersebut harus diperbetulkan bagi menepis tanggapan negatif rakyat dalam kalangan bangsa lain terhadap agenda nasional ini.

Sejak sekian lama, jurang ekonomi antara bumiputera dan kaum lain dilihat cukup besar dan kerajaan bertanggungjawab memastikan jurang khususnya ekonomi dapat dirapatkan. Kita harus ingat, jika jurang ekonomi dan taraf hidup antara kaum di Malaysia terlalu besar, ia akan mengakibatkan tekanan dan tekanan-tekanan ini kelak akan mengakibatkan perpaduan antara kaum tergugat. Apabila jurang ekonomi melalui agenda pemerksaan bumiputera dibuat, ia menjadi satu agenda nasional dan ia juga merupakan antara inti pati bagi mengekalkan perpaduan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Malaysia mampu menjadi antara 20 negara terbaik dunia menjelang tahun 2050 jika kerajaan menyediakan persekitaran kondusif yang lengkap melalui sistem latihan dan pendidikan berkualiti. Ini berlandaskan kepada sistem latihan dan pendidikan yang berkualiti yang dapat memastikan setiap anak muda Malaysia dapat merebut potensi besar yang ada pada masa depan. Hari ini belia yang berilmu dan kemahiran tinggi akan mampu memenuhi kehendak industri dan merealisasikan Malaysia sebagai antara 20 negara terbaik di dunia menjelang tahun 2050.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan pembukaan pintu sempadan 24 jam akan membantu melonjak kemajuan Padang Besar yang diwartakan sebagai Bandar Perdagangan Sempadan. Saya tidak nampak implikasi negatif terhadap cadangan itu. Namun, saya berpendapat perlu diberi perhatian kepada beberapa isu berkaitan oleh kerajaan, antaranya tenaga kerja, persediaan dan terpenting, soal keselamatan. Namun, dari segi sosioekonomi, pelanjutan masa operasi memberi impak besar terhadap rancangan menjadikan Padang Besar hab logistik terkemuka dan ini selaras dengan hasrat kerajaan negeri untuk mewartakan Padang Besar sebagai Bandar Perdagangan Sempadan dalam Rancangan Struktur Negeri Perlis 2030.

Izinkan saya melontar beberapa soalan kepada kementerian berkaitan. Apakah bentuk kajian yang dibuat antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dalam usaha untuk menyeragamkan masa operasi atau pembukaan pintu sempadan di seluruh negara kerana ada yang hanya dibuka 12 jam, 16 jam dan 24 jam?

■1640

Adakah kemudahan fizikal kompleks imigresen, kastam dan kuarantin ICQ Padang Besar perlu dinaikkan taraf terlebih dahulu jika operasi pintu sempadan hendak dibuka 24 jam? Adakah langkah ini berketetapan dengan usaha Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri untuk menjadikan

Padang Besar sebagai hab logistik lengkap dan penting di wilayah utara setelah pembinaan landasan kereta api berkembar siap pada tahun 2015 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin penambahbaikan ICQ tersebut dan Terminal Keretapi Padang Besar akan menaikkan imej Padang Besar selain meningkatkan kemasukan pengunjung yang memanfaatkan sektor pelancongan dan perdagangan. Ini ditambah lagi dengan laporan yang saya baca baru-baru ini iaitu Yang Berhormat Menteri Besar Perlis sendiri bahawa landasan kereta api berkembar melalui perkhidmatan kereta api elektrik (ETS) ke Padang Besar telah meningkat. Purata dari 4,000 orang pada tahun 2015 kepada 7,000 orang sebulan pada tahun 2016. Juga saya difahamkan bahawa kerajaan negeri turut menimbang beberapa cadangan selain pembangunan kawasan perindustrian Lembah Chuping ataupun CVIA, pelabuhan darat PIP, menaik taraf terminal kargo Padang Besar, kemudahan jalan masuk ke *halal park* dan landasan udara sebagai pelengkap pembangunan Padang Besar menjelang tahun 2030.

Tuan Yang di-Pertua, buah harumanis tidak perlu diperkenalkan lagi kepada masyarakat tempatan. Malah rakyat asing juga datang ke Perlis semata-mata mahu menikmati buah ini. Mangga yang hanya boleh didapati setahun sekali pada musimnya itu antara mangga terbaik dari segi bentuk, tekstur isi, rasa dan permintaannya di pasaran. Terhad hanya di utara tanah air terutamanya di Perlis. Harumanis bukan tidak boleh ditemukan di bahagian-bahagian lain di Malaysia, namun faktor cuaca panas yang panjang di bahagian utara menjanjikan kualiti buah yang terbaik. Izinkan saya mengajukan beberapa soalan kepada kementerian yang berkaitan harumanis ini. Walaupun Kerajaan Negeri Perlis yang berperanan penting dalam mengkomersialkan tanaman ini, namun saya kira Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta agensi-agensi berkaitan di bawahnya termasuk FAMA mungkin terlibat dalam sebarang bentuk kerjasama demi memajukan serta mengkomersialkan tanaman harumanis ini.

Antara persoalan yang ingin saya utarakan ialah pembukaan ladang sendiri oleh Jabatan Pertanian Perlis memandangkan harumanis memiliki potensi besar sebagai produk yang boleh diketengahkan. Jabatan telah membuka ladang harumanis sendiri di Kompleks Pertanian Bukit Temiang dan di Pusat Pertanian Bukit Bintang. Dalam isu ini, apakah peranan yang dimainkan oleh kementerian dan agensi berkenaan? Cadangan mengkomersialkan harumanis dan dapat dieksport keluar negara. Isu penipuan apabila dijual pada orang luar yang kurang mahir, rasa manis sahaja dikatakan harumanis. Memajukan *research and development* iaitu R&D, agar kualiti, mutu dan kekerapan mengeluarkan buah lebih kerap.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan saranan ke bawah Duli Tuanku agar rasuah diberi perhatian serius...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini berkenaan dengan harumanis ini saya hendak jelas sikit, hendak tanya Yang Berhormat. Buah mangga harumanis ini ia bukan seluruh Perlis yang boleh ditanam tengah-tengah Perlis? Buah kita ini lain dari Indonesia, betul?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Dia lain, dia lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** So, cadangan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** *Insyah-Allah*, ada untuk Ahli Dewan Negara. *Insyah-Allah*. Masalah dia sekarang di pertengahan bulan Mei Tuan Yang di-Pertua, *Insyah-Allah*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Actually*, itu yang saya hendak celah itu. Akan tetapi dia orang minta.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Saya tahu, sebelum hendak celah, saya celah dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, silakan Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, kita punya dikatakan adalah kacukan, betul kah?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Kacukan.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Tuan Yang di-Pertua, mencelah. Saya hendak ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana kita mungkin dapatlah itu sumbangan daripada Perlis.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Itu sahaja? *Insyah-Allah*, ada, ada. Sebenarnya sekarang ini pun ada tetapi saya tidak berani sebab dia baru.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Tidak, Perlis. Perlis punya. Chiang Mai Yang Berhormat Datuk Suhaimi tahu. Datuk Suhaimi yang Chiang Mai Datuk Suhaimi.

*Insyah-Allah* Tuan Yang di-Pertua. Ada habuan untuk Ahli Dewan dan pekerja-pekerja Dewan, *insyah-Allah*. Tahun ini saya *make sure that everybody will get it, insyah-Allah*.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** *Insyah-Allah*, ini saya bagilah. Ya?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Kopi Kawai ini *special* Tuan Yang di-Pertua. Nanti saya bagi Tuan Yang di-Pertua Kopi Kawai. *It's a very special coffee*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, okey. Sekarang silakan dengan rasuah.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Ya, ya. Okey saya sambung fasal rasuah.

Selaras dengan saranan oleh ke bawah Duli Tuanku agar rasuah diberi perhatian yang serius, menarik perhatian saya. Kuasa boleh membawa kepada rasuah dan kuasa mutlak pula boleh membawa kepada rasuah yang lebih meluas. Ini adalah kata-kata rasuah oleh William Pitt Adler, *Earl of Chatham*, dan Perdana Menteri Britain dari 1766 hingga 1778 semasa ucapannya di *House of Lord* dalam tahun 1770. Mempunyai kuasa yang banyak boleh mempengaruhi pemikiran seseorang itu kepada rasuah. Tidak dapat dinafikan terdapat pelbagai keadaan yang boleh mempengaruhi atau membuat seseorang itu melakukan perbuatan rasuah. Setelah daripada sifat tamak dan keinginan yang memuncak, kecenderungan yang membawa kepada rasuah itu berlaku adalah kerana terdapat kekurangan atau ketiadaan dalam proses membuat keputusan, kurang integriti dan didikan agama, desakan hidup, keinginan menjadi kaya dan mewah tanpa perlu bekerja keras. Menjawat jawatan yang sama terlalu lama, jawatan yang berurusan dengan orang ramai, jawatan berbentuk *enforcement, procurement* serta yang terlibat dengan urus niaga jualan dan beli kelengkapan aset dan pelbagai sebab musabab lagi.

Apa yang boleh disimpulkan di sini, di sebalik pelbagai langkah mendidik, memberi nasihat sukatan pelajaran yang diajar, didikan agama serta langkah pencegahan, saya berpandangan semua pihak tidak kira pangkat atau harta mestilah bersatu padu untuk memastikan rasuah gejala yang kian berjangkit ini dapat diatasi. Mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Rasuah juga terjadi disebabkan faktor dalaman dan luaran. Rasuah juga berlaku di mana-mana sahaja tanpa batas waktu dan tempat. Pihak berkuasa terutamanya perlu mengelakkan diri daripada terlibat dengan gejala ini kerana umum diketahui ramai pihak berkuasa menerima rasuah dan tidak amanah melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Harapan saya agar amalan rasuah ini dapat dibanteras sehingga ke akar umbi dan menjadi impian saya menjelang Transformasi Nasional 2050, Malaysia bebas daripada gejala rasuah. Saya harap pihak kerajaan jadikan rasuah musuh nombor satu negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh bab isu anak-anak yatim. Ini sudah jadi ucapan saya setelah tahun kelima saya menjadi Ahli Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1650

Pihak JKM masih memberi RM8 satu hari untuk anak-anak yatim. RM8 Tuan Yang di-Pertua untuk makan lima kali. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua tahu, harga barang naik- GST 6 percent. Mereka tetap dengan RM8. RM8 itulah kita bagi pada budak-budak, RM3 duit poket,, makan lima kali sehari. Jadi perkara ini saya ingat- saya sangat berharap pihak JKM atau Kementerian Kewangan- Timbalan Menteri *dok* ada di sini, tolong ambil iktibar. Tanggungjawab anak-anak yatim ini adalah tanggungjawab kerajaan. Kita ini PEYATIM. PEYATIM ini satu pertubuhan yang menjaga anak-anak yatim. Sepatutnya, kerajaan ini patut sokong kitalah. Tolong, bukanlah kita lah kita minta 110 percent. Bantu kita. Kalau apa yang saya sarankan selama lima tahun saya duduk di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, saya jangka hari itu, pihak kementerian telah lulus bagi RM16 kepada JKM.

Akan tetapi apa yang berlaku, Menteri beritahu kepada saya kata, “*Okey Yang Berhormat, alhamdulillah. Kerajaan dah lulus jadikan RM16*”. Rupa-rupanya JKM itu Jabatan Kemajuan Masyarakat. *That is KEMAS*. Tak betullah Tuan Yang di-Pertua. So KEMAS ini, kita hantar anak kita pukul 8 pagi sampai pukul 12 tengah hari, *you* bagi RM16. Anak yatim yang kita jaga, 24 hours, kena RM8. So, Yang Berhormat Menteri yang *dok* ada dalam Dewan ini, tolong buka telinga bagi luas sikit, tolong buat catatan demi anak yatim. *Kot angan* dah itu yang *dok* ada ini Timbalan Menteri Kewangan. Saya minta jadilah asas untuk meluluskan dalam bajet tahun ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah kalau esok ini saya tak ada, yang *dok* ada di belakang ini yang mana sambung lagi tiga tahun, bawalah isu anak yatim ini. *It is not-* bukan untuk saya Tuan Yang di-Pertua. Kasihan kita tengok anak-anak yatim. Kita sebagai penjaga anak yatim, kita jaga anak yatim, lebih daripada anak kita.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Mudah-mudahan, dapatlah tambahkan peruntukan. Yang Berhormat Menteri, bawalah kepada Yang Amat Berhormat. Ini Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini bila kita jumpa dengan Pesuruhjaya MACC tadi, saya rasa gembiralah kerana beliau telah

memberitahu secara terbuka bahawa Ahli-ahli Dewan Negara ini tiada seorang Senator dalam pemeriksaan... [Tepuk]

Akan tapi bukan Ahli Dewan Rakyat tahu. Dewan Negara juga. Dewan Negara ini baik-baik belaka. Okey, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin. Silakan.

#### 4.53 ptg.

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk berbahas dalam Titah Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, persidangan Dewan Negara pada kali ini adalah merupakan persidangan terakhir saya sebagai Ahli Dewan Negara. Saya memohon keizinan daripada Tuan Yang di-Pertua untuk membuat sedikit ucapan.

Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak kerana telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk menjadi Ahli Dewan Negara selama dua penggal. Terima kasih juga kepada seluruh sahabat saya Ahli-ahli Dewan Negara. Kepada Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, Datuk Seri Timbalan Speaker, kepada Ahli-ahli Kabinet, kepada semua termasuk Setiausaha Dewan Negara, pegawai dan petugas-petugas Parlimen, bentara dan juga mereka yang telah membantu melicinkan tugas-tugas saya selama ini dalam menjalankan tanggungjawab saya sebagai Ahli Dewan Negara dalam tempoh enam tahun ini.

Sepanjang tempoh tersebut, pelbagai perkara yang telah saya pelajari dari dua orang Yang di-Pertua Dewan Negara dan saya bernasib baik kerana mendapat bimbingan daripada kedua-dua mereka ini saya hormati dan sanjung. Saya juga berpeluang untuk merasai tiga pengalaman bersidang di tempat yang berbeza ini iaitu Dewan ini sebelum diubahsuai, Dewan baru dan Dewan yang serba baru ini. Saya cukup bersyukur.

Saya juga ingin melahirkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh sahabat saya di dalam Dewan ini yang menyokong saya daripada mula saya dilantik hinggalah sekarang. Harapan saya adalah supaya setiap sahabat-sahabat saya di sini akan menjadi Ahli Dewan Negara yang lebih cemerlang dalam melahirkan idea yang lebih konstruktif dan menjadi pemangkin kepada proses semak dan imbang kepada setiap ruang undang-undang dan perkara-perkara yang dibahaskan dalam Dewan Rakyat dan tidak lagi di cop sebagai *rubber stamp*. Seperti yang diuar-uarkan oleh banyak pihak, saya amat yakin dan percaya akan kebolehan setiap sahabat saya di sini dalam menyumbangkan peranan mereka bagi tujuan ini.

Pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada Sultan Muhammad V yang telah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong kelima belas. Saya yakin dan percaya di bawah pemerintahan Baginda, Baginda dapat memayungi negara ini dengan baik dan dapat menumpu perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita amati Titah Baginda, pelbagai perkara yang disentuh berkaitan dengan rakyat dan negara seperti perihal kedaulatan dan keselamatan negara. Cabaran-

cabaran terhadap ekonomi dan kewangan negara, permasalahan bebanan hidup yang dipikul rakyat dan pembangunan negara di samping pelbagai isu termasuk yang menyentuh isu wanita, alam sekitar, kesihatan, pendidikan dan isu-isu antarabangsa. Baginda juga melahirkan rasa dukacita dan kecewa atas penyelewengan, ketirisan dan rasuah serta pembocoran maklumat kerajaan oleh bekas penjawat awam. Di atas menjunjung kasih Tuanku, kita sebagai Ahli Dewan Parlimen baik daripada pihak kerajaan mahupun pihak pembangkang akan sama-sama akur, sentiasa ingat kepada sumpah taat setia kita yang tidak berbelah bahagi kepada negara serta memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, adalah tanggungjawab setiap Ahli Parlimen dalam mendukung saranan dan nasihat daripada Yang di-Pertuan Agong bersama-sama berganding bahu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan barisan Kabinet bagi pentadbiran negara dalam menghadapi rintangan dan cabaran yang bakal dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan menyentuh beberapa perkara yang dilihat perlulah diberikan perhatian oleh kerajaan. Pertamanya adalah berkaitan dengan perpaduan negara. Perpaduan memainkan peranan yang sangat penting dalam konteks pembangunan sesebuah negara. Jika kita lihat, ramai daripada kita yang bercakap mengenai soal perpaduan tetapi hasilnya masih belum memuaskan.

#### ■1700

Kita boleh mengambil satu contoh yang terbaru apabila kerajaan membuat keputusan tegas berkenaan isu kematian Jong-nam dan cara kerajaan menangani Duta Korea Utara yang bertindak kurang ajar. Masih ramai di kalangan kita khususnya anak muda di media sosial memperlekehkan usaha kerajaan dalam menangani isu ini. Bukan itu sahaja, malah terdapat dari kalangan mereka yang mempersoalkan tindakan polis dan kakitangan hospital yang menjalankan *post-mortem* kepada mayat tersebut. Lebih berat ada juga yang menuduh negara kita terlibat dalam konspirasi pihak-pihak tertentu bagi menekankan Korea Utara. Ini tidak sepatutnya berlaku. Saya hairan mengapa mereka boleh bersikap sedemikian sedangkan ini adalah negara mereka. Sepatutnya sifat kecintaan kepada negara, sifat perpaduan haruslah ditunjukkan oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira fahaman agama dan politik apabila kita menghadapi situasi yang membabitkan kedaulatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya percaya hanya segelintir dari kalangan rakyat Malaysia yang bersikap sedemikian dan pada pandangan saya perpaduan dan hubungan antara kaum dalam negara kita cukup baik. Akan tetapi, ada isu-isu yang dibuat oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang tidak bertanggungjawab yang jika tidak dibendung akan merosakkan perpaduan kita.

Oleh itu, saya memohon kepada kerajaan supaya memperkasakan peranan Jabatan Perpaduan Negara. Ini kerana jika kita lihat pada masa ini, peranan yang dimainkan oleh jabatan ini cukup mencabar khususnya dengan kewujudan media sosial yang memberikan cabaran besar dalam memperkukuhkan perpaduan baik di kalangan rakyat Malaysia. Saya cadangkan supaya jabatan ini diberikan peruntukan yang lebih- aktiviti, supaya peranan yang dimainkan akan lebih besar. Di samping itu, juga saya berharap agar jabatan ini dapat memberikan penekanan yang lebih kepada

golongan belia. Ini kerana secara realitinya, sifat kecintaan mereka kepada negara semakin berkurangan. Saya mengharapkan satu kertas kerja yang terperinci dibentangkan di Parlimen bagi mengatasi isu. Ini kerana jika tidak ditangani secepat mungkin, mungkin negara kita dalam keadaan dan bahaya pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendapatan merupakan indikator utama yang digunakan untuk menilai kedudukan ekonomi rakyat. Tahap pendapatan sebenar pula banyak dipengaruhi oleh turun naik harga barang di pasaran. Ini bermakna, sungguhpun dua individu memperoleh nilai pendapatan yang sama. Namun, kerana perbezaan harga menyebabkan kedudukan ekonomi berbeza. Jika kita lihat pada hujung tahun 2016, Indeks Harga Pengguna bagi kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol telah meningkat sebanyak 3.8 peratus. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan sub kumpulan seperti minyak masak, daging, ikan dan makanan laut dan lain-lain lagi. Peningkatan sebegini dengan jelas akan memberikan tempias kepada semua rakyat Malaysia khususnya golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

Sehubungan dengan itu, saya menyeru pihak kerajaan agar pemantauan dan penguatkuasaan dikaitkan lagi terhadap peniaga-peniaga yang sering kali mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang pada kadar yang terlalu tinggi dengan alasan GST. Saya ingin bertanya di sini, adakah masih relevan buku panduan harga pengguna yang diedarkan oleh pihak kementerian semasa GST mula-mula dilaksanakan dahulu? Sekiranya buku tersebut masih boleh dijadikan panduan, seberapa pantas tindakan penguatkuasaan yang akan diambil sekiranya terdapat aduan berkenaan harga barangan yang telah- yang lebih tinggi daripada buku panduan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, maka adalah merupakan keperluan asas utama dalam kehidupan seharian, kita boleh lihat harga makanan asas di negara kita kian meningkat, antara puncanya adalah disebabkan oleh pengurangan subsidi kepada makanan asas seperti minyak masak dan lain-lain. Pada pandangan saya, pengurangan subsidi sebegini perlulah dikaji semula agar ia tidak terlalu membebankan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah mengumumkan bahawa kerajaan akan meneruskan keputusan untuk mengkorporatkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia tidak lama lagi dengan skim perkhidmatan yang lebih baik. Saya mengucapkan tahniah kepada JKDM. Di kesempatan ini, saya berharap dengan pengumuman ini akan memberikan satu inspirasi dan motivasi kepada kakitangan kastam dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab dengan lebih cemerlang.

Walaupun begitu, terdapat beberapa teguran yang ingin saya lontarkan kepada Jabatan Kastam pada hari ini. Pertama, berkenaan dengan perkhidmatan *GST refund*. Saya dapati masih terdapat kelemahan yang boleh diperbaiki oleh kastam khasnya tempoh *refund* yang diambil kelak panjang. Sebagai contoh, tuntutan yang dibuat pada bulan September 2016. Bulan Februari 2017, baru diberikan kelulusan untuk pembayaran. Ini agar menyediakan seterusnya .

Tuan Yang di-Pertua, apabila bercakap mengenai kutipan GST, syarikat haruslah membayar tepat pada waktu tetapi apabila kastam hendak membuat *refund*, lain pula yang berlaku. Ini dilihat seolah-olah tidak adil kepada syarikat-syarikat di Malaysia khasnya bagi syarikat SME.

Kedua, saya perhatikan kaunter kastam khususnya di Sabah. Kaunter besar tetapi pegawai yang bertugas hanya sedikit sahaja yang kelihatan. Saya rasa kehairanan dan apabila kita mahu berjumpa dengan pegawai yang bertugas di pejabat mereka, sudahlah susah, alasan yang diberikan pula adalah cuti. Pengarah cuti, Timbalan Pengarah cuti dan saya pelik. Adakah seseorang dua sahaja yang boleh diberikan penjelasan dan memberikan keputusan di dalam sesebuah jabatan yang besar seperti kastam ini.

Perkara tahayul di dalam kastam ini adalah berkenaan panggilan telefon tidak berjawab. Saya percaya bahawa isu panggilan telefon tidak berjawab, ini bukan isu yang baru dan malah ia satu masalah yang dihadapi bukan sahaja di Jabatan Kastam malah di sesetengah kementerian juga. Akan tetapi yang agak menghairankan saya adalah jawapan yang diberikan oleh pegawai di Jabatan Kastam mengenai isu ini. Saya ada tanya kepada mereka mengapa setiap kali saya cuba menelefon, panggilan tidak dijawab. Jawapan mereka adalah telefon mereka sudah rosak sebulan. Adakah sebuah jabatan besar seperti ini tidak dapat menyelesaikan masalah kecil seperti ini?

Saya melahirkan rasa dukacita sekiranya perkara ini masih berterusan berlaku tanpa ada sebarang penambahbaikan di dalam masa yang terdekat oleh Jabatan Kastam. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar perkara-perkara yang dibangkitkan oleh saya ini dapat diubah. Kalaupun tidak sekelip mata. Sebaik-baiknya cubalah ubah daripada sekarang.

#### ■1710

Saya yakin dan percaya setelah Jabatan Kastam ini dikorporatkan kelak, transformasi besar-besaran dapatlah dilakukan dalam memperbaiki sebarang kelemahan yang ada saya sebutkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah melawat Sandakan pada awal tahun ini dan mengumumkan landasan lapangan terbang Sandakan akan dipanjangkan bagi membolehkan pesawat penerbangan terus dan sewa dari China mendarat. Ini merupakan satu khabar yang gembira bagi rakyat Sabah khususnya warga Sandakan.

Saya percaya apabila projek ini siap kelak ramai pelancong dan pelawat luar negara akan datang ke Sandakan sekali gus membolehkan daerah ini lebih maju pada masa akan datang. Cuma harapan saya, Kementerian Pengangkutan dapatlah menyegerakan proses tender dan penentuan harga bagi projek ini sekali gus dapatlah mempercepatkan proses penambahbaikan landasan lapangan terbang ini secepat yang mungkin. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada memaklumkan bahawa kerajaan berhasrat untuk membina lebih banyak rumah PR1MA di Sandakan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih mewakili warga Sandakan, harapan saya agar perkara ini dapat direalisasikan secepat mungkin kerana isu perumahan di Sandakan dan secara umumnya di Sabah masih menjadi isu membelenggu rakyat Sabah.

Berkenaan dengan keperluan warga Sandakan ini, saya berhajat untuk memohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempertimbangkan pembinaan sebuah UTC di Sandakan, Sabah memandangkan kemudahan yang terdapat di UTC sangat diperlukan oleh warga Sandakan ketika ini dengan peningkatan penduduk yang bertambah dari tahun ke tahun, kemudahan UTC ini bukan sahaja dapat memudahkan aktiviti harian warga Sandakan malah dapat memberikan impak sosioekonomi penduduk di kawasan berhampiran. Dengan Pilihanraya Umum

Ke-14 yang semakin tiba ini, saya berharap agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapatlah mempertimbangkan cadangan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan isu *AirAsia* khasnya di Lapangan Terbang Sandakan. saya mendapat makluman bahawa isu *aerobridge AirAsia* ini agak mengelirukan. Pertamanya, saya ingin bertanya mengapa *AirAsia* masih tidak menggunakan sepenuhnya perkhidmatan *aerobridge* di lapangan terbang dan kedua, adakah *service charge* bagi perkhidmatan ini telah dimasukkan di dalam pembelian tiket *AirAsia*? Jika caj ini telah dikenakan kepada penumpang, mengapa mereka masih tidak menggunakan perkhidmatan ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat setiap tahun *AirAsia* ini mengaut keuntungan yang besar tetapi isu kemudahan penggunaan seperti *aerobridge* ini mereka masih tidak dapat selesaikan, adakah hanya keuntungan yang dicari semata-mata sehinggakan sifat perikemanusiaan diketepikan khasnya kepada golongan OKU, warga emas dan ibu mengandung yang terpaksa memanjat dan dipapah menaiki tangga. Adakah mereka tidak langsung mengambil kira isu-isu seperti ini walaupun ia telah berulang-ulang kali disuarakan oleh pelanggan mereka.

Saya cukup yakin dan percaya jika kos lah yang menjadi isu kenapa *AirAsia* tidak mahu menggunakan perkhidmatan ini? Saya yakin bahawa pelanggan tidak keberatan untuk membayar tambahan RM5 bagi kemudahan *aerobridge* ini. mungkin MAHB dan *AirAsia* boleh melakukan kaji selidik akan perkara ini dan saya yakin keputusannya adalah positif kepada keperluan *aerobridge*.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Artikel 9, kebolehaksesan menyatakan bahawa untuk memastikan seseorang OKU hidup dengan berdikari dan mengambil bahagian sepenuhnya dalam kehidupannya, kerajaan perlulah memastikan bahawa akses OKU ke alam sekitar, pengangkutan awam, informasi dan komunikasi, kemudahan dan perkhidmatan awam sama ada di dalam atau luar bandar adalah rata dengan orang lain.

Malaysia telah menandatangani konvensyen hak OKU ini, oleh itu dengan adanya ikatan Kerajaan Malaysia pada konvensyen ini, maka jadilah tanggungjawab kerajaan untuk memastikan kemudahan yang mesra OKU disediakan. *Aerobridge* sememangnya satu keperluan kepada golongan OKU, warga emas dan ibu mengandung apabila mereka ingin menggunakan kapal terbang, oleh itu dalam menghormati konvensyen yang telah ditandatangani oleh kerajaan mungkin kerajaan boleh mencari satu penyelesaian yang lebih komprehensif bersama-sama *AirAsia* dalam isu *aerobridge* ini dan mungkin juga kerajaan boleh mengkaji semula caj yang dikenakan oleh MAHB bagi perkhidmatan ini jika ia dapat memberikan manfaat kepada golongan-golongan yang saya sebutkan tadi.

Saya juga memohon jasa baik *AirAsia* khasnya kepada Tan Sri Tony Fernandes agar mempertimbangkan sebaik-baiknya apa yang telah saya sebutkan tadi, warga emas, warga OKU dan ibu mengandung ini adalah golongan yang lemah dan kurang berdaya, carilah jalan bagaimana *AirAsia* dapat membantu mereka bukan menambah lagi seksa dan kesakitan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, semasa sesi perbincangan Bajet 2017 yang lalu, saya ada membangkitkan mengenai pelbagai masalah di Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Hasilnya saya dimaklumkan bahawa Timbalan Menteri Kesihatan ada melakukan lawatan ke hospital ini. Walaupun

begitu, saya ingin melahirkan rasa dukacita dan kecewa kerana kedatangan beliau tidaklah dimaklumkan kepada saya dan pihak kami yang mewakili rakyat Sandakan. Untuk makluman, saya pun- satu pun isu yang dibangkitkan oleh saya semasa perbincangan Bajet 2017 berkenaan isu hospital ini belum pun lagi menunjukkan sebarang perubahan walaupun Timbalan Menteri telah datang melawat. Adakah dengan mengadakan lawatan ke hospital berkenaan dan berjumpa dengan pengarah kakitangan dan staf hospital dapat menyelesaikan masalah-masalah di hospital ini secara tuntas? Adakah isu sebenar dibangkitkan? Kenapa pihak kami tidak dibabitkan dalam sesi lawatan ini? Yang mengetahui masalah sebenar Hospital Duchess of Kent adalah kami warga Sandakan yang setiap hari menggunakan perkhidmatan hospital ini.

Sepatutnya pihak kementerian dan pihak Timbalan Menteri membabitkan kami dalam satu sesi perbincangan bagi mencari penyelesaian kepada permasalahan-permasalahan yang timbul. Saya sebagai senator dari Sabah terkilan kerana tidak dibabitkan dalam lawatan sedangkan saya telah pun menyatakan hasrat untuk bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri Kesihatan sekiranya lawatan ke hospital diadakan kelak. Saya juga telah berusaha untuk membuat *appointment* dengan Yang Berhormat Menteri sejak perbincangan Bajet 2017 yang lalu hingga sekarang bagi mencari jalan kepada permasalahan ini tetapi masih gagal.

■1720

Isu hospital ini bukanlah satu isu yang remeh dan baru. Tuan Yang di-Pertua, di surat khabar tempatan hampir setiap minggu dilaporkan mengenai masalah di hospital ini. Sekiranya kementerian dan Menteri masih dilihat mengambil mudah keperluan asas seperti ini dan menganaktirikan nasib hospital ini, ianya merupakan satu cabaran yang sukar untuk Barisan Nasional mengambil semula Kerusi Parlimen- P.186 pada Pilihanraya Umum Ke-14 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Baginda telah menyentuh berhubung dengan langkah kerajaan untuk menangani masalah kos sara hidup. Salah satu yang mengenai fokus rakyat ialah harga minyak petrol RON95, RON97 dan diesel. Seperti yang semua sedia maklum, pada awal bulan ini kerajaan telah memperkenalkan pengapungan harga petrol dan diesel secara mingguan dan menetapkan kadar harga siling maksimum.

Walaupun begitu, KPDNKK telah membatalkan hasrat tersebut dan memperkenalkan harga mingguan yang harus diikuti oleh setiap pengusaha stesen minyak di seluruh negara. Pada pendapat saya, inisiatif untuk menetapkan harga apungan minyak secara mingguan adalah lebih baik berbanding penetapan harga secara bulanan seperti sebelum ini kerana jelas sejak ia dilaksanakan, turun naik harga minyak telah tidaklah secara mendadak. Walaupun begitu, saya mohon penjelasan daripada kementerian iaitu yang pertama, apakah perkiraan sebenar yang dibuat kerajaan dalam menetapkan harga secara mingguan ini dan apakah faktor-faktor yang diambil sebelum harga ini ditetapkan?

Kedua, adakah pelan asas kerajaan untuk memberikan pengusaha minyak bersaing bersama dalam menetapkan harga minyak petrol dan diesel ini akan tetap dilaksanakan kelak dan adakah persiapan yang telah dilakukan oleh pengusaha-pengusaha minyak tersebut?

Ketiga, sejauh manakah kerajaan bersedia sekiranya harga minyak menaik secara mendadak kepada satu paras yang membebankan rakyat Malaysia dan adakah wujud pelan

alternatif bagi mengimbangi harga pasaran minyak berbanding kemampuan rakyat Malaysia ketika itu? Soalan terakhir saya di dalam isu ini adalah bilakah subsidi minyak bersasar seperti yang diuar-uarkan suatu ketika dahulu akan mula dilaksanakan dan apakah halangan yang dihadapi kerajaan dalam melaksanakan kaedah yang baik ini?

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, semoga sahabat-sahabat semua dapat meneruskan perjuangan dalam membela nasib rakyat yang berpandukan semangat Perlembagaan tanpa melupakan sumpah taat kita sebagai seorang Ahli Parlimen.

Saya ingin mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada Ahli-ahli Dewan Negara sekalian. Maka dengan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Duli Tuanku atas merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas ini. Maka, dengan ini saya menjunjung Titah Duli Tuanku. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S. M. Omar. Silakan.

#### 5.24 ptg.

**Dr. Ariffin bin S. M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menekankan beberapa perkara yang harus diambil perhatian.

Saya akan cubalah sentuh aspek-aspek yang tidak disentuh dan aspek-aspek yang tidak dibincangkan oleh rakan-rakan saya di sini. Bagi saya, saya hendak memulakan perbincangan saya dengan konsep federalisme di negara ini. Kita harus sedar bahawa negara Malaysia itu merupakan satu *Federal System*, di mana kuasa antara di Pusat dan di negeri itu haruslah diagihkan secara yang saksama. Ini yang penting. Oleh kerana kalau kita rujuklah kepada Perlembagaan, jelas bagi kita bahawa ada senarainya, hak negeri-negeri atau *state rights* dan hak *Federal rights*. Akan tetapi kita mendapati bahawa kalau kita buat satu perbandingan, jelas bagi kita bahawa kuasa *Federal* itu jauh lebih luas, lebih berkesan.

Sebenarnya, kalau kita tengok sahaja secara terperinci, jelas bagi kita walaupun pada hakikatnya Malaysia merupakan sebuah negara *Federal* tetapi realitinya ialah kita sebenarnya satu negara *unity, unitary state*. Ya, memang. Memanglah ada negeri-negeri yang mempunyai kerajaannya sendiri tetapi banding dengan kuasa, banding dengan punca kewangan, kedudukan kuasa *Federal* itu jauh lebih luas dan lebih kuat. Ini menyebabkan negeri-negeri dalam keadaan yang lemah. Oleh sebab itu adalah satu keadaan di mana ada negeri-negeri yang begitu maju dan ada yang tertinggal, yang seolah-olah macam terbiar. Itu sebabnya pada hari ini kita mendapati bahawa kalau kita buat satu perbandingan negara Persekutuan ini, Semenanjung Tanah Melayu dengan Sabah, perbandingannya amat luas. Kita mendapati bahawa negeri-negeri di sebelah timur, Sabah dan Sarawak sebenarnya mempunyai lebih banyak kuasa kalau hendak dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu.

Ini jelaslah walaupun kita mendapati ada rungutan di kalangan pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak bahawa hak mereka telah dihakis, kuasa mereka telah dikurangkan. Akan tetapi kalau kita tengok secara yang menyeluruh, mereka mempunyai lebih banyak kuasa kalau hendak

dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu, ini jelas. Itu sebabnya untuk negara Persekutuan ini berjalan dengan lancar, stabil dan rakyat hidup dengan selesa dan saksama, mestilah ada kolaborasi kerjasama yang rapat antara kuasa di Pusat dengan kuasa di negeri, ini penting. Inilah asas kepada sistem *federalisme*.

Akan tetapi adakah ini didapati di sini? Yang jelas, kita mendapati adalah perselisihan, pertelingkahan telah berlaku sehingga adalah di negeri-negeri yang dikuasai oleh pembangkang diabaikan atau tidak diberi perhatian yang sewajarnya dalam peruntukan kewangan ataupun dalam usaha untuk membangun kawasan-kawasan tertentu di negeri-negeri. Ini jelas dan oleh sebab itu saya berharaplah bahawa dalam isu hubungan antara kuasa *Federal* dengan kuasa di negeri-negeri, *state* dengan *Federal*, bahawa satu persetujuan dapat diadakan, di mana peruntukan kewangan, perancangan-perancangan untuk membangunkan negeri-negeri dijalankan secara adil dan saksama. Supaya politik-politik negatif, tuduh-menuduh, sindir-menyindir dapat dikurangkan dan perpaduan di negara ini dapat dijamin.

Saya di sini, saya tidak pentingkan parti, yang harus dipentingkan ialah negara. Inilah sebenarnya tugas dan fungsi Dewan Negara, bukan untuk terlibat dalam partisan politik tetapi untuk bincang dasar yang dilaksanakan adakah menguntungkan ataupun merugikan negara? Di dalam hal ini, kita tidak boleh memihak kepada sesiapa pun. Mana yang salah, dia harus dibetulkan dan yang elok dibuat, kita puji. Baik, kalau saya rujuklah kepada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, lama lagi kah, berapa minit?

**Dr. Ariffin bin S. M. Omar:** Ada lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baru *start*, so...

**Dr. Ariffin bin S. M. Omar:** Boleh sambung esoklah kalau...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, duduk Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, berhujah dan sebagainya, kena berada dalam Dewan semasa Menteri menjawab. Kalau tidak, Yang Berhormat Menteri akan cakap kita bagi secara bertulis, itu yang satu.

Kedua, saya hendak mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa persidangan kita pada hari ini hanya beberapa hari lagi. So, saya berharap kehadiran Yang Berhormat semua ini penuhlah. Jangan pula tidak datang, fasal minggu ini dan minggu hadapan selesai kerja kita bagi tempoh ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 5.31 petang, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 18 April 2017.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.]**